

# جورنل مہاملات

# JURNAL MUAMALAT

Bil. 1 / 2008 / 1429H

ISSN: 1985-6156

|   |      |
|---|------|
| Sidang Pengarang  | iii  |
| Kata-Kata Aluan Ketua Pengarah JAKIM  | vii  |
| Kata Pengantar Ketua Pengarang  | viii |
| 1. Membangun Ekonomi Ummah Menerusi Instrumen Faraid dan Hibah<br><i>YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi</i><br><i>Menteri Di Jabatan Perdana Menteri</i> | 1    |
| 2. Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat Swisscash Mutual Fund<br><i>Dr. Muhammad Yamin bin Ismail</i>   | 9    |
| 3. Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji Atau Umrah<br><i>Zulfaqar bin Mamat</i>                                     | 27   |
| 4. Penerimaan Komisyen Reinsurans Oleh Syarikat Takaful<br><i>Ahmad Hidayat bin Buang</i>   | 35   |
| 5. Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak<br><i>Syahnaz binti Sulaiman</i>  | 45   |
| 6. Investment-link Menurut Hukum Islam<br><i>Dr. Muhammad Yamin bin Ismail</i>  | 65   |
| 7. Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam<br><i>Naziree bin Md Yusof</i>  | 73   |
| 8. Pensekuritian Bersandarkan Aset Secara Islam<br><i>Nadhirah binti Nordin &amp; Mohamad Sabri bin Haron</i>   | 103  |
| 9. Audit Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam Di Malaysia<br><i>Mohd Zamerey bin Abdul Razak &amp; Nurmaezah binti Omar</i>                                   | 135  |
| 10. Pendekatan Membuat Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam<br><i>Suhaimi bin Mohd Yusof &amp; Ahmad Hazim bin Alias</i><br><i>Bank Negara Malaysia</i>       | 151  |



جانباز اسلام مليسيا

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

# JURNAL MUAMALAT

BIL. 1/2008/1429H



Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

© Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2008  
[Http://www.islam.gov.my](http://www.islam.gov.my)

Cetakan Pertama 2008

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang cetak mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 62519 Putrajaya. Perundingan tertakluk kepada royalti atau honorarium.

Atur huruf dan Rekabentuk Berkomputer oleh:  
Visual Print Sdn. Bhd.  
A-1-7A, No. 2, Jalan 12/144A  
Taman Bukit Cheras, 56000 Kuala Lumpur.

Dicetak oleh:  
Percetakan Nasional Malaysia Berhad  
Jalan Chan Sow Lin, 50554 Kuala Lumpur  
Tel: 03-92212022 Faks: 03-9222 4773  
E-mail: [print@printnasional.com.my](mailto:print@printnasional.com.my)

Diterbitkan oleh:  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

# JURNAL MUAMALAT

BIL. 1

2008/1429H

## **Penasihat**

Dato' Hj. Wan Mohamad bin Dato' Sheikh Abd Aziz  
Ketua Pengarah  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **Ketua Editor**

Haji Razali bin Haji Shahabudin  
Pengarah  
Bahagian Penyelidikan  
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

## **Setiausaha**

Zawanah binti Muhammad

## **Editor**

Syahnaz binti Sulaiman  
Hisral Zirhan bin Md Zahari  
Haji Munir bin Haji Md Salleh  
Abdul Muhaimin bin Mahmood  
Abdul Halim bin Juraimi  
Zainur Akmar binti Abdul Adi

## **Penyumbang Artikel**

Prof. Dr. Ahmad Hidayat bin Buang  
Nadhirah binti Nordin & Prof. Madya Dr. Mohamad Sabri bin Haron  
Dr. Muhammad Yamin bin Ismail  
Zulfaqar bin Mamat  
Naziree bin Md Yusof  
Syahnaz binti Sulaiman  
Mohd Zamerey bin Abdul Razak & Nurmaezah binti Omar  
Suhaimi bin Mohd Yusof & Ahmad Hazim bin Alias

# KANDUNGAN

|   |      |
|---|------|
| Sidang Pengarang  | iii  |
| Kata-kata Aluan Ketua Pengarah Jakim  | vii  |
| Kata Pengantar Ketua Pengarang  | viii |
| 1. Membangun Ekonomi Ummah Menerusi Instrumen Faraid dan Hibah<br><i>YB. Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi</i><br><i>Menteri Di Jabatan Perdana Menteri</i> | 1    |
| 2. Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat Swisscash Mutual Fund<br><i>Dr. Muhammad Yamin bin Ismail</i>   | 9    |
| 3. Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji Atau Umrah<br><i>Zulfaqar bin Mamat</i>                                     | 27   |
| 4. Penerimaan Komisyen Reinsurans Oleh Syarikat Takaful<br><i>Ahmad Hidayat bin Buang</i>   | 35   |
| 5. Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak<br><i>Syahnaz binti Sulaiman</i>  | 45   |
| 6. Investment-link Menurut Hukum Islam<br><i>Dr. Muhammad Yamin bin Ismail</i>  | 65   |
| 7. Hukum Wisoyah & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam<br><i>Naziree bin Md Yusof</i>  | 73   |
| 8. Pensekuritian Bersandarkan Aset Secara Islam<br><i>Nadhirah binti Nordin &amp; Mohamad Sabri bin Haron</i>   | 103  |
| 9. Audit Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam Di Malaysia<br><i>Mohd Zamerey bin Abdul Razak &amp; Nurmaezah binti Omar</i>                                   | 135  |
| 10. Pendekatan Membuat Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam<br><i>Suhaimi bin Mohd Yusof &amp; Ahmad Hazim bin Alias</i><br><i>Bank Negara Malaysia</i>       | 151  |

# *Kata-kata Aluan*

## **KETUA PENGARAH JAKIM**



Alhamdulillah, untaian kesyukuran dirafakkan kehadiran Allah SWT Ta'ala kerana dengan limpah kurnia dan 'inayahnya Jurnal Muamalat dapat diterbitkan buat julung kalinya pada tahun 2008.

Seiring dengan kepesatan dan kedinamikan landskap kewangan Islam di peringkat global serta ke arah merealisasikan inisiatif Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa, JAKIM telah mengorak langkah menyahut cabaran bagi memenuhi keperluan dan tuntutan semasa menerusi penerbitan Jurnal Muamalat.

Penghasilan jurnal ini merupakan suatu wadah penyebaran ilmu pengetahuan yang secara khusus mengupas dan membahas aspek muamalat dan ekonomi Islam di samping berperanan mendorong pemupukan budaya penyelidikan yang berdaya maju dan berkualiti dalam bidang berkaitan. Garapan penghasilan karya dalam jurnal ini memaparkan pelbagai isu yang berkait rapat dengan akitiviti seharian umat Islam sebagai rujukan dan panduan bagi memantapkan kefahaman dan penghayatan terhadap perbendaharaan syariat Islam.

Pada hemat saya, usaha murni ini turut memberi nilai tambah dalam memacu pembangunan ekonomi ummah yang seimbang dan komprehensif melalui pembentukan modal insan yang berilmu, berkemahiran serta mempunyai kepakaran dalam bidang muamalat dari sudut teori dan aplikasi.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada warga Bahagian Penyelidikan, JAKIM kerana segala usaha dan komitmen yang telah dicurahkan akhirnya membuahkan hasil yang dapat dimanfaatkan oleh segenap lapisan ummah. Pihak JAKIM juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada para penulis dan pengkaji yang begitu tekun menabur usaha, menggarap pengalaman, idea dan buah fikiran sehingga penerbitan jurnal ini menjadi kenyataan. Harapan saya agar Jurnal Muamalat akan terus menjadi wasilah penyebaran ilmu dan maklumat dalam menyemarakkan lagi pembangunan sistem kewangan Islam di Malaysia.

Sekian, terima kasih.

***DATO' HAJI WAN MOHAMAD BIN DATO' SHEIKH ABD. AZIZ***

*Ketua Pengarah*

*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

# *Kata Pengantar*

## KETUA EDITOR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala pujian dan limpahan kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya JAKIM telah melakar sejarah dengan menerbitkan Jurnal Muamalat buat pertama kalinya pada tahun 2008.

Jurnal Muamalat tampil dengan mempersembahkan koleksi artikel yang sebahagian besarnya merupakan hasil penyelidikan dalam bidang muamalat dan kewangan Islam. Topik-topik yang dibentang meninjau dan membincangkan isu-isu semasa menurut perspektif hukum Islam meliputi takaful, pelaburan menerusi internet, wakaf, pengurusan harta amanah, pasaran modal dan sebagainya.

Sejarah menyaksikan mata pena atau arena penulisan diibaratkan sebagai sebilah pedang yang mampu mencorak pemikiran masyarakat dan mengubah percaturan urusan dunia. Justeru, kelahiran Jurnal Muamalat diharap dapat merintis anjakan dan memberi impak positif kepada kemajuan ummah terutama sekali terhadap penguasaan khazanah keilmuan Islam dalam bidang muamalat.

Penerbitan jurnal ini juga bukan sahaja berperanan sebagai wadah penyaluran dan penyebaran maklumat, bahkan dilihat sebagai medium untuk menjana percambahan idea yang dinamis di kalangan penyelidik dan cendekiawan Muslim. Segala permasalahan dan isu kontemporari dirungkai dan diperhalusi secara tuntas dan bersepadu berteraskan kepada ketetapan yang telah digariskan oleh Syariah.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan jurnal ini. Kepada seluruh warga Bahagian Penyelidikan JAKIM, tahniah dan syabas diucapkan atas sokongan dan komitmen yang telah diberikan dalam menjadikan penerbitan jurnal ini suatu realiti. Mudah-mudahan usaha yang kecil ini diberkati oleh Allah SWT jua.

Sekian, terima kasih.

**HAJI RAZALI BIN HAJI SHAHABUDIN**

*Pengarah*

*Bahagian Penyelidikan*

*Jabatan Kemajuan Islam Malaysia*

## **Membangun Ekonomi Ummah Menerusi Instrumen Faraid dan Hibah<sup>1</sup>**

**YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi**  
**Menteri Di Jabatan Perdana Menteri**

Perbincangan mengenai isu-isu berkaitan pelaksanaan faraid dan hibah dalam masyarakat merupakan langkah dan usaha yang baik bagi menyubur dan memperkasa sistem ekonomi dan pengurusan harta berlandaskan Islam.

Pembangunan ekonomi umat Islam melalui instrumen faraid dan hibah merupakan salah satu usaha kerajaan yang berterusan bagi membasmi kemiskinan. Kerajaan sentiasa mencari pendekatan yang praktikal dan konkrit bagi memantapkan sistem ekonomi dan pengurusan harta ummah ke arah menjadikan Malaysia sebagai negara contoh dalam menonjolkan kesyumulan Islam dalam hal ehwal perwarisan, pengurusan dan perancangan harta secara sistematik, adil dan saksama.

Ruang pelaksanaan undang-undang Islam telah ditentukan di dalam Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan iaitu undang-undang diri dan undang-undang keluarga bagi orang-orang yang menganut Islam termasuk hukum syarak berhubung dengan perwarisan harta, wasiat, mas kahwin, nafkah, pemberian, pembahagian harta dan amanah dan khairat agama, pelantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi organisasi mengenai pemberian khairat, yayasan amanah, khairat dan yayasan khairat. Begitu juga berkaitan dengan pentadbiran harta merangkumi perwarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat, probet dan surat kuasa mentadbir pusaka dan sebagainya.

Peruntukan undang-undang ini menunjukkan betapa pentingnya undang-undang dan peraturan-peraturan disediakan bagi memastikan



sistem dan aturan hidup manusia berjalan dengan lancar. Ini kerana manusia secara semulajadi hidup bermasyarakat dan saling memerlukan antara satu sama lain bagi meneruskan kehidupan.

Demi menjaga kerukunan hubungan dalam masyarakat, manusia memerlukan kepada suatu sistem perundangan yang sistematik dan unggul bagi menjamin keadilan dan keharmonian. Kedatangan Islam kepada umat manusia merupakan satu rahmat kepada sistem kehidupan. Undang-undang Islam berjaya mengatur kehidupan masyarakat daripada hidup dalam kegelapan dan kezaliman kepada kehidupan yang lebih bermakna dan penuh kasih sayang.

Syariat Islam diturunkan oleh Allah SWT melalui pesuruhNya kepada sekalian umat manusia. Syariat Islam mempunyai objektifnya tersendiri iaitu menjamin lima hak utama manusia iaitu agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Dengan terpeliharanya kesemua hak ini, keadilan dan keharmonian kehidupan manusia di muka bumi akan terjamin.

Harta adalah nikmat dan kurniaan Allah SWT yang diamanahkan kepada manusia. Umat Islam wajib memelihara dan menggunakan harta dengan sebaik-baiknya selaras dengan kehendak Allah SWT. Perbuatan membiarkan harta tanpa diusahakan, membazir, boros serta menyalahgunakan harta adalah dilarang dalam Islam. Kita akan menjadi lebih khuatir sekiranya perkara ini berlaku secara meluas dalam masyarakat kita. Umat Islam akan berhadapan dengan '*opportunity cost*' - sekiranya isu ini gagal diselesaikan dengan cara elok dan tersusun.

Islam membenarkan pemilikan harta secara individu atau kumpulan namun kebenaran tersebut tidak secara bebas. Syariah mengatur dan mengikat kebebasan manusia dalam penggunaan harta dengan ikatan yang menjamin keselamatan orang lain serta tidak bertentangan dengan kepentingan umum. Segala aktiviti ekonomi yang berbentuk batil adalah diharamkan sebaliknya yang mendatangkan kebaikan, mengeratkan hubungan persaudaraan dan menyemai kasih sayang amat digalakkan dalam Islam.

Menurut Prof. Dr. Yusuf al-Qaradawi, harta bukanlah segala-galanya dalam kehidupan. Orang yang hartanya melimpah-ruah me-

mikul tanggungjawab yang lebih besar dan perhitungan pada hari kiamat juga lebih besar. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam surah as-Syu'ara ayat 88-89:

يَوْمَ لَا يَنْفَعُ مَالٌ وَلَا بَنُونَ ﴿٨٨﴾ إِلَّا مَنْ أَتَى اللَّهَ بِقَلْبٍ سَلِيمٍ ﴿٨٩﴾

Terjemahan:

*“Hari yang padanya harta benda dan anak-pinak tidak dapat memberikan pertolongan sesuatu apapun, kecuali (harta benda dan anak-pinak) orang-orang yang datang mengadap Allah dengan hati yang selamat sejahtera (dari syirik dan penyakit munafik)”*.

Orang yang hatinya selamat sejahtera daripada penyakit-penyakit syirik dan munafik tentulah hartanya dibelanjakan pada jalan kebajikan, memimpin anak-anaknya kepada perkara-perkara yang benar, menggalakkan mereka mengerjakan kebaikan, serta mengharapkan mereka menjadi hamba Allah SWT yang taat setia dan dapat memohon syafa'at bagi kedua ibu bapa.

Begitu juga dengan hadith yang diriwayatkan oleh Tabrani dari Mu'adz bin Jabal :

عن معاذ بن جبل قال : قال رسول الله صلى الله عليه وسلم :  
تَزُولُ قَدَمًا عَبْدٌ يَوْمَ الْقِيَامَةِ حَتَّى يَسْأَلَ عَنْ أَرْبَعِ خِصَالٍ عَنْ  
عُمُرِهِ فِيمَا أَفْنَاهُ وَعَنْ شَبَابِهِ فِيمَا أَبْلَاهُ وَعَنْ مَالِهِ مِنْ أَيْنَ اكْتَسَبَهُ  
وَفِيمَا أَنْفَقَهُ وَعَنْ عِلْمِهِ مَاذَا عَمَلَ فِيهِ «

Terjemahan :

*“Pada hari itu manusia akan ditanya tentang 4 perkara: tentang umurnya untuk apa dihabiskan; tentang usia mudanya untuk kegiatan apa dihabiskan; tentang hartanya iaitu dari mana ia mendapatkannya dan ke mana dibelanjakannya; dan tentang ilmunya iaitu bagaimana ia mengamalkannya.”*

Harta pada setiap masa menjadi suatu yang amat diperlukan oleh setiap manusia. Sebagai muslim, harta amat diperlukan untuk menyempurnakan rukun Islam yaitu mengeluarkan zakat dan menunaikan haji. Harta juga dicari untuk memenuhi keperluan hidup dan dibelanjakan bagi memenuhi keperluan diri dan ahli keluarga. Sesungguhnya Islam tidak menghalang umatnya memiliki harta tetapi melarang mereka menjadi hamba kepada harta sehingga mengabaikan tanggungjawab yang ditentukan sebagai pemilik dan pemegang amanah Allah SWT.

Islam melihat pembangunan ekonomi dan pengurusan harta sebagai wasilah untuk mencapai kehidupan yang lebih makmur dan sejahtera. Ini dapat difahami dari maksud hadith yang diriwayatkan daripada Abdullah bin Mas'ud r.a. katanya:

عن ابن مسعود رضي الله عنه قال: سمعت النبي صلى الله عليه وسلم يقول: « لا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ رَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَسَلَّطَهُ عَلَيْهِ هَلْكَتِهِ فِي الْحَقِّ وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ الْحِكْمَةَ فَهُوَ يَقْضِي بِهَا وَيُعَلِّمُهَا » .

Terjemahan:

“Nabi Muhammad SAW pernah bersabda: “Janganlah ingin menjadi seperti orang lain kecuali seperti dua orang ini. Pertama, orang yang diberi Allah kekayaan melimpah-ruah dan ia membelanjakannya secara benar (di jalan yang adil dan sesuai dengan perintah Allah). Kedua, orang yang diberi Allah hikmah dan ia berperangai sesuai dengannya dan mengajarkannya kepada orang lain.”

Riwayat Bukhari

Setiap tindakan atau perbuatan seseorang pasti ada matlamat atau tujuannya. Tetapi apakah yang ingin kita cari dalam kehidupan ini? Ilmu, wang atau selainnya? Perumpamaan orang yang kaya harta dan menginfakkan hartanya ke jalan Allah SWT adalah seperti benih yang menumbuhkan tujuh butir, pada setiap butir terdapat seratus biji. Hakikatnya, kaya atau miskin akan menguji tahap keimanan seseorang. Tidak semestinya yang kaya lemah imannya dan yang miskin pula kuat

imannya atau sebaliknya. Jika direnung yang manakah yang lebih utama, ilmu atau harta? Tentu sekali ilmu kerana seperti kata Sayidina Ali: *“Ilmu akan menjaga dirimu, sementara harta adalah sebaliknya, (kerana) kamu yang harus menjaganya.”* Namun alangkah baiknya jika kita kaya kedua-duanya. Kaya harta dan kaya ilmu kerana kedua-duanya mampu menaikkan kedudukan kita bukan sahaja di sisi manusia bahkan di sisi Allah SWT iaitu dengan cara memanfaatkan kurniaan Allah itu ke jalan yang diredaiNya.

Pemahaman terhadap tujuan pensyariatan ilmu faraid dan hibah dalam Islam serta pelaksanaannya menurut syariat Islam menerusi pendedahan hasil kajian dan amalan oleh para pengamal undang-undang diharap dapat membuka minda kesedaran masyarakat ke arah menghayatinya dalam kehidupan. Hasil kefahaman dan penghayatan terhadap ilmu pengurusan harta akan menjadikan masyarakat Islam lebih peka terhadap pembangunan ekonomi umat Islam di negara ini. Begitu juga dengan tuntutan agama dalam menjaga harta dan hak-hak manusia lain.

Kerajaan sentiasa menyokong usaha-usaha yang dijalankan ke arah pembangunan umat Islam di Malaysia. Pembangunan modal insan yang sedang dilaksanakan oleh kerajaan adalah sebahagian daripada usaha-usaha ke arah menyiapkan umat Islam di negara ini menjadi umat yang cemerlang rohani dan jasmani menjelang tahun 2020.

Kerajaan dalam usaha mengembalikan undang-undang Islam sebagai undang-undang asas dan utama bagi umat Islam di Malaysia telah meninggikan taraf dan kedudukan Mahkamah Syariah dan membebaskannya daripada gangguan dan campurtangan Mahkamah Sivil. Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan memainkan peranan yang penting dalam menjelaskan bidangkuasa Mahkamah Syariah. Sebelum pindaan Perkara 121 (1A), banyak kes-kes berkaitan undang-undang Islam dibicarakan di Mahkamah Sivil. Ini menyebabkan undang-undang yang terpakai adalah undang-undang sivil dan bukannya undang-undang Islam.

Kes tuntutan berkaitan harta bukanlah suatu kes yang baru. Banyak kes-kes terdahulu yang diputuskan di Mahkamah Sivil melibatkan harta

orang Islam. Sebagai contoh, kes tuntutan harta sepencarian dalam kes *Roberts lwn Umi Kalthom* dan isu tuntutan harta syarikat dalam kes *Ramah binti Taat lwn Laton binti Malim Sultan*. Terdapat juga kes-kes yang telah diputuskan melibatkan pertikaian tuntutan harta waris bukan Islam seperti dalam kes *Re Ismail Rentah dec*. Mahkamah Sivil dalam kes ini telah memutuskan bahawa waris bukan Islam tidak berhak mewarisi harta orang Islam.

Tafsiran terhadap perkataan harta kini semakin meluas. Perkataan “harta” menurut kamus dewan ialah barang-barang yang berharga seperti rumah, tanah, barang-barang kemas dan sebagainya yang d punyai oleh seseorang sama ada syarikat, pertubuhan dan lain-lain. Turut disertakan contoh-contoh seperti harta hibah yang diberi dengan keredaan pemiliknya (sebelum dia meninggal dunia), harta sepencarian iaitu harta benda yang didapati daripada usaha sendiri (bukan dipusakai) dan harta pusaka iaitu harta warisan (harta peninggalan si mati). Hartanah merupakan harta yang terdiri daripada tanah dan rumah. Tafsiran “harta” menurut Akta Pencegahan Rasuah 1997 pula ialah apa-apa jenis harta tanah atau harta alih, termasuk wang, sama ada terletak di Malaysia atau di tempat lain, sama ada ketara atau tak ketara, dan termasuklah sesuatu kepentingan dalam mana-mana harta tanah atau harta alih itu.

Perkembangan masa kini menjadikan urusan pengurusan harta semakin mencabar. Justeru, semua pihak yang terlibat sama ada dalam mengurus harta atau memutuskan kes-kes berkaitan harta umat Islam perlu bersedia dari segi ilmu pengetahuan serta berkeupayaan berjihad dalam menyelesaikan kes-kes tersebut.

Masyarakat juga hendaklah dididik agar mendekati dan berjinak-jinak dengan ilmu pengurusan harta seperti faraid, hibah, wasiat dan sebagainya agar segala urusan berkaitan pentadbiran harta berjalan lancar seperti yang ditetapkan oleh al-Quran dan al-Sunnah. Islam menganggap harta sebagai anugerah Allah SWT dan menuntut manusia agar berusaha menguruskannya dengan cara yang betul. Firman Allah SWT dalam surah al-Nisa’ ayat 7 :

لِّلرِّجَالِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا تَرَكَ  
الْوَالِدَانِ وَالْأَقْرَبُونَ مِمَّا قَلَّ مِنْهُ أَوْ كَثُرَ ۗ نَصِيبًا مَّفْرُوضًا ﴿٧﴾

Terjemahan :

*“Orang-orang lelaki ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, dan orang-orang perempuan pula ada bahagian pusaka daripada peninggalan ibu bapa dan kerabat, sama ada sedikit atau banyak daripada harta yang ditinggalkan itu; iaitu bahagian yang telah diwajibkan (dan ditentukan oleh Allah SWT).”*

Harta yang dimiliki adalah amanah Allah SWT yang perlu disyukuri dan diurustadbir menurut lunas-lunas Islam. Justeru, harta ini perlu diurus oleh mereka yang berkelayakan, dan diserahkan kepada mereka yang berhak agar amanah Allah SWT ini dimanfaatkan sepenuhnya bukan sahaja oleh individu malah juga masyarakat sekeliling.

Cabaran juga terletak bagaimana hendak memastikan keadilan tertegak kepada semua dan pada masa yang sama mematuhi peraturan yang ditetapkan oleh undang-undang negara. Kegagalan dan kelemahan dalam merancang dan mengurus pengurusan dan pentadbiran harta boleh mengakibatkan pelbagai kesulitan timbul di kalangan waris. Senario ini boleh mengundang kepada keretakan hubungan silaturahim sesama ahli waris. Lebih parah lagi apabila kelemahan ini dikaitkan dengan agama Islam yang suci.

Sebagai kesimpulan, bagi memastikan pengurusan harta orang Islam terus membangun, berkembang dan memenuhi keperluan umat Islam masa kini, kita perlu memperkenalkan produk-produk terkini yang memenuhi kehendak semasa. Kemajuan sains dan teknologi termasuk perkembangan pesat ICT perlulah digembleng sewajarnya bagi membantu mempercepat serta mempermudah urusan manusia. Sebarang kelemahan yang timbul hendaklah diperbaiki. Di samping itu, semua pihak yang terlibat secara langsung dalam pengurusan harta orang Islam perlu sentiasa berusaha bagi mewujudkan penyelesaian yang terbaik untuk faedah semua di samping memastikan pelaksanaannya adalah bertepatan dengan prinsip-prinsip syariah.

## **Nota hujung**

- <sup>1</sup> Artikel ini merupakan petikan teks ucapan perasmian oleh YB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri ketika merasmikan Konvensyen Faraid dan Hibah Kebangsaan 2008 pada 7 Ogos 2008 bersamaan 5 Sya'aban 1429 bertempat di Dewan Serbaguna Masjid Wilayah Persekutuan, Jalan Duta, Kuala Lumpur.

## **Hukum Pelaburan Ke Atas Syarikat Swisscash Mutual Fund**

**Dr. Muhammad Yamin bin Ismail<sup>1</sup>**

### **Abstract**

*Electronic investment or investment via internet is gaining popularity among the masses. Muslims are no exception of being enticed by the lucrative return offered by the online companies which explains the increasing number of participations in the schemes. As issue arises among the Muslims regarding its permissibility from Shariah perspective, this article attempts to provide an answer to the question by explaining Shariah stand and ruling to this kind of investment.*

### **Pendahuluan**

Terdapat banyak syarikat pelaburan melalui internet yang menawarkan pelaburan melalui internet. Kebanyakannya mendakwa berpangkalan di luar negara. Antaranya ialah SwissCash Mutual Fund, ABB Fund, Eaindex, Winlifund, E-Barrel dan banyak lagi. Artikel ini membentangkan kajian tentang hukum pelaburan ke atas syarikat SwissCash Mutual Fund sahaja (selepas ini akan disebut SwissCash), kerana ia amat popular di kalangan masyarakat Malaysia. Adalah diharapkan hukum berkenaan pelaburan ini dapat juga *digiyaskan* ke atas skim-skim pelaburan internet yang lain. Ini kerana aqad dan bentuk perniagaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat ini adalah lebih kurang sama.



## **Latar Belakang Swisscash**

Skim pelaburan SwissCash dikendalikan oleh Syarikat SwissCash Mutual Fund yang diketuai oleh Michael Mansfield sebagai Chief Financial Officer. Pelaburannya menawarkan pulangan keuntungan sehingga 300% dalam masa 450 hari atau 15 bulan. Setiap peserta dikehendaki melaburkan sejumlah wang antara USD100 hingga USD100,000. Insentif sebanyak 10% komisyen diberikan kepada sesiapa yang dapat menaja ahli baru. Syarikat ini mendakwa menjalankan kegiatan pelaburan mereka dari Republik Dominica, sebuah negara yang mengenakan kadar cukai yang rendah. Aktiviti pelaburan yang dijalankan oleh SwissCash ialah seperti projek pembangunan, *hedging*, ekuiti, tukaran asing (*forex*), perniagaan komoditi dan lain-lain.<sup>2</sup>

Bank Negara Malaysia (BNM) dan Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada 5 September 2006 telah mengeluarkan kenyataan akhbar bahawa SwissCash bukan sebuah badan pelaburan yang diiktiraf oleh kerajaan. Malah kegiatan pihak yang menganjurkan skim ini telah melanggar undang-undang iaitu dengan mengutip deposit daripada orang ramai tanpa kelulusan BNM. Pihak SC pula menjelaskan bahawa pihak SwissCash tidak pernah diberikan lesen untuk menjalankan kegiatan di Malaysia. Sehubungan itu, BNM dan SC menasihatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan skim ini dan mengelakkan diri daripada melabur dengan SwissCash. Orang ramai sepatutnya melaburkan wang mereka di dalam sektor pelaburan tempatan yang lebih selamat dan terjamin.<sup>3</sup>

## **Ciri-Ciri Pelaburan SwissCash**

### **Pertama: Janji ‘Keuntungan yang Dijamin’ atau ‘Guaranteed Fixed Return’**


SwissCash menjanjikan keuntungan yang dijamin atau *guaranteed fixed return* dalam pelaburan mereka. Pelan ini dinyatakan dalam laman webnya seperti berikut:<sup>4</sup>

*SwissCash Investment Plan (SIP) is an Investment Facility provided by SwissCash to investors who do not have know-how in investing in the global market. An investor will invest any*

amount from a minimum of USD100 for a fixed return that usually averages to 20% of principal investment per month. Your fixed returns are guaranteed every month through SIP, for example SIP15300. Many conventional investments do not guarantee their investors profit but SIP guarantees profit to the investors as time/period of payment is pre-set upon any investment.

Plan Pelaburan SwissCash dinyatakan dalam **Jadual 1**:

**Jadual 1:** Plan Pelaburan SwissCash



The SIP is a very simple financial facility. It only requires an investor to invest a certain amount of money for a scheduled fixed return. Payment schedules are very clear and known to all investors.

**Here is an example of a SIP:**

Principal: Amount that you invested in SIP = USD100,000

Frequency of Payments: Every 30 calendar days

Amount of payment:

*10% on first three payments, 15% on next three, 20% on next three, 25% on next three and 30% on last three.*

*Number of Payments: 15*

*Total Returns: 300% returns in 450 days.*

Dalam Jadual 1, untuk pelaburan berjumlah antara USD1000 hingga USD100,000, pelabur dijamin pulangan 20% untuk setiap 30 hari. Manakala pulangan pelaburan dari segi amaun kewangan pula dinyatakan seperti di dalam **Jadual 2** di bawah:

**Jadual 2: Plan Pelaburan SwissCash**

**Swisscash Financial Facility**

**Swisscash Investment Plan (Sip)**

| Number of Payments | Period/days Stat From Day O | Percentage/% Returns on Principal | Amount of Returns based on USD 100,000 Principal | Accumulated Returns /USD |
|--------------------|-----------------------------|-----------------------------------|--|--------------------------|
| 1.                 | 30                          | 10                                | 10,000   | 10,000                   |
| 2.                 | 60                          | 10                                | 10,000   | 20,000                   |
| 3.                 | 90                          | 10                                | 10,000   | 30,000                   |
| 4.                 | 120                         | 15                                | 15,000   | 45,000                   |
| 5.                 | 150                         | 15                                | 15,000   | 60,000                   |
| 6.                 | 180                         | 15                                | 15,000   | 75,000                   |
| 7.                 | 210                         | 20                                | 20,000   | 95,000                   |
| 8.                 | 240                         | 20                                | 20,000   | 115,000                  |
| 9.                 | 270                         | 20                                | 20,000   | 135,000                  |
| 10.                | 300                         | 25                                | 25,000   | 160,000                  |
| 11.                | 330                         | 25                                | 25,000   | 185,000                  |
| 12.                | 360                         | 25                                | 25,000   | 210,000                  |
| 13.                | 390                         | 30                                | 30,000   | 240,000                  |
| 14.                | 420                         | 30                                | 30,000   | 270,000                  |
| 15.                | 450                         | 30                                | 30,000   | 300,000                  |
| Total              | 450                         | 300                               | 300,000  | 300,000                  |

Dalam Jadual 2, jika modal pelaburan sebanyak USD100,000 dilabur selama 450 hari (15 bulan), jaminan pulangan yang akan diperolehi ialah sebanyak USD300,000.

Dari segi hukum Syara', bentuk pelaburan seperti yang dinyatakan itu (jaminan keuntungan) termasuk salah satu daripada dua bentuk:

- (a) *qard* atau pinjaman/hutang dengan faedah yang disyaratkan yang mana ia adalah riba; atau
- (b) aqad *mudarabah* yang rosak syarat-syaratnya.

### ***Qard* Atau Pinjaman Dengan Janji Faedah Yang Disyaratkan Adalah Riba**

Wang deposit atau pelaburan yang diletakkan oleh pelabur dalam institusi kewangan dihukumkan sebagai *qard*. Di dalam aqad *qard*, manfaat atau hadiah atau jaminan pulangan tidak boleh disyaratkan atau dijanjikan kerana ia membawa kepada riba. Ini berdasarkan hadith Rasulullah SAW.:

كل قرض جر منفعة فهو ربا

Terjemahan:

*Setiap pinjaman yang berlaku (ada) manfaat maka ia adalah riba*<sup>5</sup>

Pandangan ulama bahawa *qard* yang disyaratkan padanya manfaat adalah riba adalah seperti berikut:

- (a) Ibn Qudamah:

وكل قرض شرط فيه أن يزيده فهو حرام بغير خلاف

Terjemahan:

*Setiap qard (hutang) yang disyaratkan padanya pertambahan, maka ia adalah haram tanpa khilaf.*<sup>6</sup>

- (b) Pendapat rajih dari kalangan ulama Hanafi mengatakan *qard* (hutang) yang disyaratkan manfaat, ia adalah haram.<sup>7</sup>

قال الحنفية في الراجح عندهم : كل قرض جر نفعا حرام إذا  
كان مشروطا

(c) Pandangan ulama mazhab Maliki:<sup>8</sup>

يحرم الانتفاع بشيء من أموال المقترض كركوب دابته  
والأكل في بيته لأجل الدين لا للإكرام ونحوه

Terjemahan:

*Haram mengambil sesuatu faedah daripada harta benda orang yang berhutang seperti menunggang binatang tunggangannya dan makan di rumahnya dengan sebab memberinya hutang, bukan dengan sebab menghormati si pemberi hutang dan sebagainya.*

(d) Ulama mazhab Syafi'i dan Hanbali bersepakat untuk tidak mengharuskan hutang yang ada manfaat, misalnya memberikan hutang 1000 dengan syarat penghutang membeli rumah si pemberi hutang atau dengan syarat penghutang membayar semula dengan barangan yang lebih baik atau lebih banyak daripada hutang pokok.<sup>9</sup>

لا يجوز قرض جر منفعة مثل أن يقرض ألفا على أن يبيعه  
داره أو على أن يرد عليه أجود منه أو أكثر منه

(e) Ibn Munzir:

أجمعوا على أن المسلف إذا شرط على المستسلف زيادة  
أو هدية فأسلف على ذلك أن أخذ الزيادة ذلك ربا

Terjemahan:

*Mereka telah sepakat bahawa jika pemberi pinjam mensyaratkan ke atas peminjam sebarang pertambahan atau hadiah, dan dia meminjam atas perkara itu, sesungguhnya pengambilan lebihan (pertambahan) itu adalah riba.<sup>10</sup>*

(f) Al-Jassas:

إنه معلوم أن ربا الجاهلية إنما كان قرضاً موءجلاً بزيادة مشروطة فكانت الزيادة بدلاً من الأجل فأبطله الله تعالى وحرمه

Terjemahan:

*Sudah dimaklumi bahawa riba Jahiliyyah ialah hutang bertanggung dengan syarat pertambahan. Pertambahan itu sebagai balasan kepada penangguhan tempoh, maka Allah SWT membatalkannya dan mengharamkannya.*<sup>11</sup>

(g) Dr. Yusuf al-Qaradawi di dalam fatwanya mendefinisikan riba sebagai “setiap pertambahan yang disyaratkan ke atas modal pokok.”<sup>12</sup>

(h) Majlis Penasihat Syariah, Bank Negara Malaysia, dalam menjawab soalan “bolehkah *hibah* diberi sebagai balasan kepada pelanggan yang membuat bayaran mengikut jadual tanpa sebarang kelewatan?” menjawab bahawa “..*hibah* tidak boleh disyaratkan atau dijanjikan dalam kontrak pinjaman (*qard*) dan wadi‘ah kerana ia boleh membawa kepada elemen riba.”<sup>13</sup>

Berdasarkan pandangan-pandangan para ulama di atas, para pelabur telah memberi pinjaman/hutang (*qard*) kepada Syarikat SwissCash dan syarikat ini menjanjikan pulangan tetap. Pulangan ini (*guaranteed fixed return*) adalah nafan (manfaat) yang merupakan riba yang diharamkan. Pengharaman riba adalah berdasarkan firman Allah SWT yang bermaksud:<sup>14</sup>

*“Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu akan ada peperangan dari Allah dan Rasul-Nya (akibatnya kamu tidak menemui selamat). Dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu.(Dengan yang*

demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa, dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa.”

## **Kedua: Aqad Mudarabah Yang Rosak Syarat-syaratnya**

Aqad *mudarabah* ialah pemilik harta (*rabb al-mal*) memberi kepada pengusaha (*mudarib*) suatu harta supaya ia memperniagakannya dan keuntungan dikongsi antara mereka berdua mengikut syarat yang mereka buat.<sup>15</sup> Manakala kerugian dikenakan ke atas pemilik harta sahaja. Pengusaha tidak menanggung apa-apa kerugian. Dia hanya rugi kerja dan tenaga.<sup>16</sup> Hukum *mudarabah* adalah harus berdasarkan al-Quran, al-Sunnah, Ijma' dan *Qiyas*. Firman Allah SWT:<sup>17</sup>

وَأَخْرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

Maksudnya:

“...dan yang lainnya orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah...”

*Mudarabah* merupakan perkongsian untung rugi. Oleh itu keuntungan antara pemilik harta dan pengusaha mesti ditentukan dengan kadar atau ratio tertentu seperti 70:30 atau 1:3 dan 2:3 daripada keuntungan bersih setelah ditolak segala perbelanjaan *mudarabah* dan sebagainya dan tidak boleh dalam bentuk jumlah seperti RM1000 dan RM2000, atau dalam bentuk peratusan kepada modal (contohnya 10% atau 20% daripada wang yang dilaburkan) kerana bentuk ini boleh membawa kepada riba, ketidakadilan kepada salah satu pihak dan boleh menimbulkan perselisihan dalam menentukan kadar keuntungan masing-masing.

Ulama sepakat mengatakan, kontrak pelaburan (*mudarabah*) yang menjamin keuntungan adalah tidak sah dari segi syara'. Pandangan ulama adalah seperti berikut:

(a) Ibn 'Abidin:

وكون الربح بينهما شائعا فلو عين قدرا فسدت

Terjemahan:

*Bahawa keuntungan antara kedua-dua pihak hendaklah meluas (flexible). Kalau ditetapkan satu kadar, maka rosaklah (aqad mudarabah itu).<sup>18</sup>*

(b) al-Kasani:

ومنها أن يكون المشروط لكل واحد منهما من المضارب ورب المال من الربح جزءاً شائعاً نصفاً أو ثلثاً أو ربعاً فإن شرطاً عدداً مقدراً بأن شرطاً أن يكون لأحدهما مائة درهم من الربح أو أقل أو أكثر والباقي للأخر لا يجوز والمضاربة فاسدة

Terjemahan:

*“Antaranya bahawa hendaklah disyaratkan kepada kedua-dua pihak iaitu rabb al-mal dan mudarib akan jumlah keuntungan yang meluas (flexible) sama ada separuh atau satu pertiga atau satu perempat. Sekiranya kedua-dua pihak mensyaratkan bilangan tertentu seperti mensyaratkan bahawa salah seorang akan mendapat seratus dirham keuntungan atau kurang atau lebih dan bakinya diberikan kepada satu pihak lagi, maka ini tidak boleh dan mudharabah itu fasidah (rosak aqadnya).”<sup>19</sup>*

(c) Ibn Qudamah:

قال ابن المنذر أجمع كل من نحفظ عنه من أهل العلم على إبطال القراض إذا جعل أحدهما أو كلاهما لنفسه دراهم معلومة

Terjemahan:

*Kata Ibn Munzir, ahli-ahli ilmu setakat yang kami ketahui semuanya sepakat mengatakan bahawa batal qirad (mudarabah) apabila salah satu pihak atau kedua-duanya menetapkan sejumlah dirham yang dimaklumi.<sup>20</sup>*



(d) Dr. Yusuf al-Qaradawi:<sup>21</sup>

أما أن يفرض لصاحب المال ربح محدد مضمون لا يزيد ولا ينقص وإن تضاعف الربح أو تفاقمت الخسارة فهذا مجافاة للعدل الصريح وتحييز لرأس المال ضد الخبرة والعمل ومعاودة لقوانين الحياة التي تعطى وتمنع وتشجع لحب الكسب المضمون دون عمل ولا مخاطرة وذلك هو روح الربا الخبيث

Terjemahan:

*Adapun sekiranya menetapkan kepada tuan punya harta (pelabur) akan keuntungan yang dijamin yang tidak bertambah atau berkurangan, walaupun keuntungan mungkin berlipat kali ganda atau kerugian yang merudum, maka ini adalah menafikan keadilan yang jelas nyata dan mengenyepikan harta modal daripada usaha dan kerja, serta berlawanan dengan undang-undang kehidupan yang bersifat memberi dan menegah. Ia juga menggalakkan kepada usaha untuk mendapat jaminan pulangan, tanpa bekerja dan berusaha. Ini adalah roh riba yang keji.*

(e) Majlis Penasihat Syariah, Accounting & Auditing Organization For Islamic Institutions (AAOIFI) telah membuat keputusan berikut:

إذا شرط أحد الطرفين لنفسه مبلغاً مقطوعاً , فسدت المضاربة

Terjemahan:

*Apabila mana-mana pihak menetapkan baginya satu jumlah untung yang tetap dan pasti, maka rosaklah aqad pelaburan mudarabah itu.*<sup>22</sup>

(f) Jaminan untung dalam kontrak pelaburan telah disepakati para ulama sebagai haram kerana ia adalah riba. Hadith Nabi SAW menyebut:

الخراج بالضمان

Terjemahan :

*Bagi mendapatkan keuntungan (hasil pelaburan) mestilah dengan menghadapi risiko (bermakna tiada untung tetap dijanjikan dan pelabur mesti menjamin keelokan barangan yang dijual jika melibatkan jual beli)<sup>23</sup>*

Dalam aktiviti kewangan Islam, wang tidak boleh memberi keuntungan tanpa gabungan dengan tenaga atau kepakaran atau perkhidmatan atau sumber-sumber semulajadi dan sebagainya. Dengan erti kata lain, keuntungan mestilah didasarkan kepada liabiliti. Ini berasaskan kepada kaedah fiqh iaitu *الغنم بالغرم (al-ghunmu bi al-ghurmi)* (kerusakan-mudarat-merupakan pulangan kepada keuntungan). Kaedah ini menjelaskan bahawa sesiapa yang memperolehi faedah atau keuntungan dari sesuatu perkara, maka dia juga akan menanggung kerosakan atau mudaratnya.<sup>24</sup> Ini disokong oleh satu lagi kaedah fiqh iaitu *al-ni'mah bi qadr al-niqmah wa al-niqmah bi qadr al-ni'mah* (nikmat itu mengikut kadar serta tanggungan – kesusahan-dan berat tanggungan mengikut kadar nikmat).<sup>25</sup>

Berdasarkan kepada pandangan para ulama di atas, pelaburan SwissCash juga dianggap sebagai aqad *mudarabah* yang rosak syaratnya kerana tidak menepati syarat yang diletakkan oleh hukum dalam pembahagian keuntungan. Dasar pelaburan dalam Islam adalah tertakluk kepada keuntungan dan kerugian. Pelaburan yang hanya semata-mata menjamin keuntungan adalah pinjaman dengan riba sama seperti pinjaman wang dengan faedah (*interest*).

Oleh itu pelaburan SwissCash sama ada termasuk dalam bab *qard jarra nafan* (hutang dengan faedah) atau *mudarabah* yang rosak syarat-syaratnya, maka pelaburan dalam skim ini adalah haram dan tidak sah berdasarkan kepada kedua-dua andaian (*ihhtimal*) ini.

### **Ketiga: Pelaburan SwissCash Yang Diragui: Tukaran Wang Asing (Foreign Exchange)**

Dalam laman webnya, SwissCash mempromosikan pelaburannya dalam minyak dan gas, *hedging*, *comodity futures* dan *forex* bagi meraih keuntungan. Dalam ruangan *Frequently Asked Questions (FAQ)* dinyatakan:<sup>26</sup>

*As a muslim (believer in Islam), we are not allowed to invest in corporations that have dealings with industries such as gamblings, alcohol, tobacco or any other that is related to unhealthy living. Does your investment cover such sectors?*

*In fact we do not, as there are high risk and low return sectors. Our investments are most spread into utilities, I. T., viable project developments, natural resources, agriculture commodities and money markets.*

Salah satu bidang perniagaan SwissCash ialah pertukaran wang asing (*forex atau money markets*). Ensiklopedia Britannica memberikan definisi *forex* sebagai:

*Purchase or sale of one national currency in exchange for another nation's currency, usually conducted in a market setting. Foreign exchange makes possible international transactions such as imports and exports and the movement of capital between countries. The value of one foreign currency in relation to another is defined by the exchange rate.*<sup>27</sup>

Maksudnya suatu jenis perdagangan/transaksi yang memperdagangkan matawang suatu negara terhadap matawang negara lainnya yang melibatkan import eksport dan pemindahan dana antara satu negara dengan negara yang lain.

Perdagangan pertukaran matawang asing diharuskan oleh Syarak tetapi tertakluk kepada garis panduan yang mesti dipatuhi iaitu *qabad* (*serah dan terima*) dalam waktu yang sama secara hakiki atau hukmi yang disebut dalam hadis sebagai *yadan bi yadin*. Dalam bahasa Inggerisnya adalah *on the spot basis*. Ini berdasarkan hadith:

الذهب بالذهب والفضة بالفضة مثلاً بمثل سواء بسواء يدا بيد فإذا  
اختلفت هذه الأشياء فبيعوا كيف شئتم إذا كان يدا بيد

Terjemahan:

*Emas dengan emas (ditukar atau diniagakan), perak dengan perak, mestilah sama timbangan dan sukatananya, dan ditukar secara terus*

(pada satu masa) dan sekiranya berlainan jenis, maka berjual-belilah kamu sebagaimana yang disukai sekiranya ditukar secara terus.<sup>28</sup>

Perdagangan tukaran matawang asing yang diuruskan oleh sistem kewangan konvensional tidak menjaga syarat *qabad* ini yang menyebabkannya menjadi riba *nasi'ah*. Ini kerana perdagangan tukaran matawang asing yang dijalankan oleh institusi kewangan konvensional adalah *forward forex* atau *forex* yang menggunakan *value forward* (nilai masa hadapan) yang tergolong dalam riba nasi'ah. *Forex* yang menggunakan nilai forward ini sememangnya mampu menghasilkan untung yang lebih berbanding *forex on the spot basis* dalam kebanyakan keadaan jika tepat penggunaannya. Selain itu, *forex* juga terdedah kepada unsur spekulasi berlebihan yang boleh menyebabkan ia termasuk dalam kategori perjudian. Bagaimanapun, unsur perjudian ini agak sukar untuk ditetapkan kadarnya.

Tidak dinafikan terdapat sesetengah bank Islam melakukan *forex* setelah mendapat kelulusan Majlis Penasihat Syariah masing-masing. Kebanyakan mereka melakukan *forex* jenis *spot* dan bukannya jenis *forward*. Majlis Penasihat Syariah di bank-bank ini telah meletakkan beberapa syarat dan bukannya secara bebas begitu sahaja. Berkenaan pelaburan SwissCash dalam *forex*, sudah tentu ia tidak memberikan perhatian kepada syarat-syarat yang ditetapkan hukum syara'.

Fatwa-fatwa tentang keharusan *forex* adalah tertakluk kepada syarat *qabad* atau *al-taqabud* atau *yadan biyadin*, bukannya secara mutlak:

- (a) Keputusan Fatwa Negeri Perak tentang hukum perniagaan wang asing (*forex*) menyatakan:

*Mesyuarat Jawatankuasa Syariah yang bersidang pada hari ini 22 Muharram 1425 bersamaan 3 Mac 2005 bersetuju bahawa hukum perniagaan wang asing adalah harus dengan syarat al-taqabud.*

- (b) Majlis Penasihat Syariah, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) dalam mesyuarat ke-68 pada 7 Disember 2001 (Minit Mesyuarat MPS 68:7) telah diminta memberi pandangan tentang persoalan hukum Jual Beli Matawang Asing yang dihadapi oleh BIMB

Foreign Currency Clearing Agency Sdn. Bhd. (BIFCA) dalam operasi harian iaitu wang yang ditempah diterima lewat yang menjadi kebiasaan dalam urusan tukaran matawang asing; adakah termasuk dalam *mafhum riba yad* atau *riba nasi'ah*. MPS BIMB memutuskan bahawa kelewatan penghantaran wang asing dalam isu ini adalah memenuhi maksud “serah menyerah dalam majlis yang sama” (*hallan yadan bi-yadin*) dan tidak bercanggah dengan kehendak syariah kerana kelewatan berlaku disebabkan faktor luar kawalan dan menepati *uruf* perniagaan zaman sekarang.<sup>29</sup>

- (c) Fatwa *Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah bi al-Azhar al-Sharif* menyatakan:<sup>30</sup>

هل يجوز شرعا بيع عملة بعملة أخرى مختلفة القيمة  
والجنسية كبيع الدولار الأمريكي باليورو الأوروبى؟

الجواب : نعم يجوز بدليل حديث الرسول صلى الله عليه  
وسلم في صحيح مسلم: إذا اختلف الجنسان فبيعوا كيف  
شئتم إذا كان يدا بيد.

Terjemahan:

*Adakah harus dari segi syara' membeli satu matawang dengan matawang yang lain yang berbeza nilai dan jenis seperti membeli Dollar Amerika dengan Euro Eropah?*

*Jawapan: Ya, harus, dengan dalil hadith Rasulullah SAW dalam Sahih Muslim: Apabila berlainan jenis, maka berjual-belilah kamu sebagaimana yang disukai sekiranya yadan biyadin.*

Di SwissCash tidak adabadan syariah yang memantau perjalanan perdagangan forex ini yang akan menyebabkan ia menggunakan instrumen *forex* tanpa sebarang ikatan syarat yang ditetapkan syariah. Tanpa syarat *qabad*, transaksi antara matawang dengan matawang secara bertangguh akan menyebabkan berlakunya *riba nasi'ah* yang diharamkan.

### **Keempat: SwissCash Tiada Jawatankuasa Penasihat Syariah**

Peraturan yang diamalkan di Malaysia dan seluruh dunia dalam sistem perbankan, kewangan dan pasaran modal Islam menyatakan mana-mana bank atau syarikat yang ingin mewujudkan skim perbankan Islam atau melaburkan dana mereka dalam mana-mana sekuriti lulus syariah, hendaklah melantik Jawatankuasa Penasihat Syariah dalaman bagi mengawasi dan memastikan produk-produk perbankan dan pelaburan berlandaskan prinsip syariah. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah dalaman ini adalah diwajibkan untuk menasihati pihak bank dan syarikat supaya operasi dan pengendaliannya tidak bertentangan dengan syariah. Syarat ini adalah syarat statutori yang mesti dipatuhi oleh mana-mana institusi perbankan, kewangan dan pasaran modal Islam yang ingin melancarkan produk-produk yang menepati kehendak syariah (*syariah compliance*).

Melalui penelitian terhadap laman web SwissCash, didapati syarikat ini tidak mempunyai Jawatankuasa Penasihat Syariah. Perkara ini tidaklah menghairankan kerana SwissCash adalah syarikat pelaburan konvensional dan mereka tidak perlu kepada jawatankuasa ini untuk mengawasi segala aktiviti pelaburan mereka.

### **Kesimpulan**

Sebarang pelaburan yang menjanjikan pulangan keuntungan secara tetap (riba) adalah haram menurut hukum Islam. Sebagai sebuah syarikat pelaburan konvensional di mana riba menjadi amalan terasnya, tentunya SwissCash akan mempromosikan keuntungan yang luar biasa sebagai satu-satunya daya penarik. Adalah jelas bahawa hukum pelaburan SwissCash dan seumpamanya adalah haram. Oleh itu, umat Islam amat sukar untuk menjustifikasikan bagaimana seorang muslim boleh terlibat dalam bentuk pelaburan seumpama ini dan menjadi pemakan riba, melainkan kerana tamakkan keuntungan semata-mata. Sewajibnya setiap muslim mencari jalan yang halal dalam pelaburan dan menjauhkan diri dari perkara yang haram kerana dia bertanggungjawab di Hari Kiamat tentang hartanya dari mana diperolehi dan di manakah dibelanjakannya.

### **Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke 77 yang bersidang pada 10-12 April 2007 di Hotel Primula, Kuala Terengganu, memutuskan bahawa sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti SwissCash Mutual Fund dan lain-lain adalah haram kerana ia mengandungi unsur riba dan gharar. Teks keputusan adalah berikut :

*“Dalam isu pelaburan saham melalui internet, Jawatankuasa telah memutuskan bahawa sebarang pelaburan yang menjamin keuntungan secara tetap seperti yang ditawarkan oleh beberapa syarikat pelaburan dalam dan luar negara seperti SwissCash Mutual Fund dan lain-lain adalah haram kerana ia mengandungi unsur riba dan gharar. Oleh itu, umat Islam dilarang terlibat dengan pelaburan seumpama ini kerana banyak alternatif lain berlandaskan Islam yang boleh disertai oleh umat Islam.”*

## **Nota Hujung**

- 1 Penulis ialah Penolong Pengarah (Penyelidikan), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
- 2 Swiss Mutual Fund, [http://www.swisscash.net/web/sff\\_sip.aspx](http://www.swisscash.net/web/sff_sip.aspx), tarikh akses 6 Mac 2007.
- 3 “Amaran Mengenai Swiss Cash atau Swiss Mutual Fund.” Siaran Akhbar Bank Negara Malaysia bertarikh 5 September 2006
- 4 Laman web Swiss Cash, [http://www.swisscash.net/web/sff\\_sip.aspx](http://www.swisscash.net/web/sff_sip.aspx), tarikh akses 6 Mac 2007.
- 5 Riwayat al-Harith bin Usamah dari hadis ‘Ali r.a. Nayl al-Awtar, jil. 5, h. 262. Hadith ini walaupun daif, tetapi para ulama sepakat (ijma’) beramal dengan kehendak dan maksudnya.
- 6 Mughni, jil 4, hal. 390
- 7 Dipetik dari Wahbah al-Zuhayli, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, jil. 4, hal. 724
- 8 Ibid
- 9 Ibid
- 10 Dipetik daripada Muhammad Hilmi al-Sayyid ‘Isa (t.t.), Qadaya Fiqhiyyah Mu’asirah, jil. 4. Kaherah: Jami’ah al-Azhar al-Sharif, h. 19.
- 11 Ibid, hal. 21
- 12 Yusuf al-Qaradawi(1987), Fatawa Mu’asirah. Kaherah: Dar al-Wafa’, hal. 605-606.
- 13 Kompilasi Keputusan MPSK, Bank Negara Malaysia (BNM).
- 14 Surah al-Baqarah 2: 278-279
- 15 Wahbah Zuhayli (1994), al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, jil. 4, h. 841
- 16 Ibid
- 17 Surah al-Muzzammil 73: 20
- 18 Hasyiah Ibn ‘Abidin ‘ala al-Dur al-Mukhtar, jil. 5, hal. 648.
- 19 Bada’i al-Sana’i, jil. 8, hal. 3602.
- 20 al-Mughni, jil. 5, hal. 186187.
- 21 Dr. Yusuf al-Qaradawi (1988), al-Halal wa al-Haram fi al-Islam. Kaherah Maktabah Wahbah, h. 260
- 22 Al-Ma’ayir As-Syar’iyyah. Bahrain: AAOIFI, hlm 240.
- 23 Riwayat As-Shafie, Ahmad, Ibn Hibban, Abu Daud : no 3508 ; Albani : Hasan
- 24 ‘Ali Haidar (t.t), Durar al-Hukkam Sharh Majallah al-Ahkam, j. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 79
- 25 Ibid
- 26 SwissCash Mutual Fund, <http://www.swisscash.com>



- 27 Encyclopaedia Britannica Online, <http://www.britannica.com>
- 28 Riwayat Muslim. Rujuk Sahih Muslim, jil 3, hal. 1211. Kaherah: Mustafa al-Halabi
- 29 Haji Mohd. Nazri bin Chik dan Nasruddin Haji Yaakub (2006), Aplikasi Teori-Teori Usul Fiqh Dalam Keputusan-Keputusan Pengawasan Syariah Bank Islam Malaysia Berhad 1983-2004. Sila rujuk <http://www.islamhadari.net>.
- 30 Fatwa ini bertarikh 3 November 2006

## **Skim Pinjaman Wang Daripada Koperasi Dan Seumpamanya Untuk Menunaikan Fardu Haji Atau Umrah**

**Zulfaqar bin Mamat**

### **Abstract**

*The article examines the aspect of istita'ah from the view of classical and contemporary muslim jurists in determining the permissibility of the usage of money from loan scheme provided by co-operative bodies to perform haj or umrah (pilgrimage) in Mecca.*

### **Pendahuluan**

Sejak akhir-akhir ini terdapat beberapa koperasi dan bank di Malaysia yang memperkenalkan skim pembiayaan untuk menunaikan haji atau umrah. Sebagai contohnya Koperasi Belia Islam (KBI) telah melancarkan Skim Simpanan Tahayyuz Haji, Umrah dan Ziarah. Skim ini yang berbentuk tabungan dan pelaburan akan memberi peluang kepada ahli-ahlinya untuk menunaikan fardu haji, umrah dan ziarah apabila tiba gilirannya walaupun wang simpanan belum mencukupi. Ia dibuat berdasarkan prinsip ta'awun sesama ahli, keadilan, perlindungan simpanan dan keuntungan simpanan. Sementara Koperasi Muslimin Malaysia Berhad pula telah meluluskan skim Pembiayaan *al-bay' Bithaman al-ajil* yang mana antara skim yang ditawarkan ialah pembiayaan untuk Pakej Umrah dan Ziarah sahaja. Selain itu, Bank Islam juga turut memperkenalkan skim pinjaman untuk mengerjakan umrah.

Koperasi atau bank yang membiayai skim-skim pinjaman sebegini sebenarnya tidak akan membuat produk tanpa apa-apa asas yang jelas, sebaliknya mereka terlebih dahulu merujuk perkara ini kepada Majlis Penasihat Syariah atau Lujnah Syariah masing-masing. Sungguhpun begitu, sebelum skim pembiayaan seumpama ini berkembang dan diterimapakai oleh koperasi-koperasi, bank-bank dan lain-lain institusi, maka suatu kepastian hukum perlu dibuat di peringkat pusat sebagai panduan kepada pihak-pihak yang terlibat dan juga orang awam.

### **Pensyariatan Haji Dan Umrah**

Ibadat haji termasuk juga umrah merupakan salah satu daripada rukun Islam yang lima. Hukunya ialah fardu ain ke atas setiap orang Islam yang mukalaf dan mampu. Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah, ayat 196 ;

وَأَتِمُّوا الْحَجَّ وَالْعُمْرَةَ لِلَّهِ

Maksudnya :

*“Dan sempunakanlah ibadat haji dan umrah kerana Allah SWT.”*

Sabda Rasulullah SAW ;

بني الاسلام على خمس : شهادة أن لا اله الا الله وأن محمدا رسول الله وأقام الصلاة وإيتاء الزكاة وحج البيت وصوم رمضان .  
رواه البخاري ومسلم

Maksudnya :

*“Didirikan Islam itu di atas lima rukun : Pengakuan bahawa tiada tuhan melainkan Allah SWT dan bahawasanya Muhammad SAW itu pesuruh Allah, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat, mengerjakan haji di Baitullah dan berpuasa di bulan Ramadhan.”*

Kewajipan menunaikan haji dan umrah yang mengandungi hikmah dan falsafah yang banyak dan bernilai telah mendorong umat Islam dari seluruh dunia menanam hasrat untuk melakukan ibadat tersebut walaupun terpaksa berusaha lebih sedikit mempersiapkan diri

dari sudut fizikal dan material untuk menunaikan rukun Islam yang kelima tersebut.

### **Kemampuan (*Istita'ah*) Untuk Mengerjakan Haji Atau Umrah**

Islam secara prinsipnya tidaklah memberatkan umatnya terhadap sesuatu perkara melainkan sekadar yang termampu. Demikian juga, kewajipan menunaikan haji yang terikat dengan syarat-syarat yang khusus, salah satu daripadanya ialah berkemampuan untuk menunaikannya. Firman Allah SWT:

وَلِلَّهِ عَلَى النَّاسِ حِجُّ الْبَيْتِ مَنِ اسْتَطَاعَ إِلَيْهِ سَبِيلًا

Ali Imran : 97

Maksudnya :

*“Dan Allah SWT mewajibkan manusia mengerjakan ibadah haji dengan mengunjungi Baitullah, iaitu sesiapa yang mampu dan berkuasa sampai kepadanya.”*

Dalam membincangkan syarat kemampuan ini para fuqaha telah sepakat menyatakan bahawa kemampuan yang dimaksudkan dalam ayat ini ialah kemampuan dari segi fizikal, kewangan dan keamanan, tetapi mereka berselisih pendapat dalam memperincikan apakah bentuk kemampuan-kemampuan tersebut. Antara yang dibahaskan ialah soal kemampuan dari segi kewangan di mana individu yang ingin menunaikan haji itu mestilah melebihi paras keperluan asasi bagi dirinya dan keluarganya sepanjang masa pemergiannya ke Baitullah tersebut, selain itu dia hendaklah menjelaskan segala hutang piutang yang masih tertanggung kerana hutang merupakan salah satu hak yang mesti ditunaikan.

### **Perincian Fuqaha Mengenai Kemampuan**

Berikut dinyatakan beberapa perincian yang dikemukakan oleh fuqaha mengenai *istita'ah* khususnya dari sudut hutang seperti berikut:

- i. Fuqaha Malikiyyah mengatakan “tidak wajib haji dengan cara berhutang sekalipun dengan bapanya sendiri sekiranya dibimbangi

tidak mampu membayar balik pinjaman tersebut” (*Dr. Wahbah al-Zuhayli, al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh, Jld. 3, Hlm. 2085*)

- ii. Fuqaha Syafi'iyah pula menyatakan “Disyaratkan bagi orang yang mengerjakan haji itu pembiayaan untuk bekalan dan kenderaannya hendaklah daripada lebih pendapatannya selepas ditolak segala hutangnya yang perlu dibayar dengan segera atau secara tangguh, sama ada hutang yang bersangkutan dengan hak manusia atau hak Allah SWT (*Ibid, Hlm. 2087*)
- iii. Fuqaha Hanabilah pula berpandangan seperti fuqaha Syafi'iyah dalam hal ini kerana penunaian hutang adalah keperluan asasi dan bersangkutan pula dengan hak-hak manusia yang mesti ditunaikan. (*Ibid, Hlm. 2091*)
- iv. Imam al-Mawardi dari kalangan fuqaha Syafi'iyah ketika membincangkan syarat kemampuan ini pula telah membahagikannya kepada dua belas jenis dan salah satu daripadanya ialah seseorang yang berkemampuan dari segi harta dan fizikalnya, tetapi dia mempunyai hutang yang belum dilangsaikan, maka hukumnya tertakluk kepada dua keadaan :
  - a. Hutang yang perlu dibayar segera. Dalam keadaan ini haji tidak wajib ke atas individu itu kerana dia dianggap tidak berkemampuan.
  - b. Hutang yang tidak perlu dibayar segera (boleh ditangguhkan). Sekiranya hutang itu perlu dibayar sebelum hari wukuf di Arafah maka tidak wajib haji, tetapi sekiranya ia perlu dibayar pada hari wukuf di Arafah maka terdapat dua pandangan:

*(al-Mawardi, al-Hawi al-Kabir, Jld. 4, hlm. 13)*

    - Tidak wajib haji kerana tidak berkemampuan
    - Wajib haji kerana hutang secara bertangguh tidak perlu dibayar sebelum sampai masanya.

Daripada pendapat-pendapat fuqaha mazhab di atas dapatlah disimpulkan bahawa fuqaha Syafi'iyah dan Hanabilah tidak mewajibkan haji kepada individu yang masih berhutang, fuqaha Malikiyyah juga

berpendapat demikian tetapi ada sedikit kelonggaran iaitu boleh dikerjakan haji sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman tersebut. Imam al-Mawardi seterusnya ketika memperincikan pendapat mazhab Syafi'i telah menukulkan pendapat kedua yang mewajibkan orang yang berhutang secara tangguh mengerjakan haji sekiranya hutang itu boleh dibayar selepas hari Arafah.

Berdasarkan kepada pemahaman nas-nas dan pendapat-pendapat fuqaha klasik tersebut maka didapati beberapa orang ulama moden kemudiannya berbeza pandangan dalam menentukan hukum berhutang untuk menunaikan ibadat haji.

Dr. Ahmad al-Syarbasi berpandangan bahawa tidaklah menjadi suatu kewajipan kepada orang yang tidak mempunyai harta untuk mengerjakan haji dengan meminjam wang daripada orang lain. Ini berdasarkan firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran, ayat 97 tadi dan ia juga dikuatkan lagi dengan hadith yang diriwayatkan oleh al-Baihaqi:

عن عبدالله بن أبي أوفى قال : سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم عن رجل لم يحج , أيستقرض للحج ؟ قال : لا

Maksudnya :

*“Daripada Abdullah bin Abi Awfa katanya : Aku bertanya kepada Rasulullah SAW tentang seorang lelaki yang belum menunaikan haji, adakah boleh dia meminjam untuk menunaikannya ?  
Sabdanya : Tidak boleh”.*

Selain itu, ulasan dalam kitab-kitab *turath* seperti “*al-Muhazzab*” yang menyatakan bahawa seseorang yang ada wang untuk menunaikan haji tetapi dia berhajat untuk melangsaikan hutangnya maka tidak wajib dia menunaikan haji walaupun hutang itu perlu dibayar segera atau secara tangguh. Ini menguatkan lagi pendapat yang tidak mewajibkan haji secara berhutang. (Dr. Ahmad al-Sharbasi, *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayat*, Jld. 1, Hlm. 171-172).

Pendapat ini juga dipersetujui oleh Panel Fatwa Islamweb yang tidak mewajibkan berhutang untuk menunaikan haji walaupun tidak menafikan dari segi kesahihannya. (<http://www.islamweb.net/ph>)

Syeikh Atiyyah Saqr pula mengemukakan pendapat bahawa tidak wajib bagi seseorang itu berhutang untuk mengerjakan haji berasaskan dalil hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Baihaqi tadi. Tegahan tersebut menurut sesetengah ulama membawa hukum haram dan ada yang menyatakan makruh sahaja. Sungguhpun begitu, harus bagi seseorang itu berhutang (tanpa faedah) dan mengerjakan haji dengannya apabila diyakini dapat membayar balik pinjaman tersebut tanpa memberi kesan yang besar kepada pendapatan dan nafkah keluarganya. Antara contoh pinjaman jenis ini ialah seperti menubuhkan dana atau koperasi yang mana anggotanya melalui sumbangan bulanan atau tahunan berpeluang menunaikan haji secara bergilir-gilir berdasarkan prinsip saling lengkap melengkap. (<http://islamonline.net/fat...>)

Ahli Majlis Fatwa *al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth wa al-Ifta'* yang berpusat di Riyad, Arab Saudi ketika ditanya tentang haji orang yang berhutang menyatakan harus orang yang berhutang itu mengerjakan haji jika dia yakin mampu membayar balik pinjaman dan pemergiannya menunaikan haji tidak menghalangnya menunaikan hutang atau orang yang berhutang menunaikan haji dengan izin orang yang memberi hutang. Sekiranya tidak yakin dapat membayar balik atau tidak diizinkan maka tidak harus baginya mengerjakan haji. Sekiranya dilaksanakan juga haji tersebut maka hukumnya adalah sah. (*Fatawa al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiah wa al-Ifta'*, Jld. 11, Hlm. 47-48)

## **Rumusan**

Berdasarkan pendapat-pendapat yang dikemukakan di atas dapatlah dirumuskan seperti berikut :

- i. Hukum asal berhutang untuk menunaikan haji adalah tidak wajib.
- ii. Sungguhpun begitu ada pendapat yang mengharuskan berhutang untuk menunaikan haji sekiranya diyakini mampu membayar balik hutang tersebut dan ia tidak menjejaskan kehidupan normalnya.
- iii. Sekiranya tidak mampu menanggung kedua-duanya, hendaklah didahulukan membayar hutang daripada menunaikan haji.

- iv. Adalah dicadangkan sekiranya hukum meminjam wang untuk menunaikan haji atau umrah ini diharuskan, sebaik-baiknya skim pinjaman ini hendaklah diuruskan melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, kerjasama (*ta'awun*), adil dan telus dalam operasinya disamping bebas dari unsur riba. Skim ini juga hendaklah dilindungi oleh skim takaful untuk mengelakkan bebanan kepada penjamin sekiranya peminjam meninggal dunia sebelum habis membayar pinjaman.

### **Keputusan Mesyuarat Panel Kajian Syariah (PKS) Dan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan (MJKF)**

Isu ini telah dibawa dan dibincang melalui dua panel yang ditubuhkan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia iaitu PKS dan MJKF, kedua-dua panel tersebut secara umumnya bersetuju mengharuskan berhutang untuk menunaikan haji sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang tersebut dan skim pinjaman itu dijalankan atas prinsip ikhlas, kerjasama (*ta'awun*), adil, telus dan bebas dari unsur riba.

Berikut ialah keputusan lengkap kedua-dua panel tersebut;

- i. Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke 47 pada 27-28 Julai 2004. Ahli-ahli PKS dalam mesyuarat tersebut telah bersetuju membuat keputusan seperti berikut:

*“Harus bagi orang yang berhutang dengan menggunakan skim pinjaman wang daripada koperasi dan seumpamanya untuk menunaikan fardu haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang tersebut dan tidak menjejaskan kehidupan normal seseorang.”*

- ii. Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia kali ke 69 pada 13-15 Jun 2005 yang kemudiannya meneliti kertas mengenai perkara tersebut telah memutuskan seperti berikut:

*“Adalah harus seseorang berhutang untuk menunaikan haji atau umrah sekiranya diyakini mampu membayar balik pinjaman hutang tersebut dan tidak menjejaskan kehidupannya;”*



*dan*

Skim pinjaman tersebut hendaklah diurus melalui badan atau koperasi yang mementingkan prinsip ikhlas, *ta'awun*, adil dan telus dalam operasinya di samping bebas dari unsur-unsur riba.”

## **Rujukan**

Al-Quran al-Karim

Sheikh Abdullah Bin Muhammad Basmieh, *Tafsir Pimpinan al-Rahman*, Dar al-Fikr, Cet. 16, Th. 2000, Kuala Lumpur

Abdullah Ibn Soleh al-Muhsin, *al-Abadith al-Arbain al-Nawawiah*, Maktabah al-Haramain, T. Th. Madinah al-Munawwarah.

Dr. Wahbah al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*, Dar al-Fikr, Cet. 4, Th. 1997, Damsyik

Abu al-Hasan Ali Ibn Muhammad Ibn Habib al-Mawardi, *al-Hawi al-Kabir*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Th. 1999, Beirut

Dr. Ahmad al-Sharbasi, *Yasalunaka fi al-Din wa al-Hayat*, Dar al-Jail, T. Th. Beirut

*Fatawa al-Lajnah al-Daimah li al-Buhuth al-Ilmiah wa al-Ifta*, Dar al-Muayyad, Cet. 3, Th. 2000, Jeddah

<http://www.islamweb.net/>

<http://islamonline.net/>

## **Penerimaan Komisyen Reinsurans Oleh Syarikat Takaful<sup>1</sup>**

**Ahmad Hidayat bin Buang**

### **Abstract**

*This paper examines the permissibility for the takaful company to accept commission payment from the conventional reinsurance company. Most of the fatwa committees of the takaful companies approve their companies to retakaful or reinsure their customer policies with conventional reinsurance company for the reason of necessity or dharurah. Nevertheless there has been some discussion among the practitioners and scholars in Malaysia on whether the company can accept commission payment made by the conventional reinsurance company. The author is of the view that this payment is permissible since it is a kind of reward to the effort made by the takaful company for introducing new business.*

### **Pendahuluan**

Tajuk ini cuba untuk membahaskan pandangan hukum Syarak terhadap syarikat takaful yang menjalankan perhubungan atau kerjasama dengan syarikat insurans konvensional. Perhubungan atau kerjasama yang dimaksudkan di sini ialah dalam melaksanakan tujuan-tujuan perniagaan takaful. Di dalam perniagaan insurans konvensional termasuk juga sektor kewangan yang lain seperti perbankan dan pasaran saham,

perhubungan atau kerjasama sebegini pada masa kini sudah menjadi perkara biasa malah boleh dikatakan sebagai suatu keperluan, terutama dalam menghadapi persaingan dan cabaran perniagaan global. Terdapat banyak bentuk perhubungan dan kerjasama ini seperti perkongsian bijak, pelaburan berkait (*investment link*), retakaful atau reinsurans, banktafakul dan pelbagai lagi. Sudah tentu perhubungan atau kerjasama ini menimbulkan persoalan hukum kerana perbezaan di antara syarikat yang mengamalkan prinsip-prinsip Islam dan syarikat kewangan konvensional yang berasaskan kepada sistem faedah yang dianggap riba dan haram di sisi syariat Islam. Antara persoalan yang telah dibangkitkan ialah amalan syarikat takaful menerima bayaran komisyen tertentu daripada syarikat reinsurans. Sebelum kita membincangkan persoalan ini adalah terlebih baik untuk kita membincangkan serba sedikit tentang mengenai konsep retakaful dan hukum komisyen dalam hukum Islam.

Terdapat beberapa tulisan mengenai reinsurans atau takaful semula. Bahkan topik yang dibincangkan dalam artikel ini juga turut dibahaskan. Sebagai contoh Mohammed Burhan Arbouna telah menulis satu artikel yang agak komprehensif membincangkan tajuk ini.<sup>2</sup> Oleh itu, apa yang akan saya bincangkan di sini adalah sebagai tambahan kepada apa yang telah dibincangkan terdahulu dengan membuat penumpuan kepada persoalan bayaran komisyen dalam konteks retakaful.

### **Makna Reinsurans dan Retakaful**

Di dalam bahasa Arab reinsurans dikenali sebagai *i'adah al-ta'min*. Prinsip reinsurans atau retakaful ini bermaksud satu kontrak antara syarikat takaful dengan syarikat pemberi retakaful. Melalui kontrak ini syarikat retakaful akan bertanggungjawab terhadap risiko yang ditanggung oleh syarikat takaful. Sebagai balasannya syarikat Takaful akan membayar atau berkongsi keuntungan atau peratusan bayaran premium kepada syarikat retakaful. Sungguhpun syarikat retakaful akan menanggung risiko pemegang polisi atau peserta, namun syarikat takaful dalam semua keadaan adalah debtor atau *madin* bagi semua tuntutan daripada pemegang polisi.<sup>3</sup> Tujuan retakaful adalah supaya risiko dikongsi bersama dengan syarikat retakaful. Ini adalah satu amalan perniagaan yang berhemah dan boleh mengelak syarikat takaful

daripada mengalami kerugian. Keperluan untuk melakukan reinsurans sudah dirasakan sejak dari dahulu lagi. Sebagai contoh undang-undang Mesir pada tahun 1955 sudah mewajibkan semua syarikat insurans di Mesir mengambil reinsurans dalam peratusan tertentu yang ditetapkan oleh undang-undang sebagai satu langkah untuk menyebarkan dan berkongsi risiko polisi insurans yang telah dijual. Di Malaysia perkara yang sama juga telah diperuntukkan oleh Akta Takaful 1984.

### **Fatwa Mengenai Retakaful**

Semua sarjana Islam dalam bidang takaful serta kewangan Islam berpendapat bahawa konsep retakaful atau takaful semula ini adalah selaras dengan Syariah Islam sebagaimana dengan konsep takaful itu. Sebagai contoh keputusan Majma' al-Fiqh al-Islami Kedua, Pertubuhan Negara-negara Islam yang bersidang pada 22-28 Disember 1985 memutuskan bahawa insurans yang selaras dengan hukum syarak adalah yang berasaskan kepada sukarela (*tabarru'*) dan pertolongan (*ta'awun*) atau apa yang dikenali sebagai *al-tamin al-ta'awuni* (*cooperative insurance*). Majma' juga memutuskan bahawa prinsip ini juga terpakai kepada syarikat reinsurans.<sup>4</sup> Keputusan ini terutamanya yang berkaitan dengan konsep *cooperative insurance* adalah lanjutan daripada resolusi satu seminar yang diadakan di Morocco pada 6 Mei 1972 yang memutuskan bahawa sokongan harus diberikan kepada *cooperative insurance* sebagai ganti kepada insurans konvensional.<sup>5</sup> Perbezaan antara takaful dan retakaful ialah di dalam retakaful perhubungan adalah di antara syarikat takaful dengan syarikat takaful atau reinsurans yang lain. Ia adalah perhubungan di antara profesional. Tujuan retakaful atau reinsurans sebagaimana yang dinyatakan di atas adalah untuk menyebarkan tanggungan risiko syarikat takaful supaya dapat menunaikan tanggungjawabnya. Oleh yang demikian, retakaful sebagaimana takaful adalah bertujuan untuk bantu membantu dan tolong menolong dan ia adalah selaras dengan Syariah.<sup>6</sup>

Konsep di atas tidak mendatangkan sebarang masalah sekiranya kedua-dua syarikat pemberi (*ceding company*) dan penerima takaful itu beroperasi berasaskan Syariah. Pada masa lalu timbul persoalan iaitu apakah boleh sebuah syarikat Takaful mengtakaful semula dengan

syarikat insurans? Pada umumnya amalan ini tidak dibenarkan kerana syarikat insurans menjalankan perniagaan tidak menurut Syariah terutama terlibat dengan pelaburan yang berunsur ribawi. Sungguhpun demikian, keperluan kepada takaful atau insurans semula ini amat mendesak, di mana terdapat sesetengah ahli jawatankuasa Syariah syarikat takaful berpandangan syarikat takaful boleh meretakaful premiumnya dengan syarikat insurans konvensional berasaskan kepada prinsip *hajah* atau *darurah*.<sup>7</sup> Keizinan ini diberikan sementara waktu atas alasan masih terdapat kekurangan syarikat takaful di pasaran ketika itu. Ini ditambah lagi dengan alasan syarikat Takaful boleh menimba pengalaman dengan syarikat insurans yang telah lama berada di pasaran melalui kerjasama ini. Dalam menjalin kerjasama ini sesetengah penulis meletakkan beberapa syarat seperti berikut:<sup>8</sup>

1. Kerjasama berkenaan tidak akan mendatangkan kemudharatan kewangan atau destabilisasi sistem kewangan dalam negara syarikat takaful berkenaan.
2. Perjanjian kerjasama reinsurans semula itu seboleh-bolehnya membawa keuntungan kepada syarikat takaful ataupun sekurang-kurangnya situasi menang-menang.
3. Mesti memberi keutamaan kepada syarikat takaful yang lain apabila sahaja timbul kesempatan untuk berbuat demikian.
4. Mesti meneliti dengan berhati-hati kuantum liabiliti yang di-insuranskan bagi mengelakkan berlakunya *gharar* yang jelas dan nyata.
5. Melakukan insurans semula berasaskan kepada premium asas bersih (*net premium basis*) dan tidak boleh menerima sebarang bayaran keuntungan yang berasaskan riba.
6. Syarikat takaful digalakkan memaklumkan peserta dan pemegang saham mengenai kerjasama ini dan menggalakkan mereka menambah sumbangan *tabarru'* bagi tujuan reinsurans atau retakaful.
7. Berusaha untuk memujuk syarikat insurans konvensional supaya dapat mengadakan perjanjian usaha sama berkenaan berasaskan perkongsian untung dan rugi atau *musyarakah* dan pelaburan premium tersebut mengikut prinsip-prinsip hukum Islam.

## Isu-isu Hukum Berbangkit Dari Syarikat Takaful Yang Melakukan Reinsurans

Melalui penerangan kerjasama antara syarikat takaful dan insurans konvensional dibenarkan melalui prinsip *darurah* atau *hajah* serta ditambah syarat-syarat yang lain seperti di atas supaya penggunaan prinsip ini bertepatan dengan kehendak Syarak. Maka timbul lagi beberapa persoalan iaitu apakah sesetengah amalan di dalam insurans konvensional tersebut boleh diterima dari segi hukumnya. Pertamanya ialah penggunaan kaedah untuk melakukan reinsurans. Dari segi amalan, terdapat dua kaedah yang digunakan untuk menjalankan reinsurans ini iaitu secara perkongsian kouta (*quota share basis*) dan perkongsian lebihan (*surplus share basis*). Mengikut pandangan ulama<sup>6</sup> masa kini yang mengkaji sistem kewangan moden seperti Wahbah Zuhayli dan Muhammad Sulaiman Ashqar, kedua kaedah di atas adalah harus mengikut hukum Syariah. Sungguhpun demikian Wahbah Zuhayli berpandangan kaedah perkongsian kouta adalah lebih diutamakan.<sup>9</sup>

Amalan kedua yang menjadi pokok perbincangan kertas ini ialah bayaran komisyon yang diterima oleh syarikat takaful daripada syarikat insurans semula. Bayaran komisyon ini dan lain-lain bayaran adalah berasaskan kepada perjanjian atau *treaty* reinsurans. Terdapat pelbagai pandangan mengenai bayaran komisyon ini melihat bagaimana perjanjian itu dibuat. Ada sesetengah penulis berpendapat bayaran ini mempunyai unsur-unsur ribawi dan gharar yang jelas kerana bayaran tersebut berasaskan kepada peratus pra anggaran premium (*premium pre-estimated percentage*) yang diserahkan kepada syarikat reinsurans. Ini adalah *gharar* kerana bayaran komisyon ini bukan lagi berasaskan kepada akad *tabarru'* tetapi pertukaran. Kedua kerana syarikat takaful tidak terlibat dengan kerugian yang berlaku kepada syarikat insurans semula. Ini adalah bercanggah dengan konsep tolong-menolong dan bantu membantu takaful itu sendiri. Keadaan ini hanya akan menyebabkan syarikat takaful hanya bertindak sebagai agen semata-mata dan tidak terlibat dengan konsep perlindungan takaful.

## Analisis Bayaran Komisyon Dalam Reinsurans Mengikut Fiqh

Sebelum jawapan diberikan kepada alasan-alasan di atas maka perlu kita selidiki apakah tujuan bayaran komisyon ini dan kedudukannya

di dalam hukum Syarak secara umum. Amalan menerima komisyen ini atau juga dikenali di dalam bahasa arab sebagai *simsar* diharuskan oleh para ulama kerana ia tidak bercanggah dengan mana-mana dasar hukum Syarak. Ia adalah persetujuan antara seorang tengah atau broker dengan pelanggan di satu pihak dan pengusaha atau pembekal di pihak yang lain. Persetujuan *simsar* ini diperolehi dengan sukarela dari pihak-pihak terlibat dan orang tengah tersebut menerima bayaran upah daripada usahanya mencari pelanggan atau mencari pembekal atau pengusaha. Persetujuan ini penting terutama daripada pihak yang membuat bayaran komisyen, manakala pihak yang lain tidak perlu dimaklumkan urusan ini, sungguhpun dalam konteks retakaful atau reinsurans adalah digalakkan peserta dimaklumkan mengenai urusan berkenaan. Oleh yang demikian dari segi akadnya amalan *simsar* ini berasaskan kepada *ujr* (upah) dan perwakilan (*wakalah*). Begitu juga jika ia menyimpan barang-barang pembekal maka berlaku hubungan amanah yang berasaskan akad *wadi'ah*. Oleh yang demikian dari segi hukumnya amalan menerima komisyen ini adalah harus. Oleh itu jika diaplikasikan prinsip *simsar* ini kepada amalan retakaful dalam konteks bayaran komisyen maka syarikat takaful adalah menjadi orang tengah di antara peserta dan syarikat reinsurans. Oleh kerana bayaran dibuat oleh syarikat insurans, maka persetujuan daripadanya adalah penting sekali untuk menjadikan bayaran ini sah.

Dari segi amalan reinsurans, tujuan bayaran komisyen ini dibuat adalah kerana kesediaan syarikat takaful menyerahkan premium mereka dan sebagai balasan kepada usaha dan prestasi syarikat takaful menguruskan premium tersebut. Bayaran tersebut juga sebagai insentif dan bonus kepada amalan *underwriting* yang cermat dan berhati-hati. Tujuan-tujuan ini tidaklah bercanggah dengan hukum Syarak. Sungguhpun demikian sesetengah penulis telah menimbulkan beberapa keraguan mengenai kesahihan penerimaan bayaran komisyen ini, terutama dari segi asas kaedah pengiraan kadar bayarannya yang dikatakan mempunyai unsur *ribawi* dan *gharar* sebagaimana yang telah saya sentuh sepintas lalu di atas. Secara terperinci keraguan ini berpunca daripada alasan bahawa bayaran komisyen yang diterima itu adalah bersifat sebagai suatu bentuk balasan dan ini menghilangkan

elemen *tabarru'* akad takaful berkenaan. Apatah lagi bayaran tersebut dikatakan tidak berasaskan kepada kos sebenar pengurusan premium tersebut dan syarikat takaful hanya bertindak sebagai agen kepada syarikat insurans di mana kos pengurusan ditanggung oleh syarikat takaful sendiri. Ini mengikut sesetengah pengkaji melibatkan ketidakjelasan kerana kos pengurusan premium adalah tinggi dan adalah wajar bagi syarikat reinsurans untuk sama-sama menanggung kos tersebut. Apatah lagi kos pengurusan itu sebenarnya ditanggung oleh peserta. Oleh yang demikian dicadangkan supaya kaedah bayaran komisyen diabaikan dan kedua-dua pihak menggunakan bayaran bersih premium (*net premium basis*) untuk mengelak ketidakjelasan ini. Begitu juga dicadangkan supaya peserta juga dimaklumkan mengenai kos-kos yang terlibat termasuk kos pengurusan yang melibatkan reinsurans.

Seterusnya dikatakan juga bahawa bayaran komisyen ini berasaskan kepada pra pengiraan atau anggaran kepada peratusan premium yang diserahkan kepada syarikat insurans yang akan dibayar kepada risiko yang dilindungi. Keraguan kepada kaedah bayaran ini ialah di mana syarikat takaful menerima bayaran sedangkan dalam pada masa yang sama ia tidak berkongsi dengan kerugian yang dialami oleh syarikat reinsurans. Keadaan ini mengikut mereka yang meragui bayaran komisyen adalah bercanggahan dengan kaedah fiqh *al-kharaj bi al-daman* iaitu keuntungan hendaklah bersama dengan risiko kerugian. Atas alasan ini mereka juga menolak hujah yang menyatakan bayaran komisyen ini berasaskan kepada akad *mudarabah* kerana syarikat takaful tidak menanggung apa-apa kos kerugian syarikat reinsurans. Berasaskan kepada hujah-hujah ini, mereka membuat kesimpulan bahawa alasan bayaran komisyen ini sebagai insentif atau balasan kepada pengurusan yang cekap dan berhati adalah tidak tepat dan mengelirukan. Ia adalah hanya satu alasan untuk menghalalkan pembayaran faedah atau riba.<sup>10</sup>

Pandangan di atas ternyata agak keras dalam menentang penerimaan bayaran komisyen. Sungguhpun demikian, penulis berpendapat sebagaimana yang dinyatakan di atas, kritikan ini diberikan kepada kaedah yang digunakan bagi menentukan kadar bayaran dan bukan kepada prinsip asas penerimaan bayaran komisyen yang diakui sah oleh para ulama. Dari segi akad atau kontrak berlaku persetujuan yang sah antara syarikat takaful dan syarikat reinsurans untuk bekerjasama dan oleh kerana



syarikat takaful berjaya membawa “business” atau pelanggan kepada syarikat insurans tersebut maka ia akan diberi sedikit bayaran upah. Kedudukan ini adalah jelas, namun bagaimana hendak menentukan bayaran itu adalah berasaskan kepada pelbagai kaedah. Lazimnya dalam mana-mana institusi kewangan Islam yang ada pada hari ini sama ada yang melibatkan produk perbankan atau *sukuk* kaedah keuntungan adalah berasaskan kepada amalan yang terdapat dalam sistem konvensional seperti KLIBOR, LIBOR, BLR dan sebagainya sebagai panduan. Oleh yang demikian penentuan kadar bayaran komisyen reinsurans ini sama sahaja seperti yang berlaku dalam perbankan dan *sukuk*.

Keraguan bahawa bayaran komisyen ini bercanggah dengan kaedah *al-kharaj bi al-daman* kerana syarikat takaful tidak sama-sama menanggung risiko syarikat reinsurans, juga tidak dapat diterima. Ini adalah kerana bayaran komisyen berkenaan adalah bersamaan dengan upah atau hadiah kepada syarikat takaful yang telah membawa peluang perniagaan kepada syarikat reinsurans. Mungkin boleh dipersoal percanggahan kaedah ini dengan prinsip takaful yang lebih meluas semasa menilai tujuan kerjasama ini diadakan. Namun kerugian syarikat reinsurans, bukanlah tanggungan syarikat takaful kerana ia tidak terlibat dalam pelaburan dan pengurusan syarikat reinsurans berkenaan. Begitu juga kerugian syarikat reinsurans malah syarikat takaful sendiri tidak boleh menggugat perlindungan yang dijanjikan kepada peserta takaful.

Persoalan seterusnya yang ditanya oleh sesetengah syarikat takaful ialah siapa pemilik bayaran komisyen ini? Apakah ia milik pemegang saham syarikat takaful atau apakah ia milik peserta atau milik keduanya. Perkara ini boleh dilihat dari pelbagai perspektif sama ada asas kontrak atau pengeluaran modal. Sudah tentu premium yang diserahkan kepada syarikat reinsurans ini adalah sumbangan peserta dan diuruskan oleh syarikat takaful. Berasaskan kepada keadaan ini bayaran komisyen ini sepatutnya dikongsi secara bersama oleh syarikat dan peserta. Dari perspektif peserta sama ada bayaran komisyen tersebut dilaburkan semula ke tabung *tabarru'* atau pelaburan juga bergantung bagaimana bayaran premium diserahkan kepada syarikat reinsurans. Jika melibatkan kedua-dua tabung maka seharusnya keduanya mendapat manfaat daripada bayaran komisyen tersebut. Tidak dapat dipastikan dari segi kelancaran

dan kemudahan untuk melaksanakan cadangan-cadangan ini, namun jika melibatkan kesukaran dan tambahan kos maka persetujuan peserta boleh diminta semasa akad permulaan takaful bagi membenarkan syarikat membayar manfaat komisyen tersebut hanya ke dalam tabung *tabarru'*.

### **Cadangan dan Kesimpulan**

Sungguhpun, retakaful dengan syarikat insurans konvensional dibolehkan atas dasar *darurah* sebagaimana yang dibincangkan di atas, keputusan persidangan Majma' al-Fiqh al-Islami, sebagaimana yang disentuh di atas mencadangkan supaya kerjasama dalam bentuk retakaful ini diadakan dalam bentuk syarikat kerjasama atau *cooperative retakaful* antara syarikat-syarikat takaful. Berasaskan kepada saranan ini, beberapa sarjana telah mencadangkan kaedah-kaedah pelaksanaan bagi penubuhan syarikat ini:<sup>11</sup>

1. Semua syarikat takaful membuat sumbangan kepada tabung retakaful.
2. Bayaran ini hendaklah selaras dengan risiko yang ditentukan bagi setiap syarikat takaful. Bayaran boleh dibuat secara pendahuluan atau secara janji (*pledge*).
3. Bayaran yang diterima akan diuruskan oleh pengurus melalui pelaburan dan sebagainya.
4. Bagi yang membuat bayaran secara janji dikehendaki membuat bayaran apabila berlakunya pembayaran faedah takaful.

Mungkin ada di antara kaedah pelaksanaan seperti di atas tidak praktikal atau rumit untuk dilaksanakan terutama pembayaran dalam bentuk janji. Sungguhpun demikian ini adalah hanya cadangan.

## Nota Hujung

### (Endnotes)

- 1 Rencana ini berasal dari kertas kerja bertajuk “Komisyen Reinsurans, Bagaimana Menguruskannya?” yang dibentangkan di *Muzakarah Pakar Takaful 2007*, Hotel Pan Pacific KLIA, pada 4-5 September 2007.
- 2 “The Operation of Retakaful (Islamic Reinsurance) Protection”, *Arab Law Quarterly*, volume 15, part 4, November 2000, hh.335-363. Tulisan lain yang terbaru ialah Mohd Ma’sum Billah, *Applied Takaful and Modern Insurance Law and Practice*, Petaling Jaya: Sweet and Maxwell Asia, 2007, A.R.A. Wahab, et.al., “Islamic Takaful: Business Model, Shariah Concerns and Proposed Solutions” *Thunderbird International Business Review*, volume 49, 2007, h.371 dan *Islamic Insurance Trends, Opportunities and the Future of Takaful*, London: Euromoney, 2007.
- 3 Ali al-Khafif, “al-Ta’min”, *Majallat al-Azhar*, Vol.37, 1965-66, h.75.
- 4 Dipetik dari Abd al-Aziz Khalifah al-Qasar, “I’adah al-Ta’min al-‘Aqabat wa a-Hulul”, *Persidangan Pertama Bagi Insurans Takaful*, Kuwait, 19-20 April 2006, h.11. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Haji Mohd Zamerey Abdul Razak, Assistant Vice-President – Shariah Compliance, Takaful Ikhlas Sdn Bhd, kerana membekalkan kertas kerja ini kepada saya.
- 5 Dipetik dari Samir Mankabady, “Insurance and Islamic Law: The Islamic Insurance Company”, *Arab Law Quarterly*, vol. 4, part3, 1989, h.202
- 6 Ali al-Khafif, *op.cit.*, hh.86-87.
- 7 Dr. ‘Ajil Jasim al-Nasymi telah meringkaskan pandangan-pandangan ini di dalam kertas kerjanya bertajuk “Bath I’adah al-Ta’min al-‘Aqabat wa a-Hulul”, *Persidangan Pertama Bagi Insurans Takaful*, Kuwait, 19-20 April 2006, hh.17-26.
- 8 Mohammed Burhan Arbouna, *op.cit.*, hh.349-350.
- 9 Dipetik dari Mohammed Burhan Arbouna, *ibid.*
- 10 *Ibid*, h.352.
- 11 *Ibid*, h.340.

## **Hukum Pembangunan Tanah Wakaf Khas Menurut Perspektif Syarak**

**Syahnaz binti Sulaiman**

### **Abstract**

*The development of waqf properties such as waqf lands towards the advancement of ummah has long being recognised and promoted in many parts of the Muslim world. This paper seeks to highlight the permissibility of initiating development on waqf lands particularly waqf khas in the light of Shariah.*

### **Pendahuluan**

Perlembagaan Persekutuan secara jelas telah memperuntukkan bahawa wakaf merupakan salah satu aspek keagamaan yang disenaraikan di bawah Jadual Kesembilan, Senarai II (Senarai Negeri) seperti berikut:

*....Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganut agama Islam, termasuk Hukum Syarak berhubung dengan wakaf Islam.....*

Oleh yang demikian, semua perkara yang berkaitan dengan harta wakaf serta pentadbirannya adalah terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sebagaimana yang terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Undang-Undang Islam Negeri.

Berdasarkan kepada maklumat yang diperolehi daripada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), keluasan tanah wakaf di Malaysia adalah dianggarkan berjumlah 36,000 hektar. Daripada jumlah tersebut, keluasan tanah wakaf khas di negara ini dianggarkan lebih besar berbanding dengan keluasan tanah wakaf am. Misalnya pada tahun 2005, keluasan tanah wakaf khas yang direkodkan di Johor dianggarkan berjumlah 51,686 ekar berbanding wakaf am yang hanya mencatat sebanyak 18,740 ekar. Di Kedah, pada tahun yang sama, jumlah tanah wakaf khas dianggarkan berjumlah 203 ekar manakala wakaf am ialah 32 ekar.<sup>1</sup>

Daripada data yang telah diperolehi, didapati seolah-olah wujud satu trend di kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia yang lebih gemar untuk mewakafkan tanah bagi tujuan khas. Senario ini mungkin berpunca daripada aspek pemahaman, persepsi dan sikap masyarakat Melayu di negara ini yang beranggapan wakaf khas bagi tujuan pembinaan masjid, sekolah agama dan perkuburan dapat menjamin ganjaran pahala yang lebih besar di dunia dan akhirat berbanding dengan wakaf am.

Menurut Syeikh Muhammad Abu Zahrah di dalam *Muhadharat fi al-Waqf*, amalan wakaf tidak hanya terhad kepada pembinaan masjid, bahkan merangkumi semua amalan kebajikan seperti mewakafkan tanah, untuk tujuan pembinaan hospital, rumah-rumah anak yatim dan fakir miskin yang dapat membantu ke arah pembangunan sosio ekonomi ummah.

Memandangkan jumlah harta wakaf di Malaysia adalah agak besar, maka usaha-usaha untuk mengembang serta membangunkan harta berkenaan hendaklah diberikan perhatian yang serius oleh pihak kerajaan negeri khususnya Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) selaku pemegang amanah tunggal<sup>2</sup> kepada harta wakaf, sama ada wakaf am atau wakaf khas.<sup>3</sup> Sebagai *al-mutawalli*, MAIN berperanan untuk mengurus harta wakaf dengan baik, mempunyai kecekapan dalam mengurus dana-dana wakaf dan memaksimakan potensi wakaf untuk faedah benefisiari serta umat Islam.

Seiring dengan perkembangan persekitaran global yang kian mencabar dewasa ini, peranan wakaf harus diinterpretasikan menerusi skop

yang lebih luas. Dalam hal ini, konsep harta wakaf tidak boleh dilihat dari aspek keagamaan dan kerohanian semata-mata. Fungsi dan peranan wakaf perlu diperkasa dari segi potensinya kepada penjana ekonomi, pembasmian kemiskinan, peningkatan taraf pendidikan dan kesihatan, pembangunan penyelidikan dan sebagainya bagi kepentingan umat Islam.

Sehingga ke hari ini, pelbagai pelan tindakan telah direncana oleh pihak Kerajaan Pusat mahupun Kerajaan Negeri untuk memajukan harta wakaf di Malaysia. Antaranya ialah melalui penyelarasan fatwa di peringkat kebangsaan. Pada tahun 1982, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah mengisytiharkan fatwa *wakaf ibdal* atau *istibdal* sebagai salah satu pendekatan untuk mengembang dan membangunkan tanah-tanah wakaf yang terbiar di seluruh negara. Walau bagaimanapun, setelah genap 25 tahun fatwa tersebut diumumkan, usaha-usaha pembangunan harta wakaf di Malaysia masih berada pada tahap yang agak perlahan berbanding negara-negara Timur Tengah seperti Mesir, Kuwait, Republik Arab Bersatu dan Turki.

Malah Malaysia juga dilihat agak ketinggalan jika dibandingkan dengan jiran terdekatnya Singapura sebuah negara bukan Islam di selatan tanah air yang pembangunan harta wakafnya begitu berdaya maju, digerakkan oleh penduduk minoriti beragama Islam yang hanya membentuk 13.9% daripada komposisi kaum di Singapura. Setakat ini, harta wakaf di kepulauan kecil itu dianggarkan berjumlah SGD\$250 juta atau RM574 juta yang meliputi 100 bidang tanah wakaf.<sup>4</sup> Sedangkan Malaysia dianggarkan memiliki 36,000 hektar tanah wakaf yang mana sekiranya tanah-tanah tersebut dibangunkan secara inovatif dan profesional, sudah tentu dapat memberikan pulangan hasil yang lebih berlipat ganda untuk dimanfaatkan oleh seluruh umat Islam di negara ini.

Di Kuwait misalnya, projek-projek yang melibatkan pembangunan harta wakaf telah memberi faedah yang besar kepada penduduk negara tersebut. Sebagai contoh, Yayasan Wakaf Am Kuwait atau Kuwait Awqaf Public Foundation (KAPF) yang bertindak sebagai pentadbir harta wakaf di Kuwait telah berjaya mengembang harta dan dana wakaf negara berkenaan melalui aktiviti pembangunan dan pelaburan yang

kemudiannya disalurkan untuk pelbagai tujuan seperti memberikan bantuan kewangan kepada Pusat Autistik Kuwait. Beberapa kegiatan amal yang lain turut dilakukan setelah mematuhi semua syarat-syarat waqif seperti membantu pelajar-pelajar miskin, menyediakan air minuman percuma di tempat-tempat awam, memberi bantuan makanan dan pakaian kepada keluarga yang susah pada bulan Ramadhan dan sebagainya.<sup>5</sup>

Pembangunan tanah wakaf sewajarnya dilaksanakan secara profesional dan efisien kerana pulangan hasilnya akan memberikan impak yang besar terhadap kemajuan ekonomi umat Islam khususnya serta negara amnya. Bagi tujuan merealisasikan hasrat tersebut, pihak Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM250 juta kepada Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) bagi tujuan membangunkan harta wakaf di seluruh Malaysia. Projek pembangunan tersebut akan dilaksanakan menerusi jalinan kerjasama antara JAWHAR dan MAIN.<sup>6</sup>

Isu pembangunan tanah wakaf terbiar khususnya wakaf khas yang tidak dimajukan disebabkan oleh beberapa faktor telah diutarakan oleh beberapa pengkaji menerusi kajian dan penulisan akademik mengenai harta wakaf.<sup>7</sup> Antara faktor-faktor utama yang dikenal pasti ialah kekangan dari sudut kewangan, konflik perundangan, kedudukan tanah wakaf di zon tidak ekonomik, keluasan tanah yang terhad, ketidaksesuaian struktur fizikal tanah dengan tujuan wakaf (seperti tanah berpaya) serta persekitaran komuniti yang tidak kondusif (misalnya tanah wakaf masjid yang terletak di kawasan komuniti bukan beragama Islam) dan sebagainya.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi melalui kenyataannya kepada pihak media telah mengemukakan saranan agar Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan bagi Majlis Hal Ehwal Ugama Islam (MJFK) meneliti dan mengkaji dari aspek perundangan syarak berhubung hukum membangunkan tanah wakaf khas secara komersial tanpa mengetepikan kehendak syariat. Misalnya, adakah undang-undang Islam membenarkan sesuatu tanah wakaf khas untuk masjid dibina bangunan bertingkat yang menempatkan masjid dan lot-lot perniagaan bagi memaksimumkan

penggunaan tanah yang mana hasil daripada sewa bangunan tersebut disalurkan kepada masjid dan umat Islam.<sup>8</sup>

Bagi memastikan pembangunan tanah wakaf dapat dieksploitasi secara optimum serta menepati kehendak syarak, kertas ini mengemukakan beberapa persoalan yang memerlukan penentuan dari segi perundangan Islam mengenai pembangunan harta wakaf seperti berikut:

- i) Hukum membangunkan tanah wakaf khas misalnya wakaf masjid yang dibangunkan di atasnya bangunan selain daripada masjid yang hasil sewaan bangunan atau sebarang aktiviti ekonomi di atas tanah tersebut disalurkan kepada masjid.
- ii) Hukum menggunakan wang lebih hasil daripada pembangunan tanah wakaf khas untuk tujuan yang lain setelah ditolak perbelanjaan pengurusan tanah tersebut.

### **Definisi Wakaf**

Perkataan wakaf berasal daripada kata kerja Arab *waqafa* yang bermaksud tahan (*al-habs*) dan halang (*al-man'*).<sup>9</sup> Dari segi istilah syara' wakaf didefinisikan sebagai suatu dedikasi harta di mana harta berkenaan ditahan dan hanya manfaatnya sahaja diaplikasikan bagi tujuan-tujuan kebajikan sama ada secara umum atau khusus.

Menurut Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999, wakaf ialah "*suatu penyerahan apa-apa harta yang segala faedah atau kepentingan daripadanya boleh dinikmati bagi apa-apa tujuan khairat sama ada sebagai suatu wakaf am atau wakaf khas mengikut Hukum Syarak...*".<sup>10</sup>

Secara umumnya terdapat dua kategori wakaf<sup>11</sup> iaitu wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am ialah wakaf yang manfaatnya ditujukan untuk kegunaan semua golongan masyarakat.<sup>12</sup> Perwakafan kategori ini boleh diaplikasikan kepada perkara-perkara atau tujuan-tujuan kebajikan yang umum. Ia juga dikenali sebagai *al-waqf al-khairi*.

Wakaf khas pula adalah merujuk kepada wakaf yang manfaatnya didedikasikan untuk tujuan atau golongan tertentu. Dalam hal ini, pewakaf telah menentukan sejak awal lagi benefisiari (penerima manfaat)



atau tujuan sesuatu wakaf yang dibuat.<sup>13</sup> Wakaf yang telah ditentukan benefisiari juga dikenali sebagai *al-waqf ahli* atau *al-waqaf al-zurri*.

*Waqaf musytarak* adalah merujuk kepada harta yang diwakafkan sebahagiannya untuk ahli keluarga dan sebahagian lagi untuk masyarakat umum. Sebagai contoh wakaf tanah pertanian yang mana sebahagian daripada hasilnya adalah untuk waris sementara sebahagian lagi adalah untuk tujuan umum.<sup>14</sup> Satu lagi kategori wakaf ialah wakaf *irsad* iaitu penyerahan sesuatu harta seperti tanah oleh pihak Kerajaan atau mana-mana perbadanan, institusi atau organisasi untuk tujuan perwakafan bagi kepentingan umum.<sup>15</sup>

Dari segi amalan pentadbiran harta wakaf, wakaf am adalah lebih mudah untuk ditadbir kerana ciri-ciri umum pada wakaf am memudahkan MAIN selaku pentadbir harta wakaf merancang sebarang bentuk pembangunan harta berkenaan asalkan manfaatnya dapat digunakan atau dinikmati oleh orang awam seperti pembinaan hospital, sekolah, perpustakaan dan masjid. Manakala wakaf khas dari sudut pengurusannya tertakluk kepada niat atau syarat yang telah ditetapkan oleh *waqif* yang harus dipatuhi oleh pentadbir harta wakaf.

### Dalil Pensyariatan Wakaf

Pensyariatan wakaf adalah berdasarkan kepada firman Allah S.W.T di dalam surah Ali Imran, ayat 92 seperti berikut:

لَنْ نَّالُوا الْبِرَّ حَتَّىٰ تُنْفِقُوا مِمَّا تُحِبُّونَ ۚ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فَإِنَّ اللَّهَ بِهِ عَلِيمٌ ﴿٩٢﴾

Terjemahan :

*“Kamu tidak akan sekali-kali dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna) sebelum kamu dermakan sebahagian dari apa yang kamu sayangi dan sesuatu apa jua yang kamu dermakan maka sesungguhnya Allah Maha Mengetahui”.*

Menurut Anas bin Malik, Abu Talhah telah meminta penjelasan lanjut daripada Rasulullah SAW mengenai maksud ayat di atas. Baginda Rasulullah SAW menjelaskan bahawa antara sedekah harta yang di-

maksudkan di dalam ayat ini ialah wakaf. Sebaik sahaja Abu Talhah mendengar penerangan tersebut, beliau telah mewakafkan kebun kesayangannya, Bayruha untuk tujuan kebajikan.<sup>16</sup>

Umat Islam sememangnya digalakkan untuk menginfakkan harta serta bersedekah bagi membantu golongan yang lemah dan memerlukan. Amalan ini sebenarnya menggambarkan kecintaan seseorang Muslim bukan sahaja kepada perkara kebajikan malahan kasih sayang kepada saudara sesama Islam yang dijanjikan oleh Allah SWT dengan ganjaran pahala berlipat ganda di dunia dan akhirat menerusi ayat 77, surah *al-Hajj*:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا ارْكَعُوا وَسْجُدُوا وَعِبُدُوا رَبَّكُمْ  
وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

*“Wahai orang-orang yang beriman! Ruku’lah serta sujudlah (mengerjakan sembahyang) dan beribadatlah kepada Tuhan kamu (dengan mengtauhidkanNya) serta kerjakanlah amalan-amalan kebajikan supaya kamu berjaya (di dunia dan di akhirat)”.*

Pengiktirafan terhadap amalan perwakafan turut disandarkan kepada hadis Rasulullah SAW yang bermaksud:

”إِذَا مَاتَ ابْنُ آدَمَ انْقَطَعَ عَمَلُهُ إِلَّا مِنْ ثَلَاثٍ : صَدَقَةٌ جَارِيَةٍ  
أَوْ عِلْمٌ يُنْتَفَعُ بِهِ أَوْ وَلَدٌ صَالِحٌ يَدْعُو لَهُ“

*“Apabila telah mati seseorang anak Adam, maka terputuslah segala amalannya melainkan tiga perkara: sedekah jariah, ataupun ilmu yang dimanfaatkan, ataupun anak yang soleh yang mendoakan untuknya”.*<sup>17</sup>

*Riwayat Muslim*

Ulama hadith telah bersepakat bahawa perkataan *sadaqah jariah* di dalam hadith di atas adalah merujuk kepada amalan wakaf.<sup>18</sup> Menurut Al-Rafi’i (seorang pengikut mazhab Syafi’i), bentuk-bentuk sedekah

yang lain tidak mengandung elemen kekal atau berterusan sebagaimana di dalam ibadat wakaf yang mana pahalanya terus mengalir kepada pewakaf walaupun selepas kematiannya.<sup>19</sup> Kedudukan *waqif* juga adalah tinggi di sisi Islam kerana ia dianggap sebagai sedekah jariah yang dapat mendekatkan diri seseorang *waqif* kepada Allah SWT.

Keistimewaan ibadat wakaf dapat dinilai daripada ganjaran pahala berterusan yang akan diperolehi oleh seseorang pewakaf meskipun setelah dia meninggal dunia. Malah pihak yang menerima wakaf juga akan turut sama menikmati manfaat yang hasil daripada penggemblengan harta wakaf tersebut. Dengan kata lain, wakaf merupakan satu bentuk pelaburan yang dijamin ganjaran yang berpanjangan oleh Allah SWT di samping mendapat keredhaan daripadaNya.

Sejarah Islam telah melakarkan pelbagai kegemilangan yang dicapai oleh umat Islam hasil daripada pembangunan harta wakaf yang kemudiannya disalurkan untuk tujuan pembangunan ekonomi, kesihatan, pendidikan, penyelidikan, kebudayaan dan lain-lain semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga kini. Misalnya beberapa institusi pengajian tinggi seperti Universiti Cordova di Andalus (Sepanyol), al-Azhar di Mesir, Madrasah al-Nizamiyah di Baghdad, Iraq dan al-Jamiah al-Islamiyyah di Madinah<sup>20</sup> telah dibangunkan serta berkembang menjadi institusi pengajian Islam yang ulung hasil sumbangan daripada harta wakaf.

### **Prinsip-Prinsip Asas Wakaf**

Prinsip utama yang mendasari amalan wakaf sama ada wakaf am atau wakaf khas ialah harta wakaf itu tidak boleh dijual, tidak boleh diberikan kepada orang lain dan tidak boleh diwarisi.<sup>21</sup> Majoriti fuqaha termasuk Imam al-Syafi'i serta fuqaha daripada mazhab al-Zahiriyyah dan sebahagian daripada Syiah Imammiyah bersepakat bahawa elemen kekal (*al-ta'bid*) merupakan syarat kesahan sesuatu wakaf meskipun ianya tidak dizahirkan di dalam lafaz.<sup>22</sup> Ini disebabkan wakaf dari sudut konsepnya adalah mengeluarkan harta bagi tujuan kebajikan atas dasar *qurbah* iaitu mendekatkan diri kepada Allah. Oleh hal yang demikian, sesuatu wakaf adalah kekal selama-lamanya di bawah milikan Allah

SWT dan tidak boleh diubah.<sup>23</sup> Manakala hasil atau lebih daripada wakaf tersebut hanya boleh disalurkan bagi tujuan perwakafan sahaja. Sekiranya sesuatu wakaf itu dibuat untuk sesuatu tempoh tertentu, maka ianya dianggap batal kerana sifahahnya dianggap rosak disebabkan pensyariatan wakaf itu sendiri yang menetapkan ianya adalah kekal untuk selama-lamanya.<sup>24</sup>

Imam Muhammad bin al-Hassan al-Shaybani juga menekankan ciri-ciri kekal di dalam sesuatu wakaf dengan memasukkan tujuan ataupun benefisiari wakaf yang tidak terputus. Manakala Abu Yusuf berpendapat syarat kekal di dalam wakaf tidak perlu dizahirkan kerana ianya memang sudah tersirat di dalam perkataan wakaf itu sendiri. Sekiranya tujuan atau benefisiari wakaf telah terputus atau tiada lagi, maka wakaf berkenaan akan diaplikasikan kepada mereka yang fakir dan yang memerlukan memandangkan mereka merupakan penerima asal sesuatu sedekah.<sup>25</sup>

Fuqaha yang memelopori pandangan bahawa sesuatu wakaf itu adalah kekal untuk selama-lamanya dan tidak boleh diubah adalah bersandarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Umar. Hadis ini menceritakan tentang hasrat Sayyidina Umar al-Khattab yang ingin menyedekahkan sebidang tanah dikenali sebagai “thamagh” yang diperolehi ketika pembahagian harta di Khaybar. Harta tersebut adalah sangat bernilai yang belum pernah dimiliki olehnya sebelum ini. Dalam hal tersebut, Rasulullah SAW telah bersabda: “Kalau kamu setuju tahanlah harta berkenaan dan sedekahkanlah manfaat (hasilnya) kepada tujuan-tujuan kebajikan”. Maka Umar telah bersetuju menyedekahkan hasilnya kepada fakir miskin, sanak saudaranya, untuk membebaskan hamba, untuk orang yang bermusafir, para tetamu dan *ibnu al-sabil* dengan syarat harta berkenaan tidak boleh dijual, diberikan kepada orang lain dan diwarisi.<sup>26</sup>

Hadis ini telah menggariskan prinsip asas dalam pelaksanaan wakaf iaitu sesuatu wakaf yang sah tidak boleh melalui sebarang transaksi seperti dijual, dihibah dan diwarisi. Apabila seseorang itu telah melakukan sesuatu wakaf maka harta tersebut hendaklah dikekalkan sebagaimana niat dan tujuan asal. Ia juga tidak boleh ditarik balik kerana apabila sesuatu wakaf itu telah dibuat, harta tersebut dianggap menjadi

hak milik Allah SWT dan pewakaf tidak berhak untuk mengubah atau melupuskannya kepada orang lain.

Tegahan ini dibuat supaya pewakaf mendapat pahala yang berkekalan daripada Allah SWT. Tambahan pula ciri-ciri kekal pada wakaf telah membezakannya daripada amalan kebajikan yang lain seperti amalan bersedekah. Dalam hal ini, Imam al-Syafi'i mengibaratkan konsep perwakafan seperti konsep pembebasan hamba di mana seseorang hamba tidak lagi dianggap sebagai milik tuannya setelah dibebaskan.

Imam Malik dan Mazhab Maliki serta Abu Hanifah walau bagaimanapun berpendapat sesuatu wakaf itu boleh dibuat untuk suatu tempoh masa yang tertentu.<sup>27</sup> Malah Abu Hanifah berpendapat sesuatu harta wakaf itu boleh dijual apabila keadaan memerlukan.<sup>28</sup> Menurut Imam Malik, sesuatu wakaf boleh mempunyai tempoh atau had masa tertentu bagi memperluaskan amalan berwakaf di dalam masyarakat.<sup>29</sup>

Jika diteliti, pandangan Imam Abu Hanifah dalam persoalan ini adalah dipengaruhi oleh pemahamannya terhadap konsep wakaf itu sendiri yang dianggap terdapat padanya unsur '*ariyah* atau pinjaman. Dalam sesuatu perwakafan, pemilikan 'ain wakaf adalah kekal bersama dengan pemberi wakaf dan hanya manfaat wakaf yang diberikan kepada penerima wakaf atau untuk memenuhi tujuan sesuatu wakaf. Ia jelas menggambarkan seolah-olah harta wakaf itu hanya sekadar dipinjamkan kepada benefisiari yang ditentukan. Oleh itu, bila-bila masa sahaja pewakaf boleh mengambil kembali harta tersebut.<sup>30</sup>

Meskipun Imam Malik dan Imam Abu Hanifah berpegang kepada prinsip bahawa sesuatu wakaf itu boleh dibuat secara sementara, namun dalam hal yang melibatkan wakaf masjid, mereka bertegas menyokong pandangan fuqaha yang lain bahawa wakaf masjid adalah kekal selamanya iaitu tidak boleh mempunyai had masa atau tempoh tertentu kerana sesuatu masjid apabila telah diwakafkan adalah menjadi milik Allah SWT secara mutlak.<sup>31</sup>

Di samping itu, kesemua mazhab telah bersepakat bahawa syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh pewakaf diibaratkan seperti nas-nas syarak yang wajib dipatuhi. Tetapi dari segi aplikasinya, pandangan mereka berbeza-beza mengikut keperluan dan kepentingan sesuatu kes.<sup>32</sup>

Dengan kata lain, dalam keadaan tertentu misalnya terdapat keperluan, *darurah* atau *masalahah* bagi kepentingan harta wakaf atau benefisiari maka mengubah sesuatu syarat wakaf adalah diharuskan.

## **Wakaf Masjid**

Salah satu bentuk wakaf khas yang sering dibahasakan oleh para fuqaha ialah wakaf masjid. Masjid adalah begitu sinonim dengan agama Islam sebagai lambang kesucian Islam itu sendiri di samping memberi konotasi tentang ketaatan dan ketaqwaan manusia terhadap Allah SWT dengan beribadat kepadaNya.

Firman Allah SWT di dalam surah *al-Jinn*, ayat 18:

وَأَنَّ الْمَسَاجِدَ لِلَّهِ فَلَا تَدْعُوا مَعَ اللَّهِ أَحَدًا

*“Dan bahawa sesungguhnya masjid-masjid itu untuk (beribadat kepada Allah) semata-mata, maka janganlah kamu seru dan sembah sesiapaupun bersama-sama Allah.”*

Berdasarkan teks mazhab Syafi'i dinyatakan bahawa apabila sesuatu masjid telah tidak digunakan lagi kerana manusia telah meninggalkan tempat tersebut atau kerana tempat atau masjid itu sendiri telah musnah, masjid tersebut tidak boleh dijual, dipindahkan atau diwarisi.<sup>33</sup> Di dalam kitab *Raudah al-Talibin*, Imam al-Nawawi menyatakan bahawa walaupun sesuatu masjid itu rosak ataupun musnah masjid berkenaan tidak boleh dijual. Ini kerana, walaupun struktur masjid berkenaan telah rosak, tetapi solat masih boleh dilakukan di atas lantainya.<sup>34</sup> Menurut Imam Abu Hanifah dan Abu Yusuf masjid itu tetap kekal sedemikian sehingga ke hari kiamat.<sup>35</sup>

Pandangan yang lebih fleksibel didokong oleh Mazhab Hanbali. Dalam membincangkan tentang masjid yang telah usang dan sempit, diharuskan menjual sebahagian masjid tersebut bagi memperbaiki bakinya serta bagi tujuan pembesaran masjid. Sekiranya kesemua bahagian masjid tidak dapat dimanfaatkan lagi, maka semua bahagian masjid itu boleh dijual dan wang yang diperolehi hendaklah diserahkan

kepada masjid yang lain.<sup>36</sup> Pandangan ini turut disokong oleh sebahagian fuqaha Maliki.<sup>37</sup>

Pendapat Mazhab Hanbali adalah didasarkan kepada tindakan Umar bin Khattab yang mengarahkan sahabat bernama Sa'ad untuk memindahkan Masjid Kufah ke tempat yang lain. Tempat asal masjid tersebut telah dijadikan pasar bagi penduduk setempat Tammarin dan sebuah masjid baru telah dibina di Madinah bagi menggantikan masjid Kufah yang lama.<sup>38</sup>

Abu Yusuf menyatakan bahawa sebarang pindaan terhadap bangunan masjid perlu dirujuk kepada Qadi yang akan mengarahkan agar peralatan masjid itu dijual di mana hasilnya akan disalurkan kepada masjid-masjid yang lain.<sup>39</sup>

Merujuk kepada usaha-usaha membangunkan harta wakaf, jumhur fuqaha mengharuskan pembangunan dilaksanakan ke atas harta wakaf kerana sekiranya tiada usaha sedemikian dilaksanakan akan menyebabkan sesuatu harta itu rosak binasa dan tidak dapat dimanfaatkan. Hasil daripada pembangunan tersebut hendaklah digunakan bagi tujuan wakaf.

Sekiranya terdapat syarat yang terlalu ketat, diharuskan mengubah syarat tersebut asalkan matlamat asal untuk merealisasikan hasrat pewakaf tercapai. Sebagai contoh, sekiranya pewakaf mewakafkan tanahnya untuk membina masjid sedangkan pewakaf tidak menyediakan peruntukan kewangan bagi tujuan tersebut, diharuskan menjual sebahagian tanah yang diwakafkan untuk membina masjid berkenaan. Dalam situasi sedemikian, pentadbir harta wakaf boleh mengubah atau melakukan modifikasi terhadap wakaf khas bagi memastikan hasrat pewakaf tercapai.

Selain itu, Majma' Fiqh al-Islami dalam membincangkan isu pelaburan harta wakaf telah mengharuskan agar hasil daripada harta wakaf dilaburkan meskipun tidak disyaratkan oleh pewakaf. Ini bagi memastikan niat atau tujuan pewakaf dapat dikekalkan selama-lamanya dan ia tidak boleh dilaksanakan melainkan dengan membangunkan harta tersebut.<sup>40</sup>

Imam Subki menyatakan adalah harus diubah sesuatu wakaf bagi tujuan masalah dengan tiga syarat iaitu tidak berubah namanya dan

tidak hilang *'ain* wakaf tersebut. Begitu juga tidak salah memindahkannya dari satu pihak ke pihak yang lain. Malah harus bagi wakaf sesuatu kampung (kawasan tanah) untuk golongan tertentu didirikan masjid, tanah perkuburan dan saluran bekalan air di atas tanah tersebut.<sup>41</sup> Abu Yusuf dan Muhammad bin al-Hassan al-Syaibani menyebut bahawa demi kepentingan masjid, adalah harus disewakan ruang halaman masjid kepada peniaga-peniaga untuk kebaikan masjid. Ini boleh dilakukan dengan mendapatkan kebenaran Qadi terlebih dahulu. Manakala upah sewa tersebut hendaklah dibelanjakan untuk manfaat masjid dan fakir miskin.<sup>42</sup>

Selain itu, Dar al-Ifta' telah mengeluarkan fatwa bahawa harus membangunkan bangunan pangsapuri supaya dapat dijadikan pelaburan untuk manfaat tanah waqaf, masjid dan fakir miskin.<sup>43</sup> Fatwa ini adalah berdasarkan kepada pandangan di dalam Mazhab Hanafi bahawa demi kepentingan memelihara dan memulihara masjid, ruang halaman masjid boleh disewakan kepada peniaga-peniaga. Hasil sewaan tersebut hendaklah dibelanjakan untuk manfaat masjid dan fakir miskin. Walau bagaimanapun, perkara ini hanya boleh dilaksanakan setelah mendapat keizinan daripada Qadi.<sup>44</sup>

Perkara yang mesti diberikan perhatian ialah memastikan pangsapuri itu tidak disewakan bagi tujuan yang ditegah oleh syarak demi memelihara kehormatan dan kemuliaan masjid serta tanah wakaf di samping tidak menggunakan hasil daripada sumber wang yang haram untuk dibelanjakan bagi tujuan masjid, tanah wakaf dan fakir miskin.<sup>45</sup>

Daripada perbincangan di atas dapat dirumuskan bahawa fuqaha membenarkan sesuatu tanah wakaf khas sama ada wakaf masjid atau bukan masjid seperti sekolah dan sebagainya dibangunkan dengan pelbagai aktiviti yang dapat menjana pendapatan. Manakala hasil atau manfaat yang diperolehi, dikembalikan kepada wakaf seperti membenarkan lot-lot perniagaan dibina di atas tanah wakaf dan hasilnya disalurkan untuk tujuan penyelenggaraan bangunan dan tanah wakaf tersebut.<sup>46</sup>

Realiti hari ini, kos penyelenggaraan sesuatu harta wakaf adalah besar meliputi bil utiliti seperti elektrik, air dan telefon, pembersihan dalam dan luar bangunan dan juga memperbaiki kerosakan peralatan



dan bangunan. Di Malaysia, semua kos pengurusan adalah ditanggung oleh Majlis Agama Islam Negeri selaku pentadbir tunggal harta wakaf.<sup>47</sup> Oleh itu, sekiranya sesuatu harta wakaf itu dibangunkan secara berdaya maju, beban kewangan yang ditanggung oleh pihak Majlis bagi tujuan penyelenggaraan harta wakaf dapat dikurangkan kerana harta wakaf berkenaan mempunyai tabung atau sumber kewangan yang khusus dalam mengekalkan survivalnya sendiri.

### **Lebih Hasil Pembangunan Harta Wakaf**

Menyentuh tentang wang lebihan yang diperolehi hasil daripada pembangunan tanah wakaf khas setelah ditolak perbelanjaan menjaga bangunan dan tanah wakaf, pandangan daripada Mazhab Hanafi menyatakan lebihan tersebut boleh disalurkan kepada golongan fakir miskin kerana mereka dianggap sebagai penerima asal sesuatu sedekah.

Ibn Taymiyyah di dalam *Majmu'ah al-Fatawa* mengatakan lebihan daripada hasil harta wakaf hendaklah disalurkan untuk mengimarahkan harta lain yang sama jenis dengan niat asal pewakaf. Misalnya hasil daripada sesuatu wakaf masjid, hendaklah disalurkan kepada masjid yang lain kerana ia merupakan cara terbaik bagi merealisasikan tujuan atau niat pewakaf.<sup>48</sup> Beliau juga berpendapat lebihan tersebut harus diberikan kepada orang-orang miskin. Beliau berhujah dengan tindakan Umar bin al-Khattab yang pernah membahagi-bahagikan kain penutup Ka'bah kepada orang-orang Islam sebagaimana yang telah dipraktikkan di masjid-masjid yang lain. Ini berdasarkan pandangan bahawa semua orang Islam adalah berhak untuk mendapat manfaat daripada masjid.<sup>49</sup>

### **Fatwa Beberapa Negeri Mengenai Pembangunan Wakaf Khas**

Di Malaysia, terdapat beberapa fatwa telah diputuskan di peringkat Jawatankuasa Fatwa Negeri mengenai tanah wakaf khas khususnya wakaf masjid yang turut dibina di atasnya bangunan lain bagi tujuan menjana pendapatan yang dapat disalurkan bagi kepentingan wakaf yang asal. Di Pulau Pinang, terdapat cadangan daripada Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP) untuk merobohkan sebuah masjid lama iaitu Masjid Jamek Simpang Enam yang juga dikenali sebagai Masjid Jamek Hj. Abdul Wahab.

Mesyuarat Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang pada 13 Disember 1988 telah memutuskan harus dari segi hukum syarak mendirikan bangunan baru yang mengandungi pejabat Bank Islam di tingkat satu, dua dan tiga serta masjid di tingkat empat dan lima di atas tapak Masjid Simpang Enam. Dalam hal ini, tujuan wakaf yang asal sama sekali tidak terjejas di mana amal jariah yang dibuat oleh pewakaf masih berterusan. Malah pembinaan masjid yang baru akan menyediakan ruang solat yang lebih besar untuk keselesaan jemaah masjid. Turut disyaratkan dalam keputusan mesyuarat tersebut ialah kawasan atau ruang tandas hendaklah dibuat di luar kawasan yang dahulunya menjadi tapak Masjid Simpang Enam.

Sebelum itu, satu fatwa telah dikeluarkan oleh Mufti Pulau Pinang pada tahun 1973 yang melarang sebarang pembinaan selain daripada masjid di atas tanah wakaf berkenaan kerana dianggap bercanggah dengan prinsip-prinsip wakaf dalam perundangan Islam. Meskipun, suatu fatwa baru telah dikeluarkan oleh Jawatankuasa Syariah Pulau Pinang pada tahun 1989, sehingga ke hari ini, Masjid Simpang Enam masih kekal di tapak lama. MAIPP tidak meneruskan hasratnya untuk merobohkan masjid tersebut dan membina bangunan baru berikutan mendapat tentangan daripada Ahli Jawatankuasa Masjid. Perkembangan hingga ke hari ini, hanya saiz masjid berkenaan telah dibesarkan bagi menjamin keselesaan ahli jemaah untuk beribadat di masjid tersebut.<sup>50</sup>

Di negeri Selangor, Jawatankuasa Kuasa Fatwa Negeri Selangor yang bersidang pada 5 September 2006 telah memutuskan untuk mengekalkan niat asal pewakaf dengan membina sebuah masjid di Lot 6684 di Telok Gadong yang telah diwakafkan khas untuk masjid. Di samping itu, Jawatankuasa Fatwa telah meluluskan pembinaan bangunan di atas tapak yang sama yang mana hasilnya hendaklah disalurkan kepada masjid tersebut.<sup>51</sup>

Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor juga telah mengeluarkan fatwa meluluskan projek perumahan di atas tanah wakaf masjid di Kampung Kuantan, Klang. Dalam kes ini, telah diputuskan bahawa harus membina kediaman pada baki tanah wakaf masjid. Rumah-rumah tersebut kemudiannya boleh disewakan dan hasilnya disalurkan untuk manfaat dan sumber kewangan bagi masjid.<sup>52</sup>

## Keputusan Fatwa Kebangsaan

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa, Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-80 pada 1-3 Februari 2008 telah memutuskan bahawa “*Membangunkan tanah wakaf khas khususnya wakaf masjid dengan tambahan projek pembangunan atau beberapa penambahbaikan bagi menjamin harta wakaf tersebut kekal adalah diharuskan oleh Islam dengan syarat pembangunan ini hendaklah berdasarkan keperluan yang boleh ditentukan oleh pemerintah dan tidak bercanggah dengan syariat Islam.*”

Pelaksanaan pembangunan sebagaimana yang telah dibincangkan tidak boleh dilaksanakan sewenang-wenangnya, di mana pandangan dan pendapat daripada Mufti hendaklah diperolehi terlebih dahulu. Dalam hal ini, setiap pembangunan di atas tanah wakaf selain daripada tujuan asal pewakaf mestilah dipanjangkan kepada Jawatankuasa Fatwa Negeri agar setiap kes dapat dinilai dan diteliti mengikut fakta-fakta setempat sebelum sesuatu keputusan dibuat.

Perkara paling utama yang harus dipelihara dalam merangka serta mencapai kemajuan dalam pembangunan wakaf ialah kelima-lima *maqasid syariyyah* iaitu agama, jiwa, akal, kehormatan dan harta. Oleh itu, pemakaian prinsip *daruriyyat* dan *hajiyyat* harus diaplikasikan secara bijaksana dan berhati-hati bagi memastikan pelaksanaan sesuatu pembangunan harta wakaf adalah selaras dengan ketetapan syarak.

Menurut al-Zarqa', setiap apa yang berkaitan dengan wakaf adalah merupakan persoalan ijtihad dan kesemua ulama sebulat suara berpendapat bahawa tujuan wakaf mestilah membawa kepada kebaikan (*birr*). Oleh kerana ia bersifat *ijtihadi*, maka ciri-ciri keanjalan, terbuka kepada pentafsiran-pentafsiran baru, dinamik dan realistik yang boleh dikembangkan potensinya sesuai dengan keperluan zaman dan meningkatkan ekonomi umat.

Dalam merungkaikan permasalahan hukum yang berkaitan dengan wakaf khas, sumber-sumber subsidiari hukum syara' boleh digunakan. Prinsip-prinsip dalam kaedah-kaedah fiqh seperti “*al-darar yuzal*” iaitu sesuatu kemudaratan itu hendaklah dihilangkan dan beberapa cabang kaedah lain seperti “*al-hajah tunazzal manzilah al-darurah*”<sup>53</sup> yang bermaksud sesuatu keperluan itu dianggap sebagai kemudaratan boleh

diaplikasikan bagi menganalisis keadaan semasa. Melalui penggunaan kaedah-kaedah ini, adalah diharapkan masalah dan kesulitan untuk membangun dan merealisasikan hasrat pewakaf dapat diatasi.

Selain itu, ciri-ciri fleksibiliti atau *murunah* dalam perundangan Islam yang menekankan bahawa undang-undang Islam sesuai diaplikasikan pada setiap masa dan tempat boleh menyokong usaha-usaha membangunkan wakaf khas khususnya bagi wakaf masjid. Sekiranya undang-undang wakaf itu bersifat *rigid* (tegar) sehinggakan tidak boleh diaplikasikan mengikut keperluan semasa, maka ia bertentangan dengan ciri-ciri *murunah* sebagaimana yang dinyatakan di atas.<sup>54</sup>

## **Penutup**

Wakaf merupakan salah satu cabang muamalah yang padanya terbuka luas pintu ijtihad agar pelaksanaannya diadaptasikan sejajar dengan keperluan semasa, lebih-lebih lagi apabila ianya melibatkan masalah umat Islam. Justeru, para cendekiawan Islam telah mengharuskan beberapa modifikasi terhadap pelaksanaan wakaf untuk menjamin sesuatu harta wakaf itu dibangunkan serta diselenggara bagi tujuan mengekalkannya. Di samping itu, amal jariah waqif juga akan turut terpelihara.

Di Malaysia, tanggungjawab untuk memajukan harta wakaf dipelopori oleh MAIN sebagai *al-mutawalli* atau pentadbir harta-harta wakaf. Oleh yang demikian, MAIN memainkan peranan yang penting untuk mengurus dan menggemblengkan harta wakaf melalui pelbagai instrumen moden. Selain menyewakan tanah wakaf, antara mekanisme lain yang boleh diaplikasikan oleh MAIN ialah melalui saham wakaf,<sup>55</sup> pengsekuritian aset wakaf menerusi sukuk dan lain-lain. Walau bagaimanapun, pelaksanaan program pembangunan harta wakaf hendaklah dilaksanakan dengan berhati-hati<sup>56</sup> oleh pihak MAIN bagi menjamin pengkelan harta wakaf di samping menyalurkan bantuan wakaf kepada golongan yang sepatutnya sebagaimana yang disyaratkan oleh waqif.

## **Nota Hujung**

### ***(Endnotes)***

- 1 Pihak JAWHAR dan Majlis Agama Islam Negeri-Negeri yang lain sedang dalam proses mengemaskini data berhubung dengan anggaran nilai serta keluasan tanah wakaf am dan wakaf khas di seluruh Malaysia.
- 2 Juga disebut sebagai al-mutawalli atau al-nazir.
- 3 Lihat misalnya s. 44 (1) Enakmen Pentadbiran Agama Islam Johor 1987; s. 37 (2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Melaka 1991.
- 4 Shamsiah Abdul Karim, "Pengurusan dan Pembangunan Wakaf di Singapura", Kertas Kerja Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006, Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006.
- 5 Ghanim A. Al-Shaheen, "Kuwait awqaf foundation experience", Kertas Kerja Seminar Pembentukan Muamalah dan Ekonomi Berteraskan Islam, Kerajaan Negeri Johor, IKIM dan Johor Cooperation, 12-13 Oktober 2004.
- 6 Kertas Kerja Cadangan Pelaksanaan Pembangunan Harta Wakaf di Bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji.
- 7 Lihat misalnya Siti Mashitoh Mahamood, "Masalah Undang-Undang Dalam Pentadbiran Harta Amanah Wakaf di Malaysia" dalam Harta Amanah Orang Islam di Malaysia Mengikut Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran, m.s. 107-122; Kamaruddin Ngah, Isu Pembangunan Tanah Wakaf, m.s. 70.
- 8 "Bangunkan Tanah Wakaf", Utusan Malaysia Online, 9 Jun 2007.
- 9 Al-Syarbini, Shamsuddin, Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz Al-Minhaj, Juz. 3, m.s. 486; Al-Sarakhsi, Shams al-Din, al-Mabsut, m.s.34.
- 10 Seksyen 2, Enakmen Wakaf Negeri Selangor 1999.
- 11 Terdapat empat (4) rukun wakaf iaitu pewakaf (waqif), penerima wakaf (mawquf 'alaih), harta yang diwakaf (mauquf) dan sighthah.
- 12 Mohd. Zain b. Haji Othman, Islamic Law With Special Reference To The Institution of Waqf, m.s. 111.
- 13 Ibid.
- 14 Abu Zahrah, Muhammad, Muhadarat fi al-Waqf, m.s. 71.
- 15 AL-Zuhayli, Wabah, Al-Wasaya wa al-Waqfu fi al-Fiqh al-Islami, m.s 145; Abu Zahrah, m.s. 108.
- 16 Al-Syarbini, Shamsuddin, Mughni al-Muhtaj Ila Ma'rifati Ma'ani Alfaz Al-Minhaj, m.s. 485.
- 17 Sahih Muslim bi Sharh al-Imam Muhyiddin al-Nawawi, Kitab al-Wasiyyah, Juz. 11, m.s. 87.
- 18 Ibid.

- 19 Al-Syarbini, *ibid*; al-Syawkani, Muhammad b. Ali b. Muhammad, *Nayl al-Awtar Sharh Mutaqa al-Akhbar*, Juz. 6, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Beirut, 2001, m.s. 26.
- 20 Ahmad Zaki Hj Abd Latif et.al, "Pengurusan Harta Wakaf dan Potensinya Ke Arah Kemajuan Pendidikan Umat Islam di Malaysia", *Konvensyen Wakaf Kebangsaan 2006*, Hotel Legend, Kuala Lumpur, 12-14 September 2006, m.s. 1.
- 21 Seksyen 4 (2), Enakmen Wakaf Selangor 1999 telah memperuntukan ketiga-tiga prinsip di atas iaitu "Sesuatu Wakaf yang telah berkuatkuasa, tidak boleh dijual atau dihibah oleh waqif atau diwarisi oleh mana-mana orang".
- 22 Al-Zuhayli, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, Juz. 10, m.s. 7656; Abu Zahrah, m.s. 62-65.
- 23 Al-Zuhayli, *al-Wasaya wa al-Waqf fi al-Fiqh al-Islami*, m.s. 134-135
- 24 *Op.cit*, m.s. 7657.
- 25 Abu Zahrah, m.s.63.
- 26 *Sahih Muslim*, m.s. 77; al-Syawkani, m.s. 26.
- 27 Al-Zuhayli, *al-Wasaya wa Al-waqf*, m.s. 133 dan 135.
- 28 *Ibid*, m.s 133.
- 29 Al-Zuhayli, *al-Fiqh al-Islami wa Adillatuhu*, m.s 7657.
- 30 Al-Sarakhsi, *al-Mabsut*, m.s. 34.
- 31 Al-Zuhayli, *al-Wasaya wa al-Awqaf*, m.s. 150.
- 32 *Ibid*, m.s.156-159.
- 33 Al-Zarkashi, *Ilam al-Sajid bi Ahkam al-Masajid*, m.s. 345.
- 34 Al-Nawawi, m.s 420.
- 35 Manakala Muhammad bin Hassan al-Shaybani berpendapat masjid tersebut kembali kepada pewakaf atau warisnya.
- 36 Ibn Taymiyyah, *Majmu'ah al-Fatawa*, Jld. 16, m.s. 117; Abu Zahrah, m.s. 158.
- 37 Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, *Wizarah al-Awqaf wa-Al-Shu'un al-Islamiyyah*, Juz. 6, m.s. 324.
- 38 Ibn Taymiyyah, m.s 121.
- 39 Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, *Wizarah al-Awqaf wa-Al-Shu'un al-Islamiyyah*, Juz. 6, m.s. 324-325.
- 40 *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami al-Daurah al-Thalithah li Mu'tamar Majma' al-Fiqh al-Islami*, bil. 23, Juz 2, m.s 16.
- 41 Al-Qalyubi, *Shihab al-Din Ahmad ibn Ahmad Qalyubi wa-'Umayrah : hashiyatan `ala sharh al-`allamah Jalal al-Din al-Mahalli `ala Minhaj al-talibin lil-Muhyi al-Din al-Nawawi fiqh madhhab al-Imam al-Shafi'i*, m.s. 107.

- 42 Al-Hidayah wa Fath al-Qadir, Jld. 6, m.s 65.
- 43 Al- Fatawa al-Islamiyyah, Dar al-Ifta' al-Misriyyah, Jld. 26, m.s. 3257.
- 44 Ibid m.s. 3256-3257.
- 45 Ibid, m.s. 3257.
- 46 Ibn Taymiyyah, m.s. 8.
- 47 Keadaan ini berbeza di Singapura di mana Majlis Agama Islam Singapura menguruskan 65% daripada keseluruhan harta wakaf manakala selebihnya diuruskan oleh pihak al-mutawalli yang dilantik oleh waqif atau waris.
- 48 Ibn Taymmyiyah, Majmu'ah al-Fatawa, m.s. 113.
- 49 Ibid, m.s 117.
- 50 Sumber : Majlis Agama Islam Pulau Pinang.
- 51 Sumber : Jabatan Mufti Selangor.
- 52 Antara rujukan bagi fatwa tersebut ialah Buku Fatwa-Fatwa Kerajaan Johor, Jld. 1, m.s 275.
- 53 Al-Suyuti, Jalal al-Din, Al-Asbah wa al-Nazair fi Qawaid wa Furu' al-Syafi'iiyah, Juz, 1, m.s. 218.
- 54 Siti Mashitoh Mahamood, Pelaksanaan Istibdal Dalam Pembangunan Harta Wakaf di Malaysia, Jabatan Syariah dan Undang-Undang, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, m.s 30.
- 55 Beberapa negeri seperti Johor, Selangor, Melaka, Pulau Pinang dan Kedah telah pun melaksanakan saham wakaf.
- 56 Al-Nawawi, Raudhah al-Talibin, Jld. 4, m.s. 411.

## ***Investment-link* Menurut Hukum Islam**

**Dr. Muhammad bin Yamin Ismail<sup>1</sup>**

### **Abstract**

*Investment-linked plan is a life insurance/takaful that combines investment and protection. The premium paid provides not only protection but part of the premium will also be invested in specific investment funds. To ensure Shariah compliance, the fundamental elements that construct the plan which consist of the protection coverage (takaful) and the investment funds have to be in accordance with the Shariah requirements. This article will examine the investment-linked product offered by Takaful Malaysia and Great Eastern Life from the Shariah perspective.*

### **Pendahuluan**

*Investment link* (produk yang berkaitan dengan pelaburan) ialah program tabungan berasaskan pelaburan saham secara berkelompok yang pemilikannya dikira mengikut jumlah unit seperti saham amanah dan digabungkan pula dengan manfaat insurans nyawa (*life insurance*). Dengan kata lain, wang caruman insurans (premium) dilabur untuk memperolehi keuntungan di mana pada masa yang sama peserta turut mendapat jaminan perlindungan melalui produk insurans nyawa, jika ditakdirkan sesuatu musibah menimpa peserta atau pemilikinya.



Tiga faedah utama *investment link* ialah:

1. Perlindungan kewangan akibat kematian dan keilatan kekal.
2. Peluang-peluang pelaburan.
3. Fleksibel dalam memilih perlindungan yang dikehendaki.<sup>2</sup>

Di Malaysia, Syarikat Takaful Malaysia Berhad dan Mayban Takaful menawarkan produk *investment link* yang mematuhi prinsip syariah. Syarikat-syarikat ini mengumpul dana dan melabur dalam sekuriti lulus syariah dan menawarkan perlindungan takaful. Syarikat-syarikat insurans konvensional juga menawarkan produk *investment link*. Setakat ini, syarikat insurans konvensional yang menawarkan produk *investment link* ialah AM-Assurancelink, AIA Co. Ltd dan Great Eastern Life Assurance (M) Bhd.

### **Takaful Malaysia Berhad**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad menawarkan produk *investment link* dengan nama Takaful Dana Saham. Akad Takaful Dana Saham di antara peserta dan Takaful Malaysia Berhad sebagai pengurus adalah berasaskan kontrak *al-wakalah*. Dalam kontrak ini, peserta melantik Takaful Malaysia Berhad sebagai wakil untuk menguruskan wang carumannya termasuk pelaburan. Sebagai balasan menjadi wakil peserta, Takaful Malaysia Berhad akan menerima upah dalam bentuk bayaran perkhidmatan mengikut prinsip *al-ujrah*. Takaful Dana Saham menyediakan dua pakej tabungan iaitu Tabung Istiqrar dan Tabung Ittizan. Caruman sekaligus dibayar semasa penyertaan dengan amaun minimum RM5000.00 dan boleh ditambah dalam gandaan RM500.00. Manakala caruman bulanan yang berulang bayar adalah dengan amaun minimum RM100.00 dan tambahan bulanan RM100.00. Pihak Syarikat Takaful Malaysia mempunyai Jawatankuasa Syariah untuk memantau pelaburan-pelaburan yang dilakukan melalui produk *investment link* ini.

Skop perlindungan takaful yang disediakan bersama-sama dengan Takaful Dana Saham ini ialah:

1. Manfaat Kematian
2. Manfaat Keilatan Kekal Sepenuhnya

3. Manfaat Penyakit Kritikal
4. Manfaat Kemalangan Diri
5. Manfaat Khairat Keluarga<sup>3</sup>

### **Great Eastern Life Assurance (M) Bhd**

*Investment link* yang diamalkan di Great Eastern Life Assurance (M) Bhd ialah apabila pemegang polisi insurans membayar premium, sebahagian dari premium itu akan diletakkan dalam insurans perlindungan dan caj perkhidmatan, dan bakinya akan digunakan untuk membeli unit-unit di dalam tabung-tabung *investment link*. Tabung-tabung ini beroperasi sama seperti saham amanah.

Great Eastern Life Assurance (M) Bhd menawarkan beberapa tabung *investment link* iaitu:<sup>4</sup>

1. Lion Strategic Fund
2. Lion Growth Fund
3. Lion Progressive Fund
4. Lion Balanced Fund
5. Lion Fixed Income
6. Dana Restu (melabur dalam sekuriti lulus syariah)
7. Dana Sejati (melabur dalam sekuriti lulus syariah)

Manakala skop perlindungan insurans yang disediakan bersama-sama dengan tabungan di atas ialah perlindungan kematian, keilangan kekal, penyakit kritikal dan sebagainya. Walaupun Great Eastern mempunyai dua produk yang melabur dalam sekuriti lulus syariah iaitu Dana Restu dan Dana Sejati, tetapi ia tidak mempunyai Jawatankuasa Syariah Dalaman untuk memantau pelaburan-pelaburan ini.

### **Perbezaan Operasi Syarikat Takaful Malaysia Dan Great Eastern Life Assurance (M) Bhd**

Perbezaan operasi di dalam menguruskan produk *investment link* antara Syarikat Takaful Malaysia dan Great Eastern ini boleh dinyatakan dalam Jadual 1 seperti berikut:

| ISU   | TAKAFUL MALAYSIA   | GREAT EASTERN   |
|---|--|---|
| Akad <i>investment link</i> antara syarikat dan peserta | Akad antara peserta dan Syarikat Takaful Malaysia berasaskan akad <i>wakalah bi al-ujrah</i> | Akadnya adalah akad jual beli insurans yang mempunyai unsur <i>gharar</i> , riba dan judi |
| Pelaburan <i>Investment Link</i>                        | Semua pelaburan melibatkan kaunter-kaunter lulus syariah sahaja                              | Hanya pelaburan Dana Restu dan Dana Sejati melibatkan kaunter lulus syariah               |
| Jawatankuasa Syariah                                    | Mempunyai Jawatankuasa Syariah peringkat organisasi untuk memantau pelaburannya              | Tidak mempunyai Jawatankuasa Syariah peringkat organisasi untuk memantau pelaburannya     |
| Akta yang mengawal                                      | Takaful Malaysia beroperasi berasaskan Akta Takaful 1984 dan Peraturan-peraturan [Akta 312]  | Great Eastern beroperasi berasaskan Akta Insurans 1996 [Akta 546].                        |

*Jadual 1: Perbezaan Produk Investment Link Antara Takaful Malaysia dan Great Eastern*

Isu syariah yang timbul di dalam *investment link* ini (dalam kes Syarikat Great Eastern) ialah sebahagian wang caruman (premium) peserta digunakan untuk membeli polisi insurans konvensional dan sebahagian yang lain dilabur dalam pelaburan saham amanah Islam. Dalam erti kata lain jika peserta mencarum misalnya RM100.00 sebulan, sejumlah RM55.00 digunakan untuk caruman polisi insurans konvensional, manakala baki RM45.00 digunakan untuk melabur dalam saham amanah Islam.

Disebabkan wang caruman itu digunakan untuk dua tujuan yang berbeza (insurans dan pelaburan), maka penentuan hukum dalam perkara ini perlu melihat kepada kedua-dua aspek tersebut. Penentuan hukum ini berdasarkan prinsip-prinsip syariah dan fatwa sebagaimana yang telah ditetapkan.

## **Isu Pertama: Perlindungan Insurans Konvensional**

Fatwa amalan insurans konvensional telah diputuskan dalam Muzakarah Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia ke16 bertarikh 15-16 Februari 1979. Keputusannya adalah seperti berikut:

*“Insurans nyawa sebagaimana yang dikendalikan oleh kebanyakan syarikat insurans yang ada pada hari ini adalah haram dan sebagai suatu muamalat yang fasid kerana aqadnya tidak sesuai dengan prinsip-prinsip Islam iaitu: mengandungi gharar (ketidak ketentuan); mengandungi unsur judi; mengandungi muamalat riba.”*

Berdasarkan keputusan ini, kontrak insurans konvensional yang wujud pada hari ini adalah haram hukumnya kerana mengandungi unsur gharar, riba dan judi. Sehubungan itu, perlindungan insurans konvensional yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang digabungkan dalam produk *investment link* ini adalah bercanggah dengan hukum syarak kerana tidak mematuhi fatwa yang telah diputuskan.

## **Isu Kedua: Pelaburan Dalam Amanah Saham Islam**

Peraturan Suruhanjaya Sekuriti menyatakan mana-mana syarikat yang ingin melaburkan wang saham amanahnya dalam sekuriti lulus syariah hendaklah melantik Jawatankuasa Syariah bagi mengawasi dan memastikan pelaburannya berlandaskan prinsip syariah<sup>5</sup>. Sekuriti lulus Syariah adalah senarai syarikat-syarikat lulus syariah yang diperakukan oleh Majlis Penasihat Syariah, Suruhanjaya Sekuriti yang diterbitkan dua kali setahun. Dalam konteks ini, Takaful Malaysia dan Mayban Takaful mempunyai Jawatankuasa Penasihat Syariah masing-masing bagi memantau pelaburan yang dibuat. Penubuhan Jawatankuasa Penasihat Syariah ini merupakan perkara yang diwajibkan oleh Akta Takaful 1984 untuk menasihati pihak syarikat supaya operasi dan pengendaliannya tidak bertentangan dengan syariah. Syarat ini adalah syarat statutori yang mesti dipatuhi oleh mana-mana pengendali takaful sebelum mereka boleh diberikan lesen takaful di bawah Akta ini.

Syarikat insurans konvensional pula tidak menubuhkan Jawatankuasa Syariah kerana Akta Insurans 1993 tidak menghendaki mereka berbuat demikian. Pelaburan mereka adalah bercampur-campur termasuk syarikat-syarikat lulus syariah dan tidak lulus syariah. Walaupun syarikat ini mendakwa pelaburan *investment link* mereka adalah lulus syariah dan telah merujuk kepada Jawatankuasa Syariah syarikat atau bank lain, tetapi disebabkan ketiadaan Jawatankuasa Syariah dalaman di peringkat organisasi sebagaimana yang disyaratkan oleh *Guideline On Unit Trusts Funds* menyebabkan dakwaan ini sukar diterima.

### **Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan**

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-76 pada 21-23 November 2006 telah membincangkan isu *Investment Link* dan bersetuju memutuskan bahawa:

*“Umat Islam hari ini mempunyai banyak alternatif untuk membeli atau melabur dalam produk-produk insurans yang berlandaskan Islam. Oleh itu pembelian produk-produk investment link yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang menggabungkan insurans konvensional dan pelaburan saham amanah dalam dana-dana yang tidak menepati syarak perlu dielakkan oleh umat Islam”.*

### **Kesimpulan**

Produk *Investment Link* mempunyai dua isu iaitu perlindungan insurans nyawa/takaful yang ditawarkan dan pelaburan dalam saham amanah Islam adalah tidak menepati hukum syarak. Bagi memastikan ia dibolehkan menurut hukum syarak, kedua-dua perkara ini hendaklah mematuhi kehendak syariah sepenuhnya, di samping tertakluk kepada peraturan Suruhanjaya Sekuriti dalam pelaburan saham amanah Islam. *Investment Link* yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia Berhad dan Mayban Takaful adalah menepati kriteria syariah yang ditetapkan. Manakala *Investment Link* yang ditawarkan oleh syarikat-syarikat insurans konvensional yang menggabungkan insurans konvensional dan pelaburan saham amanah Islam adalah bercanggah dengan prinsip muamalat Islam.

## **Nota Hujung**

1. Penulis ialah Penolong Pengarah (Penyelidikan), Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
2. Maybank2u.com, <http://www.maybank2u.com.my/consumer>
3. Takaful Malaysia Berhad, <http://www.takaful-malaysia.com>
4. Great Eastern, <http://www.lifeisgreat.com.my>
5. Lihat Security Commission, *Guideline On Unit Trusts Funds*, seksyen 6.04.

## **Hukum *Wisoyah* & Realiti Permasalahannya Dalam Konteks Perancangan Pusaka Islam**

**Naziree Bin Md Yusof<sup>1</sup>**

### **Abstract**

*The concept of estate planning in Islam has always been focusing on bequest and inheritance although both only take effect after the demise of property owner. Wisoyah is the Islamic concept of entrustment in which the responsibility to carry out the wills of property owner such as settling debts, distributing hibah property, managing endowment, and allocating jointly acquired property between the wife or wives are put on a wasi (executor). Issues like whether or not wisoyah complies with Islamic principles, difficulties in its enforcement, and proper property management have made ensuring its effective application a complicated task. In terms of application, wisoyah proves to be conflicting due to difference in views held by institutions entrusted with the task. Therefore, the article will try to shed some light on the exact role of an executor as well as his role in resolving dispute among family members through proper management of inheritance.*

### **Konsep Dan Definisi Harta**

Secara amnya harta dikenali sebagai sesuatu yang dimiliki oleh seseorang individu. Hanafiah berpendapat definisi harta ialah sesuatu yang diingini

manusia dan boleh disimpan lama. Pandangan ini tidak lengkap dan tidak menyeluruh maksudnya kerana terdapat sesuatu yang bernilai tetapi manusia kurang kecenderungan kepadanya seperti jenis-jenis racun dan ubat. Begitu juga tidak kesemua barang boleh disimpan lama misalnya daging, sayur-sayuran, buah-buahan dan sebagainya yang cepat rosak. Takrif ini juga tidak mengiktiraf manfaat sesuatu harta kerana ia tidak berupa fizikal yang dapat disimpan sekalipun ia boleh digunakan.<sup>2</sup>

Berbeza dengan pentakrifan Imam Syafie dan Hanbali yang menyatakan sesuatu itu dianggap harta jika ada nilai komersial padanya sama ada ia dalam bentuk barang atau manfaat dan boleh dikenakan gantirugi sekiranya ia dicerobohi. Manakala terdapat definisi yang agak lengkap yang dinyatakan oleh al-Hawi iaitu harta ialah nama untuk sesuatu selain daripada manusia yang diciptakan Allah SWT untuk kepentingan manusia, ia boleh dimiliki dan diuruskan secara bebas.<sup>3</sup>

Daripada kesemua takrif ini dapatlah disimpulkan bahawa, harta ialah sesuatu yang mempunyai nilai, sama ada bentuk fizikal atau manfaat, mestilah sesuatu yang halal dan tidak najis menurut syarak, seperti arak, anjing dan babi, dan hendaklah sesuatu yang berkemungkinan untuk dimiliki, iaitu yang telah ditentukan sesuatu barang atau manfaat yang khusus dan bukannya masih ketidaktentuan. Misalnya ikan di kolam atau burung di udara.

Harta juga dapat diklasifikasikan kepada dua bentuk iaitu harta alih dan harta tak alih. Harta tak alih disifatkan sebagai harta kekal yang jika dipinda atau diubah akan membawa kemusnahan seperti bangunan dan tanah manakala harta alih ialah harta yang boleh dipindahkan dari satu tempat ke satu tempat yang lain seperti mata wang, haiwan, kenderaan, barangan bersukat atau bertimbang dan sebagainya.<sup>4</sup>

Harta alih juga boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu harta ketara yang boleh disentuh (*tangible*) yang wujud secara fizikal seperti kerusi meja dan harta tak ketara (*intangible*) seperti ilmu atau pengetahuan yang boleh ditukarkan menjadi sesuatu yang bernilai dan dikenali sebagai harta intelek.<sup>5</sup>

Jika dilihat kepada skop di atas, sebenarnya bentuk nilai sedemikian sudah lama diamalkan dalam Islam. Contoh mudah yang dapat diambil



ialah pemberian maskahwin (*mahar*). Sejarah telah menunjukkan bahawa pemberian maskahwin itu adalah diharuskan daripada sekecil-kecil material, sehinggalah hafazan ayat-ayat al-Quran pun boleh dijadikan sebagai sandaran.<sup>6</sup> Ini kerana syariat tidak menetapkan had minimanya, apa yang penting pemberian tersebut adalah simbol dan bukti penghargaan kasih cinta suami kepada isteri.<sup>7</sup> Cuma apa yang membezakan ialah maskahwin melalui hafazan al-Quran tidak melibatkan cetusan idea atau proses kreativiti akal dalam melahirkan sesuatu yang baru. Bahkan ia adalah ketetapan nas yang telah disebutkan jelas oleh Rasulullah SAW.

### **Konsep Umum Amanah**

Konsep amanah itu adalah kembali kepada motif penciptaan Allah SWT yang menjadikan manusia agar mengabdikan diri kepada-Nya,<sup>8</sup> memakmur dan mentadbirkan bumi yang selayaknya sesuai dengan kewajipan manusia sebagai khalifah<sup>9</sup> dan melaksanakan amanah Allah SWT<sup>10</sup> dalam menjalani kehidupan menurut ketetapan wahyu. Justeru, tiga serangkai utama iaitu aspek akidah, syariah dan akhlak perlu berjalan seiring bagi memastikan keseimbangan hidup manusia di dunia dan di akhirat.

Di sini penulis ingin mengulas sedikit mengenai tiga pembahagian di atas. Jika dilihat aspek pertama iaitu akidah, adalah kepercayaan dan pegangan kita kepada Allah SWT dan rukun-rukun iman yang lain, berdasarkan dalil *naqli* dan *aqli* dengan penuh yakin sehingga tiada keraguan manusia terhadapnya.<sup>11</sup> Oleh yang demikian, perlu difahami bahawa dalam bab akidah, tidak kesemua perkara diberi kelonggaran untuk diperbahaskan. Ini kerana keterbatasan akal dalam memahami hikmat 'aturan' Allah mengajar manusia supaya akur pada ketentuan-Nya. Manusia bukan sahaja dilarang mengkaji zat ketuhanan, prejudis terhadap penetapan *qadha'* dan *qadar*,<sup>12</sup> mempertikaikan perkara-perkara *samiyyat*, bahkan dalam perihal roh pun tidak boleh dipersoalkan.<sup>13</sup>

Sebab itulah walaupun sesuatu topik itu membahaskan aspek *fiqh* (syariat), ia mesti dikaitkan dengan aspek iman dan akidah kerana hukum *fiqh* sering menyentuh keikhlasan niat dalam mengerjakan amalan.<sup>14</sup>

Hal ini dapat dilihat melalui gaya hidup Imam Syafie. Sekalipun diperakui sebagai ahli *fiqh* yang berwibawa, tidak melupakan beliau sifat warak dan zuhud sehinggakan pernah hafazannya terjejas semata-mata terlihat aurat perempuan. Ini bererti ilmu yang disertai dengan iman, akan membentuk akhlak dan sahsiah yang membezakan keperibadian seseorang alim dan jahil.

Mungkin inilah alasan pengiktirafan al-Quran bahawa golongan yang tinggi ketaqwaan di kalangan hamba-Nya adalah ulama.<sup>15</sup> Oleh yang demikian, kita perlu ingat bahawa apa yang dimaksudkan dengan alim bukan sekadar menguasai ilmu agama, bahkan dia seorang yang cukup meyakini, mentaati dan melaksanakan segala perintah Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya, dengan niat yang penuh ikhlas, *khuduk* (tunduk dan akur), *raghbah* (seronok mengerjakan ibadat) dan *rahbah* (takut yang teramat sangat) hanya kepada Allah SWT.<sup>16</sup> Seorang yang alim akan memastikan tutur katanya terjaga, begitu teliti dalam mengeluarkan fatwa dan menggunakan kebijaksanaannya membimbing masyarakat.

Sebaliknya seseorang itu bukanlah dianggap alim sekiranya dia angkuh dengan pandangannya, memutar-belitkan fakta, menimbulkan kekecohan dan fitnah pada masyarakat Islam, tidak menjaga sahsiah diri sehingga condong ke arah maksiat. Sikap sebegini bukan hanya mengundang kemurkaan Allah SWT bahkan dibimbangi dirinya jauh daripada hidayah dan rahmat-Nya, yang akan berkesudahan dengan laknat-Nya di akhirat kelak.

Kembali kepada konsep amanah diperkatakan tadi, hakikat yang perlu disedari bahawa setiap yang dimiliki oleh manusia bukanlah bersifat mutlak. Keinginan terhadap harta, wang, kuasa, pengaruh, anak-anak bahkan termasuk jiwa raganya sendiri perlu dilaksanakan sesuai dengan ketetapan syariat-Nya.<sup>17</sup> Konsep keimanan yang menekankan bahawa Allah SWT sebagai pencipta, pengawal dan pemilik menjadikan manusia terikat supaya patuh pada perintah-Nya. Manusia dilarang membunuh diri, membuat tatu, mengubah ciptaan-Nya secara melampau adalah semata-mata segalanya itu adalah milik-Nya. Manusia hanya peminjam yang diamanahkan agar melaksanakan apa yang patut mengikut kehendak-Nya dan bukan mengikut hawa nafsu.<sup>18</sup>

Oleh yang demikian dalam pemilikan harta, Islam amat menekankan daripada mana sumbernya diambil, bagaimana harta dikembangkan, bagaimana harta diagihkan, di mana ia disimpan, ke mana ia dibelanjakan dan lain-lain kewajipan ke atas manusia dalam pengendalian harta. Ini kerana fitnah harta tidak hanya berlaku dengan pertelingkahan sesama ahli keluarga, bahkan ia berlanjutan sehingga pihak-pihak mencapai dan berpuas hati dengan apa yang diinginkan. Di sinilah akan menyebabkan rasa tamak dan dendam sehingga sanggup menganiaya atau bunuh-membunuh di kalangan ahli waris. Lantaran itu, Baginda SAW sering berpesan agar umatnya berhati-hati dengan harta kerana ia akan melupakan manusia daripada mengingati-Nya, bahkan dikhuatiri akan terjadi seperti Qarun dan Firaun.

Maka kita dapat melihat betapa perancangan harta adalah amat perlu bagi mengelakkan kesemua fitnah ini. Kebarangkalian daripada terjerumus ke lembah haram, iaitu memakan hasil secara batil sudah pasti dapat dielakkan. Secara praktikalnya proses pembahagian dan pengagihan harta adalah agak sukar, namun usaha ke arah itu perlu dipergiatkan supaya terlepas daripada memperolehinya secara haram. Tambahan pula hasil pemakanan haram sudah pasti akan melahirkan akhlak yang sering melanggar larangan agama. Inilah antara amaran keras Baginda SAW bahawa setiap daging yang berpunca daripada sumber haram, maka nerakalah lebih diutamakan untuknya.

Kita sedia maklum bahawa dengan harta yang banyak membolehkan kita menunaikan zakat dan membantu fakir miskin, segala wakaf yang disumbangkan akan menganugerahkan pahala yang berterusan sekalipun kita telah meninggal dunia. Tetapi kita juga perlu menyedari bahawa ekoran tiadanya perancangan harta, akan berlaku pertelingkahan di kalangan ahli keluarga yang berpanjangan, yang mungkin tidak mengecualikan kita daripada dosa kerana gagal bertindak dengan cara sepatutnya. Adalah lebih mengecewakan jika kita tidak meninggalkan harta, sebaliknya hutang-hutang yang membebankan ahli waris dan menjejaskan kedudukan kita di sisi Allah SWT di akhirat kelak.

## Hukum & Aplikasi *Wisoyah*

Dalam konteks amanah harta, kaedah *fiqh* yang digunakan ialah sesuatu urus niaga itu adalah harus sehinggalah adanya dalil yang menyatakan haram. Sebarang unsur *gharar* (ketidakjelasan) yang menganiaya masyarakat dan membawa implikasi negatif seperti riba, *ihthakar* (sorok atau monopoli), *maisir* (judi), *istighlal* (manipulasi) dan sebagainya yang mana kesemua itu akan menafikan unsur *ta'awun* dan amalan zakat yang diwajibkan dalam Islam. Sedangkan zakat tidak boleh dipungut daripada sumber harta yang haram. Oleh yang demikian, konsep pengamanahan harta tidak hanya tertumpu kepada pengagihan material semata-mata, sebaliknya sudut rohani seperti kejujuran dan tolong-menolong adalah lebih diutamakan.

Amalan *wisoyah* (*Islamic entrustment*) adalah konsep pengamanahan yang mengandungi beberapa unsur seperti peranan wali, wasi, wakil dan lain-lain fungsi yang menekankan tugas sebagai pemegang amanah terhadap harta seseorang. Tanggungjawab ini termasuk kewajipan penjagaan harta, perbelanjaan, pelupusan hutang, pemulangan barang pinjaman, menukar hak milik, mengembangkan harta dan sebagainya demi menunaikan hasrat pemberi amanah dan memelihara kebajikan ahli keluarga pemberi amanah.<sup>19</sup> Tentu ramai yang beranggapan bahawa perancangan sebegini di bawah kategori wasiat dan faraid. Namun perlu diingatkan dua kategori tersebut hanya beroperasi selepas pemberi amanah (pemilik harta) itu mati. Sedangkan pemberi amanah sudah pasti ingin merancang semasa hidupnya untuk kepentingan lain seperti pemberian hibah kepada anak angkat atau anak perempuan, memperuntukkan sebahagian harta sebagai wakaf (*sedeqah jariah*), penentuan kadar harta sepencarian hasil perkongsian bersama isteri atau isteri-isterinya, melangsaikan hutang yang tertunggak, menunaikan zakat dan lain-lain tanggungjawab yang perlu dipenuhi. Maka dapat disimpulkan di sini bahawa fungsi pemegang amanah sebenarnya adalah lebih luas dan perlu dimainkan secara aktif kerana perkembangan harta dan liabiliti kewangan adalah berubah dari semasa ke semasa, seperti pemilik harta yang terlibat dengan pasaran saham dan aktiviti perniagaan.

Pada zaman Rasulullah SAW, *wisoyah* begitu popular di kalangan para sahabat sebagai persediaan mereka meninggalkan keluarga, sebelum

bermusafir ke destinasi yang jauh, khususnya sebelum pergi berperang. Diceritakan oleh seorang sahabat bernama Sufyan bin Uyainah daripada Hisham bin Urwah, bahawa terdapat tujuh orang di kalangan sahabat Rasulullah SAW, antaranya Saidina Uthman, al-Miqdad dan Abdul Rahman bin Auf telah membuat wisoyah dengan melantik Zubair Ibn al-Awwam untuk menjaga harta mereka dan memberi nafkah kepada anak-anak mereka. Diriwayatkan juga bahawa amalan wisoyah turut dilakukan dalam melangsaikan hutang, mengembalikan barang pinjaman, memelihara hak individu dari dizalimi, khususnya terhadap waris yang ditinggalkan.

Hal yang sama sewaktu peperangan Muktah, Baginda SAW telah mengamanahkan bendera supaya dipegang oleh Zaid Bin Harithah, tetapi sekiranya sesuatu menimpa kepada Zaid, maka diganti oleh Ja'afar, kemudian kepada Abdullah Bin Ruwahah jika gugurnya Ja'afar.<sup>20</sup> Ini kerana semasa peperangan adalah melibatkan risiko yang tidak dijangka, maka langkah berwaspada adalah amat perlu bagi memastikan kesinambungan sesuatu amanah itu terus berjalan.

Dari segi hukum, *wisoyah* adalah sunat dan kadang-kala menjadi wajib bergantung kepada keadaan seseorang mukmin itu sendiri. Hukum *wisoyah* adalah sunat dalam situasi di mana seseorang itu membuat pengamanahan untuk menunaikan hak seperti membayar hutang, mengembalikan barang pinjaman atau simpanan orang lain, melaksanakan wasiat, menguruskan kebajikan anak-anak dan sebagainya. Imam al-Adzru'i menjelaskan sekiranya dalam kedudukan anak-anak tidak mempunyai datuk yang mampu menjaga mereka dan ada pula kemungkinan harta anak-anak itu akan dikuasai oleh orang zalim atau khianat, maka adalah wajib ke atas bapa tersebut (sewaktu peninggalannya) mengamanahkan kepada seseorang yang dipercayainya untuk menjaga dan memelihara harta anak-anak itu daripada hilang atau binasa. Begitu juga pandangan Imam al-Bajuri menyatakan bahawa wisoyah asalnya amalan sunat, kecuali dalam menjaga hak golongan yang lemah dan tiada pihak lain yang boleh membelanya, maka di ketika itu adalah wajib dibuat *wisoyah* agar kebajikannya tidak teraniaya.<sup>21</sup>

Sebenarnya amalan ini adalah hampir menyamai dengan konsep insurans yang kini dijalankan oleh beberapa syarikat takaful. Amalan

berwaspada atau berhati-hati dengan kemungkinan musibah adalah tidak termasuk dengan elemen *gharar* yang diharamkan oleh Islam.

Di sini penulis ingin mengulas sedikit mengenai beberapa produk Takaful Nasional Sdn. Bhd. berkenaan Akaun Hibah dan Wasi. Di antara ciri-ciri produk ini ialah:

- a) Manfaat takaful dibayar dari Akaun Peserta dan Akaun Khas Peserta.
- b) Penerima Hibah berhak menerima manfaat takaful apabila Penghibah meninggal dunia atau mengalami keilangan kekal.
- c) Sekiranya Pemberi Hibah ialah ibu / bapa atau datuk / nenek dan Penerima Hibah ialah anak atau cucu, maka Pemberi Hibah berhak untuk menarik balik hibah tersebut.

Menurut kitab *al-Mughni Muhtaj* oleh al-Syarbini, syarat-syarat ke atas pemberi hibah ialah dia adalah pemilik sah terhadap barang yang dihibahkan dan bebas menguruskan barang itu.<sup>22</sup> Dalam kes akaun hibah Takaful Nasional, barang yang dihibahkan ialah manfaat takaful daripada Akaun Khas Peserta dan Akaun Peserta. Akaun Khas Peserta merupakan akaun yang mana sebahagian daripada wang premium takaful peserta tersebut didepositkan sebagai *tabarru'* (*donation*) iaitu jaminan dan tanggungjawab bersama kesemua peserta lain. Ini bermakna pampasan yang bakal diperolehi oleh Penerima Hibah (peserta yang ditimpa kemalangan atau warisnya) bukan sahaja wang miliknya sendiri tetapi juga wang daripada peserta lain yang turut mencarum.

Akaun Khas Peserta ini lebih bersifat kepada tabung khairat yang akan digunakan untuk didermakan kepada waris peserta yang ditimpa kecelakaan. Maka di sini timbul persoalan adakah wang tersebut adalah milik mutlak Pemberi Hibah itu dan sama ada dia bebas menguruskan wang tersebut? Jika diteliti, kedua-dua syarat ini tidak dipenuhi memandangkan wang di dalam akaun ini bukanlah sepenuhnya didepositkan oleh Pemberi Hibah tersebut. Pemberi Hibah juga tidak mempunyai kebebasan untuk menguruskan wang tersebut memandangkan wang itu cuma akan menjadi miliknya (yang mana akan diperolehi oleh Penerima Hibah) selepas dia meninggal dunia ataupun ditimpa keilangan kekal. Jadi di sini, Pemberi Hibah telah meng-

hibahkan sesuatu yang bukan miliknya dan hibah tersebut lebih bersifat *gift-in-future*. Sedangkan mensyaratkan sesuatu hibah harta yang berkemungkinan berlaku (wujud) pada masa hadapan adalah batal.<sup>23</sup>

Namun penulis telah berbincang dengan Ejen Takaful Nasional<sup>24</sup> menyatakan polisi Akaun Peserta Khas adalah diamalkan oleh setiap syarikat Takaful di Malaysia. Walaupun ianya bersifat tabung khairat yang bakal diberikan kepada Peserta yang ditimpa bahaya, tetapi itulah sebenarnya konsep yang diamalkan oleh ahli-ahli takaful bertujuan untuk saling bantu-membantu di kalangan ahli apabila kesusahan melanda.

Dalam konteks ini, setiap peserta telah bersepakat bahawa jika ditakdirkan salah seorang ahli menanggung kerugian atau kehilangan akibat kemalangan yang telah mereka sama-sama tentukan dahulu jenis bencana atau malapetaka tersebut, mereka akan bersatu untuk membantu rakan peserta yang malang itu. Ini bertujuan untuk menyediakan kemudahan manfaat kewangan sebagai bantuan kepada mana-mana ahli yang benar-benar memerlukan dalam meringankan beban ekor kesulitan yang terpaksa ditanggungnya. Dengan lain perkataan, peserta perlu berusaha dengan ikhlas tanpa semata-mata mengutamakan keuntungan peribadi atau kepentingan diri bagi menolong rakan peserta yang terkena musibah dan sekali-kali tidak menyangka akan menimpa ke atasnya.<sup>25</sup>


Menurut Ejen Takaful Nasional itu lagi, soal tiadanya pemilikan sempurna (*al-milk al-tam*) oleh Pemberi Hibah kepada Penerima Hibah seolah-olah mesti menunggu Pemberi Hibah meninggal dunia ataupun ditimpa keilatan kekal, adalah tidak menjadi masalah dari segi syarak. Ini kerana wujudnya kerelaan untuk *tabarru*<sup>26</sup> dan perjanjian sepakat di kalangan ahli-ahli peserta yang telah bersetuju untuk sama-sama membantu kepada rakan yang malang tadi. Bahkan konsep ini adalah amat bertepatan dengan Islam yang sentiasa menggalakkan tolong-menolong<sup>27</sup> dan menyediakan harta kepada waris di saat kematian adalah lebih baik daripada menyebabkan mereka hidup berminta-minta.

Justeru, untuk kita memenuhi kesemua rukun dan syarat hibah itu semata-mata adalah suatu hujah yang tidak rasional kerana malapetaka bukanlah sesuatu yang boleh dijangka. Malah, jika kita mahu mempersoalkan pemberian *tabarru*' itu seumpama menunggu sesuatu musibah berlaku, diibaratkan berjudi nasib kerana ketentuan yang

tidak pasti, lantas *gharar* dan *maisir* akan jelas kelihatan. Tetapi konsep takaful adalah lebih bersifat langkah berjaga-jaga dan berwaspada kerana kecelakaan itu sendiri bukanlah dalam penguasaan kita untuk mengawalinya.<sup>28</sup> Hakikatnya, fenomena ini adalah kembali kepada konsep akidah yang menekankan bahawa kita dilarang prejudis terhadap ketetapan *qadha'* dan *qadar* yang Maha Esa. Sebaliknya, kita ditaklifkan berusaha sebaik mungkin dalam menghadapi segala ujian dan dugaan-Nya, di samping perlu berperanan sebagai khalifah yang berkewajipan menegakkan Islam di bumi ini.

### Aplikasi dan Pelaksanaan *Wisoyah* Di Malaysia

Dalam pengurusan *wisoyah* ianya melibatkan akad penyerahan amanah kepada pemegang amanah (*trustee / executor*).<sup>29</sup> Oleh itu terdapat beberapa item yang ditugaskan untuk pentadbiran dan pengagihan harta tersebut. Pengagihan ini boleh berlaku ketika mana pemberi amanah tersebut masih hidup atau semasa peninggalannya. Di antara perkara yang diagihkan ialah seperti berikut :



Perkhidmatan *wisoyah* pada hari ini diterajui oleh beberapa agensi swasta yang sebelum ini berdaftar di bawah Amanah Raya Berhad (ARB)<sup>30</sup> seperti Zar Perunding Pusaka, Wasiyyah Shoppe Sdn. Bhd.,<sup>31</sup> Watikah Pusaka Resources, Kemudi Aktif Sdn. Bhd. dan lain-lain. Bagi proses pembentukan akad, golongan yang diutamakan dalam penyerahan amanah itu adalah di kalangan ahli waris yang berkemampuan. Jika tiada sesiapa yang dilantik, maka agensi swasta berkenaan akan menawarkan



pihak-pihak tertentu untuk mengendalikan pentadbiran harta tersebut. Lazimnya terdiri daripada peguam, penilai pusaka, badan profesional dan sebagainya. Pada dasarnya amalan ini tiada masalah di sisi Mahkamah Syariah kerana perlantikan *wasi* adalah sah menurut syarak, tetapi praktis di Mahkamah Sivil belum mengesahkan kaedah ini kerana tiada statut atau undang-undang bertulis yang secara jelas meluluskannya.

Bentuk-bentuk produk yang ditawarkan selain produk umum Wisoyah itu sendiri, terdapat juga beberapa kategori lain seperti wisoyah Kasih, wisoyah Hibah, wisoyah Amal dan wisoyah Nilai.<sup>32</sup> Kesemua itu ditetapkan kadar harga yang berbeza-beza mengikut pakej yang dikehendaki oleh pelanggan. Akan tetapi bagi kes pengamanahan ke atas badan profesional tadi, sekiranya berlaku kematian, agensi berkenaan akan mengenakan caj (kebiasaannya 5% daripada jumlah keseluruhan harta pelanggan tersebut) sebagai pengendalian kos pengurusan.<sup>33</sup> Selain itu harta yang dipertanggungjawabkan oleh pemegang amanah (*trustee / executor*) akan sentiasa dikemaskinikan bagi memperbaharui kedudukan harta yang dimiliki sepanjang hidup pemberi amanah sama ada harta tersebut meningkat atau menyusut.

Tatacarapembikinan *wisoyah* adalah melibatkan urusan dokumentasi dan terdapat beberapa langkah yang diambil bagi melicinkan proses pengurusan tersebut, antaranya:

1. Proses perbincangan antara pelanggan dengan pihak pemegang amanah (*trustee / executor*) serta melibatkan pembentukan akad.
2. Proses pemberitahuan maklumat harta serta pembahagian harta mengikut item yang ditetapkan. Contohnya hutang, harta se-pencarian, harta pemberi amanah atas nama orang lain dan sebaliknya.
3. Perincian kewajipan asas seperti kos pengurusan jenazah, melangsaikan segala hutang piutang sama ada hak Allah SWT seperti zakat, kifar, nazar, haji dan hak sesama manusia.
4. Kos pengelolaan (perlantikan pemegang amanah, peguam dan penilai pusaka) bagi urusan pengagihan harta seperti penentuan kadar harta se-pencarian, hibah, wasiat dan wakaf (jika ada).

5. Senarai waris akan ditentukan bagi memudahkan proses faraid, secara umumnya turut dikemaskinikan kerana ada ketikanya waris mati terlebih dahulu daripada pelanggan.
6. Menetapkan kadar faraid mengikut harta yang dimiliki.
7. Senarai harta aset yang akan diperakui dan dikemaskinikan, sama ada pertambahan atau penyusutan harta.
8. Senarai tanggungan dan liabiliti yang perlu dijelaskan.
9. Menentukan pembahagian khas ke atas keluarga berdasarkan persetujuan semua pihak.

Kaedah mengemaskini harta adalah platform utama dalam mekanisme *wisoyah*. Setakat pengamatan penulis, di Amanah Raya Berhad (ARB) tidak menawarkan produk sedemikian. Ini berkemungkinan ARB masih kekurangan tenaga, umpamanya dalam perlantikan pemegang amanah yang perlu bergiat aktif semasa hidup dan selepas mati seseorang klien, kerumitan dalam mengemaskini harta, pengumpulan data yang konsisten, kos penyelenggaraan dan sebagainya. Perkhidmatan ARB lebih memfokuskan pengurusan harta ketika mana pihak pembuat wasiat (klien / pelanggan) telah meninggal dunia, atau berhubung isu kesukaran prosedur seperti tuntutan pampasan di Mahkamah Tinggi (Sivil), perintah Pegawai Penyelesai Pusaka Kecil, perintah Pejabat Buruh dan isu permohonan pencen di kalangan golongan kurang upaya.<sup>34</sup>

Ketiadaan sistem pengemaskinian mengakibatkan pertambahan dan penyusutan harta pelanggan tidak diketahui semasa tempoh selepas wasiat itu dilakukan. Walaupun kemudiannya berlaku keuntungan dalam perniagaan atau pembayaran hutang oleh pelanggan berkenaan, kedudukan jumlah harta hanya tertumpu ketika mana wasiat itu dibuat. Senario demikian mewujudkan masalah ketidakjelasan perincian harta dan bentuk-bentuk liabiliti, sedangkan itulah asas penelitian yang perlu diselesaikan sebelum sebarang proses pentadbiran dan pengagihan harta dapat dijalankan. Bahkan sehingga kini penulis berpendapat, pihak agensi swasta yang menawarkan khidmat *wisoyah* masih mencari-cari mekanisme yang praktikal dalam usaha mengemaskinikan perkembangan harta pelanggan. Ini kerana masalah sesuatu kes bagi setiap pelanggan adalah

berbeza-beza dan ia agak sukar dilaksanakan sekalipun standard syarat-syarat perjanjian adalah sama.

### **Wasiat dan *Wisoyah*: Realiti Permasalahan**

Wasiat adalah berasal daripada kata suruhan “*wassa*” yang membawa erti memerintahkan, menasihatkan atau menjanjikan. Mazhab Syafi‘i berpendapat bahawa ia berasal daripada kata sifat “*wassa*” yang bererti menghubungkan atau menyampaikan.<sup>35</sup> Dari segi istilah pula wasiat adalah satu pemberian atau sumbangan harta oleh seseorang kepada seseorang yang lain setelah dia meninggal dunia sama ada melalui ucapan atau penulisan yang disaksikan oleh dua orang.<sup>36</sup> Dalam definisi lain menyatakan bahawa wasiat ialah suatu ikrar seseorang yang dilakukan semasa hidup ke atas hartanya, atau manfaat untuk menyempurnakan sesuatu kebajikan menurut Hukum Syarak, yang bukan untuk ahli warisnya dan ia terlaksana selepas individu tersebut mati.<sup>37</sup> Adapun *wisoyah* ialah pengamanahan pengurusan harta oleh seseorang ke atas *wasi* yang dikendalikan semasa hayat dan selepas mati orang tersebut, sehingga segala hasrat orang tersebut terlaksana.

Seperti yang diutarakan sebelum ini, konsep *wisoyah* adalah agak asing di kalangan masyarakat Melayu. Bahkan penulis berpendapat bahawa dalam sukatan pembelajaran *fiqh al-mirath* di universiti sekalipun, tidak terdapat topik khusus yang membincangkan konsep *wisoyah*, kaedah pelaksanaan, realiti permasalahan dan alternatif disediakan dalam menjayakan amalan *wisoyah* dengan lebih berkesan. Sikap orang ramai yang kebanyakannya beranggapan kaedah faraid dan wasiat sudah memadai dalam perancangan harta pusaka, menyebabkan banyak kes tertangguh kerana masalah-masalah sampingan. Antara permasalahan tersebut ialah kegagalan pembuktian dokumen kematian, kematian berlapis iaitu apabila waris lambat membuat permohonan pentadbiran pusaka, kesukaran penentuan status waris seperti bukti perkahwinan dan perceraian, anak angkat, pertukaran agama dan lain-lain. Selain itu masalah pembuktian dokumen harta milik si mati, kesamaran dokumen pembuktian liabiliti, tiada kesepakatan dalam penentuan pembahagian, perbalahan antara ahli waris dalam mendapat Suratkuasa Mentadbir turut menjadi faktor timbunan kes tertangguh.<sup>38</sup>

Dalam sistem perundangan Malaysia, isu-isu berhubung bidang kuasa Mahkamah Syariah adalah sesuatu yang masih ketara ketidak-jelasannya. Kewibawaan Mahkamah Syariah terus diganggu sama ada perbicaraan sivil seperti perintah Estoppel<sup>39</sup> atau Injuksi,<sup>40</sup> perintah Surat Pentadbiran (*Letter of Administration*) dan perintah Anggapan Mati, sering dipersoalkan oleh Mahkamah Sivil. Begitu juga perbicaraan jenayah, keputusan Mahkamah Syariah kerap menjadi sasaran kritikan terutamanya isu pertukaran agama atau murtad yang terdapat banyak rentetan daripadanya seperti hak hadanah, pencen suami, nafkah isteri, pengkebumian jenazah, pembahagian harta sepencarian dan lain-lain perkara yang sehingga kini masih tiada kaedah penyelesaian terakhir.

Kes-kes sivil syariah yang melibatkan harta orang Islam seperti pusaka, wakaf, hibah, harta sepencarian dan pertindihan bidang kuasa oleh Mahkamah Tinggi Sivil, Pejabat Tanah dan Amanah Raya Berhad (ARB) adalah dilema utama dalam mengupas permasalahan ini. Kenyataan ini diperkukuhkan apabila sesetengah penyelidik berpendapat bahawa walaupun apabila seseorang Muslim itu meninggal dunia (sama ada berwasiat atau tanpa wasiat) dan hartanya perlu dibahagikan mengikut prinsip faraid, namun dari segi amalannya, undang-undang yang mengawal pentadbiran harta pusaka ialah Akta Probet & Pentadbiran 1959. Ini bermakna, waris perlu memohon untuk mendapatkan Suratkuaasa Mentadbir harta dari Mahkamah Tinggi Sivil<sup>41</sup> atau Amanah Raya Berhad<sup>42</sup> atau Pejabat Tanah<sup>43</sup> dan badan-badan berkuasa ini akan memohon kepada Mahkamah Syariah untuk mendapatkan sijil faraid atau pembahagian, di mana akhirnya Mahkamah Syariah hanya bertindak sebagai pengeluar sijil atau '*rubber stamping*' dan tidak terlibat secara langsung dalam soal pembahagian harta pusaka.<sup>44</sup> Begitu juga dalam kes-kes yang melibatkan penama seperti dalam skim KWSP atau insurans nyawa, Mahkamah Tinggi Sivil telah memperakui dan mengiktiraf bahawa penama yang berhak ke atas harta si mati, bukannya waris sebagaimana yang digariskan dalam sistem faraid.

Buktinya dalam kes *Re Man Bin Minhat*,<sup>45</sup> seorang Muslim telah menamakan isterinya sebagai penama dan diputuskan bahawa penama tersebut berhak mendapat wang insurans nyawa selepas kematiannya. Dalam kes ini Mahkamah Tinggi Sivil menyatakan bahawa penama

tersebut (isteri si mati) adalah benefisiari dan bukan berperanan sebagai pemegang amanah bagi waris si mati. Keputusan ini adalah sangat bertentangan dengan Hukum Syarak. Oleh kerana terdapat banyak kes yang diputuskan demikian, Majlis Fatwa Kebangsaan telah mengeluarkan fatwa bahawa dalam keadaan seorang penganut Islam telah dinamakan sebagai penama, dia hendaklah memegang harta atau wang itu untuk kepentingan ahli waris si mati. Untuk memastikan keberkesanan fatwa ini, Akta Insurans 1996<sup>46</sup> telah membuat peruntukan di bawah seksyen 167 (2) Akta Insurans 1996 bahawa jika penama adalah seorang penganut Islam, sebaik sahaja dia menerima wang polisi itu, dia hendaklah membahagikannya mengikut undang-undang Islam.<sup>47</sup> Peruntukan yang sama juga dibuat ke atas wang KWSP,<sup>48</sup> dan wang koperasi.<sup>49</sup>

### **Hakikat Bidang Kuasa Mahkamah Syariah**

Dilema peranan dan fungsi Mahkamah Syariah dalam kes pentadbiran harta orang Islam menyebabkan kita terfikir, apakah tahap bidang kuasa Mahkamah Syariah yang termaktub dalam undang-undang? Bukankah Islam sebagai agama persekutuan sudah cukup membuktikan keutuhannya dalam perlembagaan Malaysia?<sup>50</sup> Bahkan tokoh perundangan negara iaitu Almarhum Tan Sri Prof Ahmad Ibrahim pernah menyatakan, dalam menangani permasalahan kes di atas, antara undang-undang yang perlu digubal ialah undang-undang wasiat, undang-undang pentadbiran harta berwasiat dan tidak berwasiat serta undang-undang wakaf.<sup>51</sup>

Realitinya, walaupun ternyata Islam sebagai agama persekutuan, namun tidak terdapat dalam Perlembagaan Persekutuan satu peruntukan penubuhan Mahkamah Syariah kecuali ia memberikan kuasa kepada kerajaan negeri untuk mentadbir undang-undang Islam.<sup>52</sup> Dominasi kerajaan pusat dalam mengawal agenda penggubalan undang-undang oleh Badan Perundangan Negeri, adalah jelas menunjukkan bahawa kerajaan negeri tidak boleh bertindak sesuka hati, sekalipun terbukti perundangan yang sedia ada masih lemah dari segi pelaksanaan dan keberkesannya.<sup>53</sup> Dengan ini diterangkan ciri-ciri khusus bidang kuasa Mahkamah Syariah yang termaktub dalam Butiran 1, Jadual Kesembilan Senarai II (Senarai Negeri) Perlembagaan Persekutuan dan ianya adalah seperti berikut:<sup>54</sup>

Kecuali mengenai Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya, Hukum Syarak dan undang-undang diri dan keluarga bagi orang yang menganuti agama Islam termasuk hukum berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pertunangan, perkahwinan, perceraian, maskahwin, nafkah, pengambilan anak angkat, taraf anak, penjagaan anak, pemberian, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf dan ta'rif serta pentadbiran mengenai amanah dan khairat agama, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan perbadanan bagi orang-orang mengenai pemberian agama Islam dan khairat, yayasan amanah khairat dan yayasan khairat yang dijalankan ke semuanya sekali dalam negeri, adat istiadat Melayu, zakat, fitrah dan baitulmal atau hasil agama Islam yang seumpamanya; masjid atau mana-mana tempat sembahyang awam untuk orang Islam; kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh orang-orang menganut agama Islam terhadap rukun-rukun Islam kecuali mengenai perkara-perkara yang termasuk dalam Senarai Persekutuan; pertubuhan, organisasi dan prosedur mahkamah-mahkamah Syariah, yang akan mempunyai bidang kuasa hanya ke atas orang-orang yang menganut agama Islam dan hanya mengenai mana-mana perkara yang termasuk di dalam perenggan ini, tetapi tidak mempunyai bidang kuasa mengenai kesalahan-kesalahan kecuali setakat yang diberi oleh undang-undang persekutuan; mengawal pengembangan iktikad dan kepercayaan antara orang-orang yang menganut agama Islam, menentukan perkara-perkara Hukum Syarak dan iktikad dan adat istiadat Melayu.

Kenyataan di atas dengan jelas menyebut Hukum Syarak berhubung dengan mewarisi harta berwasiat dan tak berwasiat, pembahagian harta dan amanah bukan khairat, wakaf, perlantikan pemegang-pemegang amanah dan sebagainya adalah di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun bagi urusan pentadbiran, seperti pengurusan wasiat dan harta pusaka, undang-undang memperuntukkan bahawa Mahkamah Sivil yang mempunyai bidang kuasa bagi mengeluarkan perintah, bukannya Mahkamah Syariah, sekalipun melibatkan harta orang Islam.<sup>55</sup> Ini dapat dilihat melalui dua undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen, iaitu Akta Probet & Pentadbiran 1959 (Akta 97)<sup>56</sup> dan Akta Pembahagian Harta Pusaka Kecil 1955 (Akta 98).<sup>57</sup>

Kesannya, orang Islam perlu berhubung dengan dua sistem mahkamah untuk membahagikan harta pusaka; pertama, melalui Mahkamah Syariah untuk menentukan status waris dan kadar perwarisan; kedua, melalui Mahkamah Sivil untuk urusan pentadbiran harta tersebut jika nilainya melebihi RM600,000.00.<sup>58</sup>

### **Konflik Bidang Kuasa Dalam Undang-Undang Pewarisan**

Bagi tujuan penyelarasan undang-undang berhubung pewarisan, aspek bidang kuasa antara Mahkamah Sivil, Pejabat Tanah, Amanah Raya Berhad dan Mahkamah Syariah perlu diberikan perhatian. Oleh kerana negara ini mempunyai dua sistem undang-undang yang pemakaiannya adalah bersifat selari (*parallel*), maka pada tahun 1988 telah diperkenalkan Perkara 121 (1A) dalam Perlembagaan Persekutuan yang memisahkan campur tangan Mahkamah Sivil terhadap perbicaraan Mahkamah Syariah dan bertujuan memelihara bidang kuasa Mahkamah Syariah secara eksklusif.

Mahkamah Persekutuan dalam kes *Majlis Ugama Islam Pulau Pinang dan Seberang Perai lwn Shaik Zolkaffily Bin Shaik Natar & Ors*,<sup>59</sup> telah mengesahkan pendekatan Hakim Abdul Kadir Sulaiman dalam kes *Md. Hakim Lee lwn Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur*,<sup>60</sup> yang memutuskan bahawa semua perkara terkandung dalam Butiran 1 Senarai II (Senarai Negeri) Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan adalah perkara-perkara yang tergolong dalam bidang kuasa Mahkamah Syariah.<sup>61</sup> Oleh kerana Senarai II ini merupakan senarai kuasa Badan Perundangan Negeri,<sup>62</sup> maka undang-undang Pentadbiran Agama Islam bagi Wilayah Persekutuan dan negeri-negeri sebenarnya telahpun membuat peruntukan berkaitan bidang kuasa Mahkamah Syariah mengenai hal pewarisan tersebut.

Akan tetapi persoalan yang timbul adalah mengenai peruntukan undang-undang dalam seksyen 12 Akta 98, yang memberikan kuasa kepada Pemungut Pejabat Tanah<sup>63</sup> untuk membuat penentuan berdasarkan prinsip Hukum Syarak mengenai status ahli waris, penentuan kadar bahagian-bahagian yang layak diterima dan jumlah harta yang boleh dikategorikan sebagai harta pusaka. Bidang kuasa yang diberikan kepada Pemungut ini agak signifikan dan kesemuanya memerlukan

analisa Hukum Syarak, selain peruntukan undang-undang Islam yang berkuatkuasa dalam negara. Sebetulnya bidang kuasa yang diperuntukkan dalam Butiran 4 (e) Senarai I, Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan, adalah menyentuh sudut “pentadbiran” harta pusaka sahaja,<sup>64</sup> dan bukan termasuk analisis jurisprudens *fiqh al-mirath* Islam.

Perhatian khusus perlu diberikan kepada peruntukan dalam Akta/Enakmen Pentadbiran yang menetapkan bidang kuasa Mahkamah Syariah sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 46 (2) Akta Pentadbiran Undang-Undang Islam Wilayah-wilayah Persekutuan 1993 (Akta 505),<sup>65</sup> yang menjelaskan bahawa Mahkamah Tinggi Syariah hendaklah dalam bidang kuasa malnya, mendengar dan memutuskan semua tindakan serta prosiding dalam mana semua pihak adalah orang Islam, dan yang berhubung dengan wasiat atau alang semasa *marad al-maut* seseorang Islam, pembahagian dan pewarisan harta berwasiat atau tak berwasiat, penentuan orang-orang yang berhak kepada bahagian pusaka seseorang Islam atau bahagian-bahagian yang waris-waris itu berhak ke atas harta tersebut.<sup>66</sup>

Ironinya, amalan sekarang menunjukkan tiga fungsi utama di atas dilaksanakan oleh Pemungut mengenai kadar bahagian, waris-waris yang berhak dan harta pusaka yang sepatutnya berada di bawah bidang kuasa Mahkamah Syariah. Dari perspektif ini juga memperlihatkan bahawa Mahkamah Syariah selayaknya tidak tertakluk kepada Akta 98. Ini kerana Mahkamah Syariah turut mempunyai bidang kuasa untuk memutuskan secara syarak mengenai ketiga-tiga perkara di atas, sekalipun nilai harta melebihi RM600,000.00 yang kini dikendalikan oleh Mahkamah Tinggi Sivil sebagaimana termaktub dalam Akta 97. Tambahan pula dalam hal probet iaitu perintah mengenai pelaksanaan sesuatu wasiat,<sup>67</sup> ditegaskan secara nyata mengecualikan pemakaiannya terhadap orang Islam pada perenggan (ii) yang menyebut:

(ii) Perkara yang tersebut dalam perenggan (i) tidak termasuk undang-undang diri orang Islam berhubung dengan perkahwinan, perceraian, penjagaan anak, nafkah, pengambilan anak angkat, undang-undang keluarga, pemberian atau pewarisan harta berwasiat dan tidak berwasiat.



Perkara wasiat dan harta pusaka telah menjadi isu utama dalam kes Mahkamah Persekutuan *Shaik Zolkaffily*. Dalam kes tersebut, Sheikh Eusoff Bin Sheikh Latiff (si mati) telah meninggal dunia dan meninggalkan beberapa bidang tanah yang didaftarkan atas nama perayu. Manakala responden-responden pula adalah pemegang amanah dan waris kepada harta pusaka si mati. Si mati meninggalkan wasiat bertarikh 30 Disember 1892 yang memperuntukkan sebahagian tanah didirikan masjid sebagai 'wakaf' dan pemberian semula (*revision*) daripada 'wakaf' kepada anak cucu si mati 21 tahun selepas kematian pewaris terakhir. Si mati juga meninggalkan "*deed of settlement*" bertarikh 26 Jun 1890 yang telah memperuntukkan tanah-tanah tersebut sebagai 'wakaf'. Di Mahkamah Tinggi Sivil, responden-responden telah membuat permohonan antara lain seperti berikut:

- (1) Suatu deklarasi menyatakan bahawa tanah-tanah tersebut diserahkan kepada harta pusaka Sheikh Eusoff Bin Sheikh Latiff, si mati.
- (2) Suatu perintah selanjutnya bahawa tanah-tanah tersebut diberikan kepada responden-responden sebagai pentadbir-pentadbir harta pusaka si mati.
- (3) Secara alternatif, suatu injuksi menahan defendan atau orang suruhannya atau sesiapa sahaja dari menjual, memindah milik atau campur tangan atau sebarang tindakan atau urusan ke atas tanah-tanah tersebut sehingga tindakan guaman ini selesai.

Dalam kes ini perayu telah membangkitkan bantahan awal bahawa Mahkamah Tinggi Sivil tidak mempunyai bidang kuasa untuk mendengar tindakan responden-responden tersebut. Namun, permohonan perayu tersebut telah ditolak di peringkat Mahkamah Tinggi Sivil dan di Mahkamah Rayuan. Kedua-dua mahkamah tersebut memutuskan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa untuk mengeluarkan injuksi yang dipohon oleh responden-responden dan juga tidak mempunyai kuasa untuk mengadili wasiat dan Surat Ikatan Penyelesaian. Tetapi dalam rayuan ke Mahkamah Persekutuan, mahkamah tersebut telah membenarkan rayuan itu dan memutuskan antara lain bahawa walaupun remedi yang dipohon adalah suatu deklarasi, ia tidak menjejaskan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Hakim Mahkamah

Tinggi Sivil sepatutnya menggunakan pendekatan '*subject matter*' dan bukan kaedah '*remedy prayed for approach*' untuk menentukan sama ada Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa atau sebaliknya.<sup>68</sup> Justeru, keputusan-keputusan Mahkamah Rayuan (Sivil) mengatakan Mahkamah Syariah tiada bidang kuasa untuk mengeluarkan injuksi yang dipohon oleh responden-responden, dan tiada kuasa untuk membicarakan wasiat dan Surat Ikatan Penyelesaian tersebut adalah tidak berasas.

Mahkamah Persekutuan juga telah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa melalui seksyen 48 (2) (b) (v), (vii) dan (ix) Enakmen Pulau Pinang yang berkaitan dengan wasiat atau hibah semasa *marad al-maut* oleh seseorang Islam, wakaf atau nazar, penentuan waris-waris dan kadar pembahagian harta pusaka si mati Muslim. Bagi mengelakkan percanggahan yang berterusan mengenai bidang kuasa yang membabitkan Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan, bahagian yang dimaksudkan sebagai 'pentadbiran' harta pusaka perlu diperinci dan diperjelaskan sama ada ia merangkumi penentuan tiga perkara utama tadi yang diberikan kuasa kepada Pemungut dalam Akta 98.

Secara teori, kupasan di atas mendapati Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa eksklusif mengenai Hukum Syarak dalam hal undang-undang pewarisan. Tetapi praktikalnya menunjukkan undang-undang sedia ada seolah-olah memberikan kuasa yang lebih kepada Mahkamah Sivil dan institusi-institusi lain di peringkat persekutuan. Beberapa statut yang dinyatakan sebelum ini iaitu Akta 97, Akta 98, Kaedah-kaedah Mahkamah Tinggi 1980 dan lain-lain,<sup>69</sup> telah digubal untuk mentadbir tentang harta pusaka Islam yang menghadkan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Justeru, terdapat kritikan yang menegaskan bahawa bidang kuasa asal yang sepatutnya dimiliki oleh Mahkamah Syariah, Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan lain-lain institusi keagamaan telah diambil alih oleh badan-badan lain di peringkat persekutuan, berdasarkan undang-undang bertulis yang diwujudkan bagi mentadbir harta pusaka orang-orang Islam tersebut.<sup>70</sup>

Oleh yang demikian, sungguhpun undang-undang Islam yang diaplikasikan dalam pembahagian harta pusaka individu Muslim, kes-kes tersebut adalah diputuskan oleh Mahkamah Sivil dan bukannya

Mahkamah Syariah. Untuk itu, Mahkamah Sivil dikehendaki berpandukan prinsip faraid dalam pembahagian harta pusaka, sayangnya rangsangan ke arah itu agak kurang ketara. Fenomena ini telah diluahkan oleh seorang tokoh yang menyatakan “Padahal tidaklah begitu sukar untuk mereka mengkaji pandangan ulama dan ilmuan Islam seperti ulasan Mufti atau keputusan Majlis Fatwa Kebangsaan, sebagaimana dalam kes-kes lain yang merujuk kepada undang-undang bertulis, *common law* dan buku-buku teks termasuk keputusan-keputusan yang dibuat oleh mahkamah di Malaysia, India dan Pakistan.”<sup>71</sup>

### **Kekeliruan Undang-Undang dan Keputusan Mahkamah Syariah**

Selain permasalahan konflik bidang kuasa di atas, terdapat kekeliruan antara peruntukan undang-undang dan keputusan Mahkamah Syariah. Walaupun Perlembagaan Persekutuan dan seksyen 46 (2) Akta 505 memberikan bidang kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk memutuskan secara syarak dalam hal pewarisan, namun seksyen 50 Akta 505 seolah-olah menjadikan tanggungjawab itu sebagai suatu kuasa budi bicara (*discretionary power*) dan sekadar menjadi tempat rujukan apabila diperlukan. Peruntukan ini dilihat selari dengan peruntukan dalam seksyen 19 Akta 98,<sup>72</sup> yang mengkehendaki Pemungut untuk merujuk kepada Mahkamah Syariah hanya apabila menghadapi kesukaran dalam membuat pembahagian.

Oleh itu, pindaan perlu dilakukan terhadap seksyen 50 Akta 505, seksyen 12 (7)<sup>73</sup> dan seksyen 19 Akta 98 untuk diselaraskan dengan kehendak peruntukan “*Hukum Syarak yang berhubungan dengan pewarisan*” yang terkandung dalam Senarai II.<sup>74</sup> Pindaan ini perlulah secara jelas menerangkan bahawa Mahkamah Syariah mempunyai bidang kuasa dalam perkara berhubung penentuan Hukum Syarak mengenai pewarisan dan bukan setakat dirujuk (sewaktu diperlukan) oleh institusi lain sebagaimana yang wujud dalam peruntukan masa kini.<sup>75</sup>

Kekeliruan tentang isu bidang kuasa juga berbangkit dalam kes *Jumaaton dan Raja Delila lwn Raja Hizaruddin*,<sup>76</sup> yang telah memutuskan bahawa Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidang kuasa mengenai probet dan pentadbiran memandangkan ia termasuk dalam Senarai I.<sup>77</sup> Akta 97 telah digubal berdasarkan peruntukan Senarai I tersebut

walaupun di dalam Senarai II,<sup>78</sup> turut menyentuh mengenai pewarisan harta berwasiat dan tak berwasiat. Justeru, Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rayuan Syariah Kuala Lumpur telah memutuskan untuk menolak permohonan dan rayuan ahli waris dalam menentukan bahawa saham, dividen, saham bonus, isu terbitan dan lain-lain yang dinamakan kepada Responden sebagai sebahagian dari harta pusaka.

Walau bagaimanapun, Dato' Abdul Hamid Bin Haji Mohamad (Hakim Mahkamah Persekutuan) berpendapat bahawa dalam membicarakan kes di atas, isu-isu yang timbul bukanlah perkara berhubung probet atau pentadbiran harta pusaka. Tetapi permohonan dibuat di Mahkamah Syariah adalah untuk menetapkan sama ada saham, dividen, isu terbitan, saham bonus dan sebagainya dikategorikan sebahagian daripada harta pusaka atau sebaliknya. Dan persoalan adakah semua ahli waris berhak terhadap pusaka si mati itu dalam mendapatkan bahagian masing-masing mengikut faraid. Kedua-dua permasalahan ini adalah membabitkan penentuan Hukum Syarak yang sebenarnya tertakluk kepada bidang kuasa Mahkamah Syariah untuk memutuskannya dan ia tidak berkait mengenai probet dan pentadbiran.<sup>79</sup> Pandangan beliau ini boleh dianggap sebagai suatu pendirian yang tepat jika kita mengambil kira peruntukan-peruntukan dalam Senarai I dan II Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.<sup>80</sup>

Dari perspektif lain, sesetengah pihak berhujah bahawa tradisi undang-undang sedia ada kini adalah yang terbaik. Ianya sudah cukup sempurna dan tidak perlu dipertikaikan sama ada kaedah perundangan sekarang berasaskan syar'ie atau tidak syar'ie (*Islamic or non-Islamic*). Misalnya, apabila pembahagian yang mengikut prinsip faraid dibuat oleh Pentadbir Tanah atau Mahkamah Tinggi Sivil, adakah bererti tindakan tersebut tidak *Islamic* semata-mata kerana ia tidak diputuskan di Mahkamah Syariah? Bahkan secara logik sesiapa yang mempunyai kepakaran dalam ilmu faraid sudah layak berfatwa mengenainya.

Sebenarnya hujah itu tidak relevan, kerana fokus perbahasan adalah lebih kepada isu perluasan bidang kuasa Mahkamah Syariah yang selama ini sering dipersoalkan oleh Mahkamah Sivil. Bagi menjelaskan kekeliruan ini, adalah wajar diulangi bahawa bidang kuasa penentuan Hukum Syarak yang ditetapkan oleh Perlembagaan Persekutuan dan

diputuskan dengan sewajarnya oleh mahkamah tertinggi negara perlulah dihormati, terutamanya setelah Perkara 121 (1A) Perlembagaan Persekutuan diperkenalkan. Sungguhpun dari segi pelaksanaan rujukan ada dibuat kepada Mahkamah Syariah, realitinya ia setakat urusan penentuan kadar harta dan ahli waris yang berhak. Untuk menjawab persoalan berapa, siapa, apa, bila, bagaimana dan kenapa dalam hal pewarisan menurut *fiqh al-mirath* Islam, selayaknya perlulah dilakukan oleh pihak yang telah ditauliahkan mengenainya dan bukan mana-mana individu lain sekalipun tahap keilmuannya adalah mengatasi pihak yang ditauliahkan itu.

Senario ini dapat kita bandingkan tentang perbezaan konsep *al-qadha'* dan fatwa. Secara *zahir* kedua-duanya bertanggungjawab untuk menyelesaikan masalah dengan bersumberkan nas syarak. Tetapi sifat keputusan kadi adalah mengikat (wajib dilaksanakan dan dipatuhi) terhadap pihak-pihak yang dibicarakan, manakala kedudukan keputusan mufti adalah tidak mengikat terhadap pihak lain (ia boleh diterima dan ditolak), walaupun justifikasi dan alasan mufti tersebut terbukti lebih hebat berbanding kadi yang mengendalikan perbicaraan itu.<sup>81</sup>

Ada juga berpandangan dalam menangani kemusykilan ini, pendekatan yang lebih praktikal dan tidak menyukarkan masyarakat (Islam dan bukan Islam) perlu diambil. Hal ini memandangkan urusan pentadbiran dalam pembahagian harta pusaka boleh melibatkan kepentingan orang bukan Islam di dalamnya. Sebagai contoh, harta yang telah dijual kepada orang bukan Islam sebelum kematian seorang Muslim yang belum sempat dipindah milik hartanya. Begitu juga keadaannya jika membabitkan perkahwinan campur yang semestinya mengaitkan perbezaan dan pertukaran agama.<sup>82</sup>

## Kesimpulan

Konsep *wisoyah* dan realiti pelaksanaannya masih dalam keadaan dilema. Tambahan pula setakat ini mekanisme Amanah Raya Berhad tidak menampakkan keberkesanan yang mampu membawa penambahbaikan dan ini mengurangkan kecenderungan masyarakat dalam menguruskan harta melalui kaedah *wisoyah*. Justeru, tidak hairanlah amalannya tidak menyeluruh disebabkan masalah kefahaman masyarakat itu sendiri.

Bahkan pihak akhbar pernah melaporkan bahawa harta orang Islam yang terkumpul di Amanah Raya Berhad dan masih tidak dituntut dalam lingkungan RM40 bilion. Adapun peranan di pihak agensi swasta, operasi perkhidmatan mereka sebenarnya terbatas kerana sokongan kewangan dan jaringan pemasaran yang agak terhad.<sup>83</sup>

Berdasarkan kajian ringkas ini, dapatlah disimpulkan bahawa pelaksanaan wasiat dan *wisoyah* di Malaysia adalah menyentuh bidang kuasa eksklusif Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, jalan penyelesaian terbaik adalah dengan membuat pindaan ke atas Akta Probet & Pentadbiran 1959, iaitu mengecualikan orang Islam daripada tertakluk di bawahnya seperti yang telah dibuat terhadap Akta Wasiat 1959 (Akta 346). Sebagai alternatif, satu undang-undang probet dan pentadbiran untuk orang Islam perlulah disediakan di peringkat negeri dengan memperuntukkan bidang kuasa yang jelas kepada Mahkamah Syariah. Haruslah diingat juga bahawa meskipun bidang kuasa Mahkamah Syariah yang jelas telah diperuntukkan, ia tidak akan membawa apa-apa kesan jika pihak Mahkamah Syariah sendiri tidak memainkan peranan yang proaktif dalam memperkasakan bidang kuasanya.<sup>84</sup>

Oleh yang demikian, kita perlu menyediakan mekanisme yang praktikal agar proses pembahagian harta dapat dijalankan dengan lancar dan kebajikan mereka yang berhak juga terpelihara. Adalah diingatkan bahawa tidak ramai yang peka terhadap situasi pemilikan harta iaitu harta kita di atas nama kita, harta kita di atas nama orang dan harta orang di atas nama kita. Justeru, hal ini perlu diambil tindakan yang serius agar tidak berlakunya penganiayaan dan pemilikan harta secara batil dapat dielakkan.

## Nota Hujung (Endnotes)

- 1 Penulis ialah pensyarah daripada Jabatan Syariah Dan Perundangan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS). Email [nazireey2000@yahoo.com](mailto:nazireey2000@yahoo.com) Hak Cipta Terpelihara.
- 2 Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasi Kepada Produk-Produk Perbankan Islam*, Bangi: Fakulti Undang-Undang UKM, hlm 1-7.
- 3 *Ibid.*
- 4 Naziree Bin Md Yusof, 2006, "Konsep Cap Dagangan & Prinsip Mua'malat Islam: Suatu Perbandingan", *Prosiding Seminar Kebangsaan Undang-Undang Dan Teknologi: Isu Undang-Undang dan Syariah 2006*, Bangi: Fakulti undang-undang UKM, hlm 464.
- 5 Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz, 2005, *Undang-undang Harta Intelek di Malaysia*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia, hlm 1.
- 6 Sayyid Sabeq, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Darul Fikr, 1998, Jil. 2, hlm 107.
- 7 *Ibid.*
- 8 al-Quran, Al-Zariyat 51: 56.
- 9 al-Quran, Al-Baqarah 2 : 30.
- 10 al-Quran, Al-Ahzab 33 : 72.
- 11 Said Bin Ibrahim, 1995, *Aqidah Ahli al-Sunnah wa al-Jamaah*, Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah, hlm 9.
- 12 al-Quran, Toha 20 : 111-112.
- 13 al-Quran, Al-Isra' 17:85.
- 14 al-Quran, Al-Bayyinah 98 : 5.
- 15 al-Quran, Fatir 35 : 28.
- 16 Said Bin Ibrahim, 1995, *op.cit*, hlm 43-44.
- 17 al-Quran, Al-Soff 61:10-11.
- 18 al-Quran, Al-Jathiah 45:18.
- 19 Mustafa al-Khin dkk, 1998, *Fiqh al-Manhaji ala Mazhab al-Syafi'e*, Beirut: Dar al-Qalam, Jil. 2, hlm 261.
- 20 *Ibid*, hlm 264.
- 21 *Ibid*, hlm 261-262.
- 22 Al-Sharbini, t.th, *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, Jil. 2, hlm 396-397.
- 23 Mustafa al-Khin dkk, *op.cit*. Jil. 3, hlm 109.
- 24 Temubual dengan Puan Nor 'Adha Binti Abdul Hamid, Pensyarah Fakulti

- Perniagaan dan Muamalat, di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 07 November 2007 jam 11.00 pagi.
- 25 Mohd Fadzli Yusof, 1996, *Takaful Sistem Insurans Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd, hlm 13-14.
- 26 al-Quran, Al-Baqarah 2 : 261-264.
- 27 al-Quran, Al-Maidah 5 : 2.
- 28 al-Quran, Luqman 31 : 34.
- 29 <http://www.fpam.org.my/tools/actions.php?toolaction=4Epdf&cid=116> (10.11.2007).
- 30 <http://www.arb.com.my/partner.html> (10.11.2007).
- 31 <http://www.wasiyahshoppe.com/> (10.11.2007).
- 32 Antara contoh-contoh produk yang ditawarkan dalam Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd.
- 33 Temubual bersama Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan, Peguam dan Pakar Perunding Wasiat Islam & Warisan Perniagaan, di Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd, pada 05 November 2007 jam 9.00 pagi.
- 34 Habsah Bakar, 2006, “Pengalaman Amanah Raya Berhad (ARB) Dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam”, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm 144.
- 35 Abdul Rashid Haji Abdul Latif, 1986, *Wasiat Dalam Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Edisi Pertama, hlm 14.
- 36 *Ibid.*
- 37 Seksyen 2, Enakmen Wasiat Negeri Selangor 1999.
- 38 Habsah Bakar, 2006, *op.cit*, hlm 141-143.
- 39 Suatu kaedah keterangan atau doktrin undang-undang yang mencegah seseorang dari menafikan kebenaran sesuatu pernyataan yang telah dibuatnya dahulu, atau perwujudan fakta yang dia, melalui ucapan atau perbuatannya, telah membuatkan orang lain mempercayai pernyataan tersebut. Lihat Mohd. Radzali Masrum, 2001, *Maksim dan Ungkapan Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 114.
- 40 Suatu perintah atau dekri yang mana melaluinya suatu pihak, biasanya defendan, dikehendaki melaksanakan ataupun menahan diri daripada melakukan sesuatu perkara tertentu. Injuksi bersifat sama ada menyekat atau mandatori, iaitu memaksa. Apabila membabitkan masa, injuksi boleh bersifat sama ada sementara (*interlokutori / interim*), atau berkekalan. Injuksi berkekalan akan diizinkan hanya setelah plaintif berjaya membuktikan haknya dan wujud pelanggaran ataupun ugutan sebenar yang dilakukan ke atas diri plaintif. Injuksi interlokutori pula boleh dikeluarkan pada bila-bila masa selepas dikeluarkan suatu writ untuk mengekalkan penjagaan



- benda-benda terbabit *in status quo*. Lihat Mohd. Radzali Masrum, *op.cit*, hlm 157.
- 41 Jika harta melebihi RM600,000.00.
- 42 Jika jumlah harta kurang RM600,000.00.
- 43 Jika jumlah harta kurang RM600,000.00.
- 44 Noor Aziah Binti Mohd Awal, 2004, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*, Selangor: International Law Book Services, hlm 78.
- 45 [1965] 2 MLJ 1.
- 46 Akta 553.
- 47 Noor Aziah Binti Mohd Awal, 2004, *op.cit*, hlm 78.
- 48 Peraturan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, peraturan 16 (2).
- 49 Akta Koperasi 1993 (Akta 502); seksyen 24 (1) (a).
- 50 Perkara 3 (1), Perlembagaan Persekutuan.
- 51 <http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html> (06.11.2007)
- 52 Syeikh Ghazali Bin Haji Abdul Rahman, 2006, “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Pentadbiran Harta Amanah Orang Islam”, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, hlm 70-71.
- 53 Perkara 74 (2), Perlembagaan Persekutuan.
- 54 Ahmad Ibrahim, 1997, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, hlm 145-158.
- 55 Senarai 1, Butiran 4 (e) (i), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.
- 56 Selepas ini disebut sebagai Akta 97.
- 57 Selepas ini disebut sebagai Akta 98.
- 58 Tajul Aris Ahmad Bustami, 2005, “Bidang Kuasa Mahkamah Syariah Dalam Kes Pewarisan; Satu Analisis Kritikal ke Atas Kes *Juamaaton Iwn Raja Hizaruddin*”, *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 37-38.
- 59 [2003] 3 MLJ 705.
- 60 [1998] 1 AMR 1.
- 61 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, “Penyelarasan Undang-Undang Pewarisan: Isu-Isu dan Penyelesaiannya”, *Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007*, Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad, hlm 46.
- 62 Perkara 74, Perlembagaan Persekutuan.
- 63 Selepas ini disebut sebagai Pemungut.
- 64 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, *op.cit*, hlm 47.
- 65 Selepas ini disebut sebagai Akta 505.
- 66 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, *op.cit*, hlm 47-48.

- 67 Butiran 4 (e) Senarai I, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.
- 68 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, *op.cit*, hlm 49.
- 69 Misalnya isu mengenai penama si mati telah diperuntukkan dalam statut-statut berkaitan seperti Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Akta Takaful 1994, Akta Insurans 1996 dan lain-lain.
- 70 Lihat Siti Mashitoh Mahmood, 2006, “Bidang Kuasa Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia, Perspektif Perundangan Syariah dan Sivil”, *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Orang Islam*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, hlm 116.
- 71 Ahmad Ibrahim, 1999, “Undang-Undang Pentadbiran Harta Pusaka Bagi Orang Islam di Malaysia”, *Pentadbiran Harta Menurut Islam*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia, hlm 35.
- 72 Contohnya seksyen 19 (1)(a) Akta 98 menyatakan “*If any difficult point of law or custom arises in any proceedings under this Act that Collector may: If the question relates to Islamic law or Malay custom or to native law or custom of Sabah and Sarawak, refer the matter for the decision to the Ruler of the State in which his district is situated or to such other person or body of persons as the Ruler may direct.*”
- 73 Seksyen 12 (7) Akta 98 memperuntukkan “*The Collector shall ascertain, in such manner as may be most appropriate, the law applicable to the devolution of the estate of the deceased, and shall decide who in accordance with that law are the beneficiaries and the proportions of their respective shares and interest.*”
- 74 Senarai Negeri, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.
- 75 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, *op.cit*, hlm 51.
- 76 [1998] 6 MLJ 556.
- 77 Butiran 4 (e) (i), Senarai I, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.
- 78 Senarai II (Senarai Negeri), Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan.
- 79 Abdul Hamid Bin Mohamad, *Konflik dan Perkongsian Bidang Kuasa Mahkamah Sivil dan Mahkamah Syariah Mengenai Pengurusan Aset dan Pentadbiran Harta Pusaka Orang Islam dan Wakaf di Malaysia*, Kertas Kerja ini dibentangkan pada Kolokium Pengurusan Aset dan Penyelesaian Harta Pusaka Muslim Mengikut Perundangan Malaysia Peringkat Kebangsaan 2004 di Hotel Marriott, Putrajaya pada 24-25 Mei 2004.
- 80 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, *op.cit*, hlm 51.
- 81 Mahmud Saedon A. Othman, 1998, *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm 157.

- 82 Mohamad Naser Bin Disa, 2007, *op.cit*, hlm 53.
- 83 Temubual bersama Tuan Haji Abdul Aziz Bin Hassan, Peguam dan Pakar Perunding Wasiat Islam & Warisan Perniagaan, di Zar Perunding Pusaka Sdn. Bhd, pada 05 November 2007 jam 9.00 pagi.
- 84 Tajul Aris Ahmad Bustami, 2005, *op.cit*, hlm 53.

## Rujukan

Al-Quran.

Abdul Halim el-Muhammady, 2001, *Undang-Undang Muamalat dan Aplikasi kepada Produk-Produk Perbankan Islam*, Selangor: Fakulti Undang-undang UKM.

Abdul Rashid Haji Abdul Latif, 1986, *Wasiat Dalam Islam*, Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, Edisi Pertama.

Abu Bakr Uthman Bin Muhammad Shata Al-Dimyati Al-Bakri, 1995, *I'aaanat al-Talibin*, Beirut: Dar al-Kutb al-Ilmiah, 5 Jilid.

Ahmad Ibrahim, 1997, *Pentadbiran Undang-Undang Islam di Malaysia*, Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.

Al-Sharbini, t.th, *Mughni al-Muhtaj*, Beirut: Dar al-Fikr, 4 Jilid.

Khadijah Mohamed & Ahmad Shamsul Abd Aziz, 2005, *Undang-undang Harta Intelek di Malaysia*, Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

*Konvensyen Perwarisan Harta Islam 2007*, Kuala Lumpur: Amanah Raya Berhad.

Mahmud Saedon A. Othman, 1998, *Institusi Pentadbiran Undang-Undang & Kehakiman Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Fadzli Yusof, 1996, *Takaful Sistem Insurans Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn Bhd.

Mohd. Radzali Masrum, 2001, *Maksim dan Ungkapan Undang-Undang*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mustafa Al-Khin dkk, 1998, *al-Fiqh al-Manhaji*, Beirut: Dar al-Qalam, 3 Jilid.

Noor Aziah Binti Mohd Awal, 2004, *Pengenalan Kepada Sistem Perundangan Di Malaysia*, Selangor: International Law Book Services.

Said Bin Ibrahim, 1995, *Aqidah Abli al-Sunnah wa al-Jamaah*, Kuala Lumpur: Darul Ma'rifah.

Sayyid Sabeq, 1998, *Fiqh al-Sunnah*, Beirut: Darul Fikr, 3 Jilid.

Siti Mashitoh Mahamood, 2006, *Harta Amanah Orang Islam di Malaysia: Perspektif Undang-Undang dan Pentadbiran*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Siti Mashitoh Mahmood, 2006, "Bidang Kuasa Pentadbiran Harta Pusaka di Malaysia, Perspektif Perundangan Syariah dan Sivil", *Prosiding Seminar Kebangsaan Pengurusan Harta Orang Islam*, Bangi: Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Tajul Aris Ahmad Bustami, Mohd. Hisham Mohd. Kamal & Farid Sufian Shuaib, 2005, *Kaedah Perundangan Bidang Kuasa dan Tatacara Mahkamah Syariah*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Perlembagaan Persekutuan.

Enakmen Wakaf & Wasiat Orang Islam Negeri Selangor 1999.

<http://www.arb.com.my/partner.html>

<http://www.fpam.org.my/tools/actions.php?toolaction=4Epdf&id=116>

<http://www.islam.gov.my/buu/artikel2.html>

[www.lexisnexis.com/research](http://www.lexisnexis.com/research)

<http://www.wasiyyahshoppe.com/>

## **Pensekuritian Bersandarkan Aset Secara Islam**

**Nadhirah binti Nordin & Mohamad Sabri Haron**

### **Abstrak**

*The paper discusses the definition, development, concept, structure of Islamic Asset-Backed Securities (ABS) and its practice in Malaysia. It focuses on the Syariah principles that are agreed upon and those that are disagreed upon by Syariah scholars in structuring the Islamic ABS. This article also mentions the application of the Syariah principles in ABS securities in Malaysia and to the extent of its compliance with the methodologies and principles under the Islamic perspective.*

### **Pengenalan**

Kecairan adalah perkara penting dalam ekonomi, ia adalah untuk memenuhi keperluan individu ataupun komersil. Faktor ini jugalah yang menjelaskan mengapa manusia meminjam dan melakukan transaksi perniagaan. Dewasa ini, terdapat pelbagai cara bagi memenuhi keperluan ini. Salah satunya adalah melalui pensekuritian. Sebagai salah satu bentuk pembiayaan yang berkembang dengan pantas, pensekuritian kini merupakan salah satu ciri penting dalam kebanyakan pasaran kewangan. Pasaran pensekuritian sekunder yang lebih cair dan efisien akan memberi pilihan pembiayaan selain daripada sumber pembiayaan tradisional melalui institusi perbankan dan mengurangkan kos pembiayaan dalam pasaran utama.

Pensekuritian adalah satu proses penukaran aset tidak mudah tunai (*illiquid*) kepada sekuriti iaitu sebagai instrumen yang boleh diterbitkan dan diniagakan di pasaran modal (*liquid*). Pensekuritian bersandarkan aset boleh didefinisikan secara umumnya sebagai proses menjadikan pinjaman, terimaan dan aset-aset kewangan lain yang dikumpul, di mana aliran tunai aset tersebut dijadikan sokongan kepada pembayaran kepada pemegang-pemegang sekuriti yang diterbitkan.<sup>1</sup>

Sekuriti pula adalah dokumen sah yang menjadi bukti penyertaan modal atau bukti hutang terhadap pemilikan sesuatu harta yang boleh dipindah milik dan bersifat kekal atau jangka masa panjang. Konsep pensekuritian adalah melibatkan proses menyokong setiap bon yang diterbitkan dengan harta atau sama ada harta yang telah dijual atau disewakan.

Pensekuritian bersandarkan aset akan melibatkan pemindahan aset atau risiko kepada pihak ketiga, biasanya satu perantara kegunaan khas (*Special Purpose Vehicle*) yang mana pemindahan sebegini adalah dibiaya dengan terbitan sekuriti hutang yang berkadar tinggi kepada para pelabur. Oleh itu, penarafan kredit hutang sekuriti ini diperolehi daripada kualiti aset pendasar dan bukan penarafan kredit pemilik asal aset berkenaan.<sup>3</sup>

Terdapat pelbagai bentuk sekuriti yang dihasilkan melalui pensekuritian, termasuklah sekuriti bersandarkan gadai janji iaitu *Mortgage Backed Securities* (MBS), aliran tunai iaitu *Asset-Backed Securities* (ABS) dan kewajipan hutang bercagaran iaitu *Collateralised Debt Obligation* (CDO).<sup>4</sup>

- MBS adalah instrumen dengan aliran tunai daripada sekumpulan pinjaman gadai janji perumahan atau harta perdagangan.
- ABS adalah sekuriti yang diterbitkan daripada sekumpulan aset kewangan selain daripada pinjaman gadai janji seperti<sup>5</sup>:
  - i. Jualan boleh terima (*receivables*) yang tidak termasuk pemindahan aset fizikal seperti bangunan industri, loji dan jentera serta stok dagangan.
  - ii. Jualan boleh terima (*receivables*) termasuk pemindahan aset fizikal (*underlying assets*) seperti bangunan industri, loji dan jentera serta stok dagangan.

- iii. Jualan boleh terima (*receivables*) yang telah dikenalpasti sebagai aset syarikat seperti hutang, pinjaman, terimaan sewa beli, caj tol dan kad kredit.
- CDO adalah sekuriti pendapatan tetap berstruktur dengan aliran tunai yang dikaitkan dengan prestasi instrumen hutang. Cagaran yang menyokong CDO terdiri daripada satu atau pelbagai jenis hutang, termasuk pinjaman bank, bon berkadar hasil tinggi, hutang korporat dan hutang berdaulat dalam pasaran membangun dan sekuriti subordinat dari urus niaga berstruktur. Terbitan dengan pinjaman bercagar primer dikenali sebagai kewajipan pinjaman bercagaran, manakala terbitan dengan cagaran bon dikenali sebagai kewajipan bon bercagaran.<sup>6</sup>

### **Proses Pensekuritian Bersandarkan Aset**

Secara ringkasnya, penulis memberikan contoh proses pensekuritian bersandarkan aset (konvensional) yang dilakukan oleh Cagamas Berhad. Prosesnya bermula apabila pemberi pinjaman memberikan pinjaman/hutang kepada para peminjam/pelanggan. Seterusnya pengumpulan pinjaman-pinjaman perumahan oleh pemberi pinjaman utama dan dijual kepada institusi gadai janji/SPV (Cagamas Berhad) untuk mendapatkan wang tunai hasil daripada jualan. Sebagai alat tujuan khas (SPV) untuk pensekuritian pinjaman perumahan, Cagamas membeli sekumpulan aset daripada pemberi pinjaman dan mendapatkan dana daripada pasaran untuk membiayai pembelian tersebut dengan menerbitkan sekuriti kepada para pelabur di mana faedah dan bayaran pokok diperolehi atau bergantung kepada aliran tunai aset yang disandarkan. Cagamas (SPV) dikekalkan sebagai pentadbir/penyelenggara supaya para pelabur dapat terus berurusan dengan pihak yang sama.<sup>7</sup>

### **Sejarah Dan Perkembangan Pensekuritian Bersandarkan Aset**

Konsep pensekuritian bermula pada akhir tahun 1930-an di Amerika Syarikat ekoran daripada permintaan terhadap pinjaman perumahan. Sebagai respon terhadap perkara tersebut, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan *Federal National Mortgage Association* (FNMA atau Fannie

Mae) pada tahun 1938 untuk menyediakan kecairan kepada pinjaman gadaai janji. Objektif utamanya adalah untuk membeli hutang belum jelas gadaai janji daripada institusi kewangan untuk memberi kemudahan kecairan kepada institusi-institusi tersebut. Penssekuritian gadaai janji secara komersil di Amerika Syarikat kemudiannya semakin berkembang apabila ia tidak lagi terhad kepada gadaai janji pinjaman perumahan sahaja, malahan meliputi bil-bil belum terima kenderaan dan kad kredit, pinjaman marin, pinjaman perabot, pinjaman ekuiti perumahan, pinjaman peribadi tidak bercagar, sewaan komputer, bil belum terima dagangan, bil belum terima penjagaan, dan premium insurans.<sup>8</sup>

Penssekuritian bermula di Malaysia apabila Cagamas Berhad (*National Mortgage Corporation*) mengeluarkan bon gadaai janji yang pertama pada tahun 1987.<sup>9</sup> Walau bagaimanapun, sekuriti berkenaan tidaklah benar-benar bersandarkan aliran tunai daripada pinjaman dan hutang. Proses tersebut telah diubah suai untuk mengikut keadaan pasaran tempatan pada waktu itu memandangkan institusi kewangan dan pasaran modal belum bersedia untuk penssekuritian. Produk ABS konvensional yang mematuhi Garis Panduan SC yang mula-mula diterbitkan di Malaysia adalah pada Ogos 2001 oleh Prisma Assets Berhad, dan ia terus berkembang dengan penerbitan produk-produk ABS yang lain.<sup>10</sup>

Perkembangan penssekuritian bersandarkan aset (ABS) di Malaysia sebenarnya bermula apabila Garis Panduan Sekuriti Bersandarkan Aset (ABS) (*Policies and Guidelines on the Issue/Offer of Securities dan Guidelines on the Offering of Asset-Backed Securities*) serta Garis Panduan Penawaran Sekuriti Islam (*Guidelines on the Offering of Islamic Securities*) diterbitkan oleh Suruhanjaya Sekuriti (SC) pada bulan April 2001 dan Piawaian Berhemat untuk Urus Niaga Penssekuritian Bersandarkan Aset oleh Bank Negara Malaysia pada bulan Mac 2003.<sup>11</sup> Dengan Garis Panduan *Islamic Securities*, penawaran sekuriti Islam tidak lagi tertakluk kepada Garis Panduan Penawaran Sekuriti Hutang Swasta (*Guidelines on the Offering of Private Debt Securities*), iaitu garis Panduan PDS yang digunapakai bagi produk bon konvensional. Walau bagaimanapun, Garis Panduan Sekuriti Bersandarkan Aset (ABS), yang mana berkaitan, akan terus terpakai kepada sekuriti Islam. Sekuriti pertama yang diterbitkan melalui proses



pensekuritian bersandarkan aset adalah oleh Ambang Sentosa pada tahun 2003.

### **Konsep Pensekuritian Islam**

Dalam perundangan Islam, terminologi pensekuritian masih baru dan tidak terdapat dalam kitab-kitab ulama terdahulu. Pensekuritian dalam bahasa arab ialah tawriq, tasyhid atau ta'kik. Menurut definisi yang dinyatakan oleh Nazih Hammad, tawriq adalah proses menukar hutang bertanggung kepada sijil hutang yang boleh dijual beli dalam pasaran sekunder. Walaupun terminologinya masih baru, namun dari segi amalannya, ia sudah lama dilakukan.<sup>12</sup> Antara contoh-contoh instrumen yang memberikan kecairan yang digunakan adalah suftajah, sak<sup>13</sup> dan sukuk al-badai.<sup>14</sup>

Pensekuritian bersandarkan aset secara Islam diwujudkan sebagai alternatif bagi pensekuritian bersandarkan aset konvensional. Memandangkan pensekuritian bersandarkan aset konvensional melibatkan perkara-perkara yang ditegah oleh syarak seperti riba, maka satu mekanisme untuk membolehkan pensekuritian bersandarkan aset dilakukan secara Islam diwujudkan. Oleh itu, dalam pensekuritian Islam, terdapat beberapa perkara yang harus diambil kira agar ia memenuhi prinsip-prinsip syariah yang telah ditetapkan oleh syarak.<sup>15</sup>

Definisi pensekuritian bersandarkan aset secara Islam lazimnya agak sama dengan pensekuritian konvensional iaitu ia adalah satu proses untuk menukar aset yang tidak cair kepada aset cair, yang membezakannya ialah aplikasi prinsip-prinsip syariah khususnya berkenaan dengan fiqh muamalat yang menjadi garis panduan asas berhubung dengan aktiviti penerbitan sekuriti. Langkah ini adalah penting untuk mewujudkan persekitaran ekonomi Islam yang tidak berteraskan sistem riba yang diwarisi sistem kapitalis.<sup>16</sup> Penerbitan sekuriti Islam melibatkan pengumpulan aset tertentu yang selaras dengan prinsip syariah di mana aliran tunai yang dihasilkan daripada aset tersebut akan digunakan bagi menyokong penerbitan sekuriti Islam untuk mendapatkan pembiayaan dalam pasaran modal. Proses penerbitan sekuriti Islam melibatkan pelaksanaan kontrak Islam seperti jual beli, pajakan (*ijarah*), perkongsian

keuntungan (*mudarabah*) atau perkongsian keuntungan dan kerugian (*musyarakah*), pesanan (*istisna'*), tempahan (*salam*) dan lain-lain lagi. Penerbitan sekuriti ABS Islam melibatkan langkah-langkah berikut:

### **Langkah 1:**

Proses mencipta aset atau penssekuritian aset. Proses penssekuritian yang dilakukan dan aset yang menjadi pendasarnya hendaklah memenuhi prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Islam. Aset-aset tersebut hendaklah menjana aliran tunai. Pada peringkat ini, berlaku kontrak jual beli antara peminjam (*obligor*) dan pemilik asal aset (*originator*) yang akan menghasilkan aliran tunai. Akad yang biasa berlaku pada peringkat ini ialah *bay' bithaman ajil* atau *murabahah*. Namun, pada peringkat ini juga sesebuah institusi kewangan boleh menggunakan prinsip *bay' al-'inah*, iaitu proses menjual dan membeli balik aset yang dimiliki untuk menghasilkan aliran tunai yang boleh disekuritikan. Akad *ijarah* juga akan digunakan apabila pihak yang terlibat dalam proses penssekuritian ini menjual dan seterusnya menyewa kembali aset yang dimiliki untuk menerbitkan sekuriti.<sup>17</sup>

### **Langkah 2:**


Aset (aliran tunai) atau hutang tersebut dijual kepada SPV oleh pemilik asal aset yang memerlukan pembiayaan. Jual beli tersebut menggunakan prinsip *bay' al-dayn* kerana aset atau aliran tunai tersebut adalah *dayn* dalam perundangan Islam dan ia dijual dengan harga diskaun dengan menggunakan prinsip *da' wa ta'ajjal*. Aliran tunai yang dipakej dan dijadikan sandaran untuk menerbitkan sekuriti menepati prinsip *al-rahm* dalam Islam.

### **Langkah 3:**

Bagi membiayai pembelian tersebut, penerbit sekuriti akan menerbitkan sijil hutang yang dipanggil *syahadah al-dayn*. Sijil hutang atau *syahadah al-dayn* adalah sebagai jaminan penerbit sekuriti akan membayar semula hutangnya kepada pemegang sekuriti apabila tiba tempoh matang. Setakat ini, tiada jual beli pada pasaran sekunder, ia adalah untuk mengelakkan daripada berlaku jual hutang dengan hutang (*bay' al-kali' bi al-kali'*).<sup>18</sup> Sijil hutang ini akan diterbitkan menggunakan prinsip-

prinsip syariah yang menjadi pilihan penerbit, contohnya *musyarakah* dan *mudharabah*.<sup>19</sup>

Proses di atas boleh digambarkan seperti berikut:



**Rajah 1** : Proses Penerbitan Sekuriti ABS Islam

Proses pensekuritan bermula apabila terdapat peminjam (*obligor*) memohon pinjaman kenderaan, perumahan atau sebagainya daripada institusi kewangan (*originator*). Pinjaman tersebut akan menghasilkan aliran tunai, iaitu jumlah bayaran pinjaman yang perlu dibayar oleh peminjam kepada sesebuah institusi kewangan. Dalam Islam, proses ini biasanya melibatkan akad jual beli secara tangguh (*bay' bithaman ajil*) atau *murabahah*.<sup>20</sup> Apabila institusi kewangan terbabit memerlukan kecairan atau modal dengan segera, aliran tunai tersebut akan dipakejkan dan dijual kepada pihak penerbit (SPV). Aliran tunai ini adalah *dayn* atau hutang dalam Islam. Proses penjualan hutang ini dinamakan *bay' al-dayn*. Hutang tersebut juga dijual dengan harga yang lebih rendah (*da' wa ta' ajjal*). Untuk membiayai pembelian ini, pihak SPV akan mengeluarkan sekuriti atau sijil hutang kepada pelabur yang berminat.

Sekuriti-sekuriti yang diterbitkan adalah berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang menjadi pilihan penerbit. Antara prinsip-prinsip yang boleh digunapakai bagi penerbitan sekuriti ialah *musyarakah* dan *mudarabah*.

### **Garis Panduan ABS**

Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah mengeluarkan Garis Panduan Penawaran Sekuriti Hutang Yang Disokong Aset (Garis Panduan ABS). Kandungan Garis Panduan ABS adalah seperti berikut:<sup>21</sup>

- i. Aset yang layak disekuritikan mesti menghasilkan aliran tunai. Pemilik asal aset mesti juga mempunyai kepentingan yang sah dan boleh dikuatkuasakan dalam aset dan aliran tunai aset tersebut sebelum mana-mana urusan niaga penssekuritan.
- ii. Pemilik asal aset sendiri mesti wujud pada tarikh pemindahan mana-mana aset kepada perantara kegunaan khas. Tambahan lagi, mana-mana pemindahan aset oleh pemilik asal kepada perantara kegunaan khas mesti mematuhi kriteria “jualan sebenar” (*true sale criteria*). Ini bermakna bahawa aset yang dipindahkan kepada perantara kegunaan khas daripada pemilik asal (*originator*) mesti diletakkan agar tidak diperolehi oleh pemilik asal dan pemiutangnya walaupun di peringkat kemungkinan kuasa penerima atau kemuffisan. Bagi memastikan ini, pemilik asal mesti memindahkan secara efektif semua hak dan obligasi dalam aset kepada perantara kegunaan khas dan mesti tidak memegang apa-apa baki kepentingan yang bermanfaat dalam aset-aset ini. Sebaliknya, perantara kegunaan khas tersebut mesti tidak mempunyai tuntutan kepada pemilik aset atas kerugian yang timbul daripada aset tersebut.
- iii. Perantara kegunaan khas mesti “bebas daripada kemuffisan” (*bankruptcy remote*) dan dengan itu ia hendaklah tidak menjalankan mana-mana aktiviti perniagaan selain daripada yang berkaitan dengan urusan niaga penssekuritan. Oleh itu, ia hendaklah hanya memegang aset tersebut, menerbitkan sekuriti hutang yang disokong aset dan memastikan pengurusan yang sesuai ke atas aliran tunai yang berbangkit daripada aset tersebut yang mana pembayaran yang tepat pada masa dibuat kepada pemegang sekuriti yang di-

sokong aset itu. Bagi memastikan bahawa perantara kegunaan khas boleh dipertimbangkan bagi pengecualian duti setem dan cukai keuntungan hartanah sebenar, di mana terpakai, perantara kegunaan khas tersebut mesti berada di Malaysia.<sup>22</sup>

- iv. Menurut pengumuman Belanjawan 2001, urus niaga pensekuritian aset yang mematuhi sepenuhnya Garis Panduan ABS SC adalah layak bagi pengecualian cukai keuntungan hartanah sebenar dan duti setem, di mana terpakai.
- v. Bagi memastikan bahawa para pelabur mempunyai maklumat yang berkaitan dan yang diperlukan bagi membuat keputusan pelaburan yang bermaklumat, beberapa maklumat ini termasuklah penzahiran faktor risiko melabur dalam sekuriti hutang yang disokong aset, keterangan terperinci mengenai struktur urus niaga pensekuritian dan semua perjanjian penting yang berkaitan dengan struktur dan penjelasan terperinci mengenai aliran dana.<sup>23</sup>

### **Prinsip-Prinsip Syariah Dalam Pensekuritian Bersandarkan Aset**

Definisi pensekuritian bersandarkan aset secara Islam lazimnya agak sama dengan pensekuritian konvensional iaitu ia adalah satu proses untuk menukar aset yang tidak cair kepada aset cair. Namun, dalam pensekuritian Islam, terdapat beberapa perkara yang harus diambil kira agar ia memenuhi prinsip-prinsip syariah yang telah ditetapkan oleh syarak.<sup>24</sup>

Penerbitan sekuriti Islam melibatkan pengumpulan aset tertentu yang selaras dengan prinsip syariah di mana aliran tunai yang dihasilkan daripada aset tersebut akan digunakan bagi menyokong penerbitan sekuriti Islam untuk mendapatkan pembiayaan dalam pasaran modal. Terdapat beberapa prinsip syariah yang digunakan dalam penstrukturan pensekuritian bersandarkan aset. Prinsip yang disepakati oleh ulama daripada ulama tempatan dan Timur Tengah adalah terdiri daripada *musyarakah*, *mudarabah*, *ijarah*, *al-rahn*, *bay' al-salam*, *bay' al-istisna'*, *bay' bithaman ajil* dan *murabahah*. Manakala prinsip-prinsip yang diperselisihkan oleh para ulama yang digunakan dengan meluasnya di Malaysia adalah terdiri daripada *bay' al-'inah*, *bay' al-dayn* dan pen-diskaunan hutang.<sup>25</sup>

Justeru, sekuriti-sekuriti yang tidak menggunakan prinsip-prinsip di bawah sahaja yang diniagakan di pasaran Timur Tengah. Secara ringkasnya, ia adalah seperti berikut:

**i. Bay' al-inah**

Pensekuritian aset yang diamalkan di Malaysia mengaplikasikan *bay' al-inah* semasa proses penerbitan sekuriti atau bon BBA dan *murabahah*. Dalam pensekuritian menggunakan *bay' al-inah*, pembiaya (SPV) membeli aset daripada penerbit dengan harga tunai dan menjualnya semula kepada pihak yang sama dengan harga tertanggung. Perjanjian pembelian balik ini adalah untuk memastikan penerbit menerima wang tunai dan pembiaya akan dibayar pada masa hadapan, seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak. Bayaran hutang akan dibuat dengan cara ansuran melalui terbitan sekuriti. Perbezaan harga tunai dan harga tertanggung akan memberi keuntungan kepada pembiaya.<sup>26</sup> Walau bagaimanapun, *bay' al-inah* masih tidak diterima di kalangan ulama Timur Tengah kerana ia dikatakan sebagai helah untuk menghalalkan riba.<sup>27</sup>

Terdapat pelbagai tafsiran yang diberikan oleh para ulama dari segi istilah.<sup>28</sup> Namun, dapat disimpulkan bahawa jumhur ulama sepakat mengatakan *bay' al-inah* berlaku apabila penjual menjual barang kepada pembeli dengan harga tangguh, kemudian membelinya kembali dengan harga tunai yang lebih rendah.<sup>29</sup> Jual beli ini dinamakan *bay' al-inah* kerana pemilik barang tidak bermaksud untuk menjual barang, tetapi bermaksud untuk mendapatkan wang. Ini kerana, penjual akan mendapat kembali barangan yang dijual dan *bay' al-inah* hanyalah sebagai pengantara untuk mengesahkan kontrak jual beli tersebut.<sup>30</sup> Kontrak ini menjadi kontroversi kerana dikatakan *hilah*<sup>31</sup> kepada riba.

Para ulama berselisih pendapat berhubung dengan keharusan *bay' al-inah*. Hadith-hadith mengenai *bay' al-inah* yang dijadikan hujah bagi golongan yang mengharamkan *bay' al-inah* adalah tidak kukuh untuk dijadikan sandaran hukum, disebabkan tiada nas yang *qat'i* dan hadis yang disepakati kesahihannya. Oleh itu, hadith-hadith yang dijadikan hujah oleh golongan yang mengharamkan *bay' al-inah* telah ditolak disebabkan wujudnya

keraguan padanya.<sup>32</sup> Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti juga telah memutuskan keharusan konsep ini dalam pensekuritian aset berdasarkan kepada pendapat Imam Syafi'i. Ia dibuat atas dasar keperluan kepada kecairan dan merupakan alternatif terbaik bagi menyelesaikan masalah kecairan dalam pasaran modal.<sup>33</sup>

Berdasarkan pemerhatian penulis, penggunaan *bay' al-'inah* dalam pensekuritian berdasarkan aset (ABS) di Malaysia adalah berdasarkan kepada faktor masalah, iaitu keperluan kepada kecairan dan modal oleh institusi kewangan dan pembiaya, seterusnya untuk mengelakkan daripada terlibat secara langsung dalam sistem konvensional. Kebanyakan sarjana tempatan berpendapat fenomena yang terjadi di Malaysia ialah disebabkan orang ramai memerlukan wang dan aset.

Pada dasarnya, Islam menetapkan penjualan harta untuk memperoleh wang. Oleh itu, fenomena di Malaysia mampu diselesaikan menerusi penggunaan prinsip *bay' al-'inah*. Berbanding dengan negara-negara Timur Tengah yang menolak penggunaan prinsip *bay' al-'inah*, mereka tidak mempunyai masalah modal dan ekonomi negara mereka digerakkan dengan pembiayaan ekuiti, bukan dengan pembiayaan hutang seperti di Malaysia yang perlu mengaplikasikan *bay' al-'inah*. Walau bagaimanapun, penggunaan prinsip *bay' al-'inah* dalam perbankan haruslah dikawal oleh Kerajaan supaya ia tidak disalahgunakan dan tidak menganiaya pihak-pihak yang memerlukan modal. Penulis juga berpendapat kontroversi *bay' al-'inah* ini boleh diselesaikan dengan prinsip *al-tawarruq*. Prinsip *al-tawarruq* akan dibincangkan selepas ini.

## ii. *Al-Tawarruq*

Prinsip *al-tawarruq* digunakan dengan agak meluas di negara-negara Timur Tengah, berbanding dengan Malaysia yang menggunakan prinsip *bay' al-'inah*. Sesetengah ulama tidak membezakan di antara *bay' al-'inah* dan *al-tawarruq*, sedangkan pada hakikatnya, ia adalah dua bentuk jual beli yang berbeza dan hukum yang berbeza. Walau bagaimanapun, dua jual beli ini dibincangkan oleh kebanyakan sarjana sebagai salah satu daripada helah riba.

*Al-tawarruq* adalah jual beli yang berlaku apabila pembeli membeli barangan dengan harga tangguh, kemudian menjualnya kembali dengan harga tunai yang lebih rendah kepada penjual ketiga. Jual beli ini dinamakan *al-tawarruq* kerana pembeli yang membeli barangan tidak bermaksud untuk mendapat barang tersebut, sebaliknya adalah untuk mendapatkan tunai. Perbezaan antara *al-tawarruq* dan *bay' al-'inah* adalah *al-tawarruq* melibatkan jualan barangan kepada pihak ketiga manakala *bay' al-'inah* hanya melibatkan dua pihak sahaja.<sup>34</sup>

Perbincangan mengenai *al-tawarruq* tidak banyak dibincangkan oleh para ulama dahulu berbanding *bay' al-'inah* memandangkan ia diharuskan oleh jumah ulama. Walau bagaimanapun, berdasarkan pemerhatian penulis, terdapat segelintir sarjana daripada Timur Tengah yang tidak menyokong penggunaan instrumen ini yang digunakan dengan agak meluas dalam institusi perbankan Timur Tengah. Berbanding Malaysia yang mengaplikasikan prinsip *bay' al-'inah* dalam institusi perbankan untuk pembiayaan, institusi perbankan Timur Tengah pula menggunakan jual beli *al-tawarruq*.

### iii. *Bay' al-dayn*

Pentakrifan hutang di kalangan ulama secara amnya adalah hak lazim yang menjadi tanggungan seseorang, sama ada ia adalah hasil daripada suatu akad atau disebabkan gantirugi atau kerana pinjaman.<sup>35</sup> Hutang terbahagi kepada hutang milik tetap (*mustaqir*) atau milik tidak tetap (*ghair mustaqir*). Contoh hutang yang tetap ialah gantian barang yang hilang, gantian pinjaman *al-qard*, mahar selepas berlaku persetubuhan, nilai barang yang dirampas, harga barang yang dijual, dan sebagainya. Hutang tidak tetap pula ialah seperti barang tempahan yang belum diterima, mahar sebelum isteri disetubuhi, bayaran sewa bagi manfaat barang sewaan yang belum digunakan dan lain-lain lagi.<sup>36</sup> Secara umumnya para ulama sepakat mengatakan *dayn* yang boleh dijual beli adalah *dayn mustaqir* (hutang tetap) dan dijual secara tunai.



Hutang boleh dikategorikan sebagai hak<sup>37</sup> yang berbentuk kewangan (*financial right*) kerana terdapat juga hak-hak yang bukan berbentuk kewangan seperti hak menjaga anak, hak untuk menceraikan isteri, hak untuk qisas, hak penjagaan anak, hak perwalian dan sebagainya.<sup>38</sup> Hak kewangan adalah berkaitan dengan harta atau manfaat seperti hak penjual mendapat harga, hak pembeli mendapat barang, hak mendapat pembayaran daripada jualan tertanggung, hak *khiyar*, hak *shufah* dan seumpamanya lagi.<sup>39</sup>

*Haq maliy* berbeza dengan hak-hak yang lain kerana ia boleh dipindahkan (*intiqaal*) dan boleh menjadi subjek akad.<sup>40</sup> *Huquq maliyah* di dalam perundangan Islam dibahagikan kepada *haq maliy ayni* (aset), *haq maliy syakhsiy* (tanggungan) dan *haq maliy ma'nawi*.<sup>41</sup> *Haq maliy ayni* ialah hak kewangan berbentuk aset yang diberikan oleh syarak kepada seseorang disebabkan dia memiliki sesuatu aset dan juga hak ke atas aset tersebut seperti hak pemilikan (*haq al-wilayah*), hak seorang penyewa (tuan aset) dan hak seorang pencagar ke atas cagarannya,<sup>42</sup> termasuk juga *share* dan ekuiti yang bersandarkan aset di sebaliknya.<sup>43</sup> Manakala *haq maliy syakhsiy* atau *haq maliy fi al-dhimmah* pula ialah hak kewangan yang wujud untuk faedah seseorang yang menjadi tanggungjawab ke atas orang di mana seorang berhak mendapat dan seorang lagi wajib menunaikan seperti hak pemiutang ke atas penghutang, hak penjual menerima harga, hak menerima nafkah, hak pembeli menerima barang dan sebagainya.<sup>44</sup>

Dr. Syafiq Syitah, dalam satu kajiannya menyatakan bahawa terdapat satu lagi hak antara *haq maliy ayni* dan *haq maliy syakhsi*, iaitu *haq* yang bersifat *syibh al-ayni*. Beliau membawa contoh *haq syufah*, iaitu hak pejuang Islam ke atas harta rampasan dan sebagainya. Apabila hak tersebut telah sabit, maka para ulama membenarkan hak tersebut dituntut. Jelas di sini menunjukkan bahawa para ulama membenarkan pemiutang menuntut harta penghutang, sebagai keizinan diberikan kepada tuntutan ke atas aset. Di samping itu, pemiutang juga diberi keutamaan seperti dalam kes gadaian, iaitu apabila orang yang menggadai tidak mampu membayar, maka

pemiutang boleh mengambil aset tersebut sekadar nilai hutang yang diberikan kepada penghutang. Sebagai contoh juga, hak pemiutang diberi keutamaan, berbanding pemegang-pemegang saham syarikat apabila sesebuah syarikat bankrap.<sup>45</sup> Dengan ini, al-Zarqa' berpendapat bahawa jika hutang seseorang dikaitkan dengan harta penghutang, maka hukumnya adalah sama dengan hak tuntutan ke atas hutang yang bercampur 'ayn.<sup>46</sup>

*Haq maliy ma'nawi* pula adalah hak-hak kewangan yang tidak berkaitan dengan barang atau benda. Termasuk dalam jenis ini hak-hak intelektual, harta tak nyata kerana pengarang misalnya mempunyai hak milik ke atas karyanya dan juga hak yang timbul daripada pemilikan itu seperti royalti atau premium dan lain-lain.<sup>47</sup> Contoh klasik ialah hak kewangan ke atas seorang hamba di mana seseorang itu boleh mencagarkan hambanya untuk tujuan-tujuan tertentu yang berbentuk komersil.<sup>48</sup>

Seperti *al-manafi'*, *al-huquq* juga tidak dianggap sebagai aset atau harta oleh ulama Hanafiyyah kerana ia tidak bersifat *ma'diy* atau berjisim yang boleh disimpan dan kekal zatnya. Oleh itu, tidak hairanlah aliran tunai (*cash flow*) yang dianggap sebagai hutang tidak diterima oleh sebahagian besar ulama Timur Tengah sebagai harta yang boleh dijadikan sandaran kepada penerbitan sekuriti Islam. Namun, majoriti ulama berpendapat bahawa *al-huquq* adalah harta kerana ia boleh disimpan dan dipelihara dengan memelihara zat atau sumbernya.<sup>49</sup> Walau bagaimanapun, timbul persoalan adakah hak-hak ini boleh diperniagakan secara komersil. Terdapat pandangan daripada sarjana semasa bahawa hak-hak yang timbul daripada kontrak-kontrak Islam yang berkait dengan harta, malah yang tidak berkait dengan harta seperti hak penjagaan anak, hak kebenaran untuk berpoligami, hak perwalian dan sebagainya boleh diketepikan dengan bayaran tertentu. Contohnya, hak menceraikan ditukar dengan balasan atau *khulu'* dan hak qisas ditukar dengan denda atau diat. Dengan ini jelas bahawa hak-hak ini boleh diperniagakan secara komersil.

*Bay' al-dayn* adalah penjualan *dayn* atau hutang yang wujud hasil daripada akad *mu'awadat maliyah* (akad pertukaran) seperti *murabahah*, *bay' bithaman ajil*, *ijarah*, *istisna'* dan lain-lain lagi. *Bay' al-dayn* berlaku apabila pihak yang memerlukan kecairan bertindak menjual hutang atau aliran tunai yang dimilikinya kepada pihak ketiga.

*Bay' al-dayn* terbahagi kepada dua jenis, iaitu jual beli hutang secara tunai dan tangguh. *Bay' al-dayn* secara tunai bermaksud hutang tersebut dibeli dengan harga tunai dan hutang tersebut juga boleh dijual sama ada kepada orang yang berhutang atau pihak ketiga. Jumhur ulama mengharuskan menjual hutang kepada orang yang berhutang. Manakala jual hutang kepada pihak ketiga adalah tidak diharuskan menurut ulama Hanafiyyah, sebahagian ulama Syafi'iyah dan ulama Hanabilah. Namun sebahagian ulama Syafi'iyah dan Malikiyyah berpendapat sebaliknya.

*Bay' al-dayn* secara tangguh (jual beli hutang dengan hutang) juga disebut *bay' al-dayn bi al-dayn* atau *bay' al-dayn bi al-nasi'ah*. Ulama bersepakat bahawa jual beli hutang dengan hutang adalah tidak harus sama ada kepada penghutang atau pihak ketiga kerana hakikatnya ia adalah jual beli sesuatu dalam tanggungan dengan sesuatu dalam tanggungan orang lain. Jual beli hutang dengan hutang telah sabit pengharamannya dalam sunnah yang diriwayatkan oleh Ibn Umar iaitu:

أن النبي (ص) نهى عن بيع الكالئ بالكالئ<sup>٥٠</sup>

Maksudnya:

*Rasulullah SAW telah melarang daripada jual beli hutang dengan hutang.*

Walaupun hadith Ibn Umar itu lemah pada sanadnya, larangan *bay' al-kali bi al-kali* telah disepakati oleh sebilangan besar ulama. Oleh itu, larangan ini adalah daripada hadith dan ijmak ulama.<sup>51</sup>

Hutang bukan sahaja dijadikan subjek akad, malah ia juga dijadikan sandaran bagi menerbitkan sekuriti. Dalam proses pensekuritian bersandarkan aset, aliran tunai atau *receivables* yang tetap akan dipakej dan dijadikan sandaran bernilai untuk menerbitkan sekuriti<sup>52</sup>. Aset kewangan

ini tidak mempunyai kewujudan fizikal yang tersendiri, namun ia memberi hak kepada pemiliknya untuk menerima bayaran tunai atau faedah lain.<sup>53</sup> Ia boleh dikategorikan sebagai huquq dan mempunyai nilai kewangan (*maliyah*).<sup>54</sup> Aset tak ketara atau aset aliran tunai yang tetap adalah terdiri daripada senarai bangunan dan hartanah, surat kontrak, akaun terimaan perumahan (*receivables*), akaun kad kredit, akaun terimaan pembiayaan kenderaan, kutipan tol lebu raya, bil elektrik, bil air dan bil telefon. Ia boleh dijadikan sebagai aset pendasar selagi tidak bercanggah dengan prinsip syariah dan tidak melibatkan apa yang diharamkan oleh Islam. Contoh-contoh lain adalah seperti share dan ekuiti, hak milik intelektual dan terimaan kewangan.<sup>55</sup>

Berdasarkan perbincangan di atas, aliran tunai ini merupakan hutang (*dayn*) di dalam perundangan Islam dan hutang yang pasti adalah termasuk dalam haq maliy dan memenuhi prinsip mal dalam Islam. Juhur ulama berpendapat bahawa al-duyun adalah harta kepada pemiutang.<sup>56</sup> Oleh itu, ahli MPS SC berpendapat ia boleh disekuritikan kerana memenuhi prinsip *mal*. Walau bagaimanapun, aliran tunai (*cash flow*) atau hutang tidak diterima oleh sebahagian besar ulama Timur Tengah sebagai harta yang boleh dijadikan sandaran kepada penerbitan sekuriti Islam. Malah, Mu'tamar Majma' al-Fiqh al-Islami telah memutuskan jika ingin menjadikan hutang sebagai sandaran, ia hendaklah digabungkan dengan aset nyata sekurang-kurangnya sebanyak 51%. Ini bermakna, sandaran yang terdiri daripada hutang adalah sama atau tidak melebihi 49% daripada jumlah sandaran tersebut.<sup>57</sup> Oleh yang demikian, para pelabur di negara-negara Timur Tengah kebanyakannya memegang sekuriti hutang atau hutang sehingga tempoh matang dan tidak menjualnya di pasaran sekunder, kecuali *sukuk ijarah*.<sup>58</sup>

Jika diteliti, pengharaman *bay' al-dayn* oleh para ulama adalah disebabkan kemungkinan berlaku kemungkirkan daripada pihak penjual (*gharar*) dan berlakunya riba jika hutang dijual dengan pengurangan atau pertambahan harga. Keperluan kepada dana bagi membiayai sesuatu projek menyebabkan institusi kewangan menerbitkan sekuriti hutang atau bon yang disandarkan kepada aset. Tanpa konsep *bay' al-dayn*, institusi-institusi kewangan terpaksa memegang pelaburan mereka sehingga matang, seperti pembiayaan perumahan yang memakan masa

selama 25 tahun. Walau bagaimanapun, penulis berpendapat *bay' al-dayn* menjadi isu yang kontroversi apabila ia dijual dengan harga diskaun. Jika ia dijual dengan harga sebenar, isu *bay' al-dayn* mungkin tidak timbul. Malah, *Majma' al-Fiqh al-Islami* juga memutuskan bahawa jual beli hutang adalah harus sekiranya ia bebas daripada riba dan *gharar* serta dijual secara tunai. Larangan hanyalah kepada jual hutang dengan hutang atau *bay' al-kali bi al-kali*.<sup>59</sup>

### Jual Beli Hutang Dengan Harga Diskaun (*Da' Wa Ta'jjal*)

Sekuriti-sekuriti hutang atau aliran tunai dalam pensekuritian bersandarkan aset di Malaysia dijual dengan harga diskaun bagi mendapatkan kecairan oleh institusi-institusi kewangan.

Jumhur ulama tidak mengharuskannya.<sup>60</sup> Mereka menyamakan urusan niaga ini dengan riba dengan berhujah bahawa tambahan pada hutang kerana melewati tempoh adalah haram, maka pengurangan hutang kerana mempercepatkan tempoh bayaran juga adalah haram. Kedua-dua urusan niaga ini dilakukan adalah dengan tujuan yang sama iaitu bagi mendapatkan segera hutang tersebut.<sup>61</sup> Walau bagaimanapun, Ibn Abbas<sup>62</sup>, Ibrahim al-Nakha'i, Zufar, Abu Thur, Ibn Taimiyyah dan Ibn al-Qayyim pula menyatakan urusan niaga ini adalah harus<sup>63</sup> kerana mereka berpendapat bahawa pendiskaunan dalam urusan niaga hutang adalah berbeza dengan urusan niaga riba apabila ia mengandungi unsur *rafah*, iaitu pengurangan. Unsur ini adalah berbeza dengan riba yang melibatkan pertambahan bayaran akibat pertambahan tempoh dan ia telah membebaskan pihak penghutang. Ia juga mengandungi unsur redha meredai yang menjadi asas kepada muamalat.<sup>64</sup> Mereka juga berhujah dengan hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas r.a.:

عن ابن عباس قال أمر النبي صلى الله عليه وسلم بإخراج بنى  
نضير من المدينة، جاءه ناس منهم فقالوا: يا رسول الله إنك  
أمرت بإخراجهم ولهم على الناس ديون لم تحل فقال النبي  
صلى الله عليه وسلم ضعوا وتعجلوا<sup>65</sup>

Maksudnya:

*“Diriwayatkan daripada Ibn Abbas bahawa Rasulullah SAW telah mengarahkan Bani Nadir keluar daripada kota Madinah lalu ada di kalangan mereka yang memberitahu baginda: Wahai Rasulullah kamu mengarahkan mereka keluar sedangkan masih ramai lagi yang berhutang dengan mereka. Maka Rasulullah SAW bersabda: Berikan pengurangan hutang dan percepatkan bayaran”.*

Pengurangan hutang yang diperselisihkan oleh para ulama adalah pengurangan hutang yang diberikan pemiutang kepada pihak yang berhutang, bukan kepada pihak ketiga sebagaimana yang berlaku dalam aktiviti pensekuritian aset. Pengurangan hutang kepada orang yang berhutang diberikan atas dasar pertolongan agar penghutang dapat melangsaikan hutangnya. *Majma‘ al-Fiqh al-Islami* juga telah memutuskan bahawa pendiskaunan hutang adalah diharamkan dan tidak termasuk dalam kategori riba yang diharamkan. Namun, ia hanya kepada pihak yang berhutang, bukan kepada pihak ketiga kerana dikhawatiri akan terlibat dengan amalan pengurangan terhadap sijil-sijil hutang konvensional.<sup>66</sup>

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh penulis, tiada nas kukuh yang boleh disabitkan untuk mengharamkan penggunaan prinsip-prinsip tersebut. Oleh itu, penulis berpendapat hujah golongan yang mengharuskan penggunaannya adalah lebih relevan dalam suasana kewangan Islam sekarang. Faktor masalah dan keperluan masyarakat boleh dijadikan hujah kepada pendiskaunan hutang kepada pihak ketiga. Ini kerana ulama Hanafiyyah membenarkan *bay‘ al-wafa‘* berdasarkan keperluan dan *hajah* penduduk Bukhara ketika itu. Pendiskaunan hutang akan menjadikan pasaran modal Islam lebih aktif dan institusi kewangan mendapat kembali modalnya untuk melakukan aktiviti pelaburan dan seterusnya membangunkan lagi pasaran modal Islam. Perlu diingat bahawa institusi kewangan di Malaysia lebih banyak menggunakan pembiayaan hutang berbanding pembiayaan ekuiti yang mempunyai risiko yang lebih tinggi. Jika larangan untuk mensekuritikan aset-aset yang dimiliki dilakukan, ia akan membawa kepada kelumpuhan dalam pasaran modal Islam.

Dalam dunia perniagaan, tidak dinafikan bahawa masa mempunyai nilai komersil. Ini dibuktikan dalam sektor perbankan, iaitu harga dalam pembayaran secara tangguh ditentukan berdasarkan tempoh pembayarannya. Apabila berlaku pertambahan masa, maka berlakulah pertambahan harga. Malah, dalam sektor perbankan juga terdapat *rebate* atau *ibra'*, iaitu pengurangan jumlah bayaran apabila penghutang melunaskan hutangnya lebih awal daripada tempoh yang dijanjikan. Di sini dapat kita simpulkan bahawa penangguhan bayaran dan pelunasan hutang yang lebih awal meninggalkan kesan kepada harga.<sup>67</sup>

Penulis juga mendapati para ulama kontemporari Timur Tengah yang berpendapat jualan hutang dengan diskaun adalah tidak harus adalah kerana hutang yang terbentuk adalah bukan aset, namun ia adalah liabiliti wang dan harus dijual dengan kadar yang sama. Walau bagaimanapun, mereka mengharuskan pengurangan harga hutang apabila hutang yang terhasil adalah daripada akad *ijarah* di mana wujudnya aset nyata atau aset nyata lebih banyak daripada aset cair, contohnya dalam nisbah 51:49.

### **Aplikasi Pensekuritian Bersandarkan Aset**

Pensekuritian bersandarkan aset Islam (*ABS*) adalah salah satu kaedah pembiayaan yang agak baru di negara Malaysia dan ia melibatkan urusan pensekuritian yang agak rumit, berbanding sekuriti hutang swasta Islam (*Islamic Private Debt Securities*). Sehingga kini, terdapat hanya beberapa terbitan sekuriti *ABS* Islam dalam pasaran tempatan Malaysia. Namun, yang sebaliknya berlaku pada sekuriti *ABS* konvensional. Ia mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan terdapat banyak sekuriti yang diterbitkan melalui proses pensekuritian bersandarkan aset.<sup>68</sup> Malahan, sehingga Garis Panduan *ABS* diperkenalkan, hanya lima sekuriti Islam yang diterbitkan melalui proses pensekuritian bersandarkan aset (*ABS*) yang memenuhi semua syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Sekuriti. Empat daripada sekuriti tersebut diterbitkan pada tahun 2005 dan satu terbitan pada tahun 2003.<sup>69</sup>

Penerbitan sekuriti Islam melalui proses pensekuritian bersandarkan aset yang terdapat di Malaysia yang menggunakan prinsip *musyarakah*

adalah diterbitkan oleh Musyarakah One Capital Berhad dan Cagamas MBS.<sup>70</sup>

Kerajaan Malaysia telah menganugerahkan kepada TIME Systems Integrators Sdn.Bhd. (TSI), iaitu anak syarikat kepada Time Engineering Berhad (TIME) kontrak untuk menyediakan peralatan dan perkhidmatan (komputer) kepada sekolah-sekolah Kerajaan pada tahun 2004. Bayaran pula akan dibuat dengan harga tangguh yang akan ditunjukkan oleh Sijil Utama. Sijil Utama akan menyatakan jadual pembayaran oleh Kerajaan Malaysia. Penyediaan peralatan sekolah bagi tahun 2004 telah disempurnakan pada 28 Februari 2004. Memandangkan TIME Systems Integrators Sdn.Bhd. (TSI) memerlukan tunai, terimaan daripada Kerajaan Malaysia yang ditunjukkan oleh Sijil Utama dijual kepada Musyarakah One. Dalam hal ini, Musyarakah One bertindak sebagai pihak SPV yang akan menguruskan terimaan tersebut. Terimaan ini dijual kepada Musyarakah One dengan harga diskaun. Bagi membiayai pembelian tersebut, Musyarakah One menerbitkan sekuriti Islam berdasarkan prinsip *musyarakah* yang dikenali sebagai Sukuk Musyarakah.


Di bawah prinsip *musyarakah*, terdapat dua atau lebih pihak pelabur yang akan menyumbangkan modal, iaitu yang membeli Sukuk Musyarakah yang dikeluarkan oleh Musyarakah One untuk membiayai pembelian terimaan daripada TSI. Prinsip *musyarakah* yang digunakan dalam menerbitkan sekuriti ini melibatkan pelaburan modal oleh para pelabur dengan keuntungan dan kerugian adalah berdasarkan kepada kadar sumbangan modal oleh para pelabur.

Tempoh pembayaran kepada para pelabur telah distrukturkan agar ia sama dengan pembayaran oleh Kerajaan Malaysia, seperti yang terdapat dalam Sijil Utama. Ini kerana bayaran yang dibuat kepada pelabur diperolehi daripada *receivables* yang diterima daripada Kerajaan Malaysia. Dari semasa ke semasa, TSI akan menyediakan peralatan persekolahan kepada Kerajaan Malaysia, oleh itu akan menghasilkan beberapa siri aliran terimaan atau *receivables series* daripada Kerajaan Malaysia.

Dengan demikian, Musyarakah One selaku SPV akan menerbitkan siri-siri Sukuk Musyarakah bagi membiayai siri-siri terimaan tersebut. Siri



pertama Sukuk Musyarakah yang dikenali sebagai Sukuk Musyarakah Series 2005-A telah dikeluarkan adalah bagi membiayai *receivables* daripada Kerajaan Malaysia (*letter of award* yang bertarikh 22 Oktober 2003) kerana menyediakan peralatan persekolahan untuk tahun 2004. Sukuk Musyarakah Series 2005-A ini diterbitkan dengan lima *trance*. Proses penerbitan sekuriti tersebut ditunjukkan oleh rajah di bawah.



**Rajah 2:** Proses Penerbitan Sekuriti Musyarakah One.

Kontrak pertama yang berlaku dalam penerbitan sekuriti ini adalah akad jual beli yang menggunakan prinsip BBA, iaitu jual beli tangguh yang berlaku antara Kerajaan Malaysia dan TIME Systems Integrators Sdn.Bhd. (TSI). Ia melibatkan kontrak penyediaan peralatan komputer kepada sekolah-sekolah Kerajaan oleh TSI. Peralatan tersebut akan dibekalkan kepada sekolah-sekolah Kerajaan dan selepas selesai peralatan tersebut dibekalkan kepada sekolah-sekolah, barulah bayaran dilakukan. Di bawah kontrak BBA, bayaran yang dilakukan oleh Kerajaan Malaysia adalah secara bertangguh, tidak secara tunai. Jadual pembayaran secara tangguh tersebut dinyatakan oleh Sijil Utama. Status Sijil Utama ini sama

dengan sijil hutang. Jika diteliti syarat-syarat seperti yang dinyatakan oleh ulama silam, pada perbincangan sebelum ini, kontrak BBA adalah diharuskan.

Kontrak kedua kemudiannya berlaku antara TSI dan Musyarakah One. Memandangkan TSI memerlukan tunai, terimaan daripada Kerajaan Malaysia yang ditunjukkan oleh Sijil Utama dijual kepada Musyarakah One. Penjualan ini dilakukan dengan harga diskaun. *Receivables* atau terimaan bayaran daripada Kerajaan Malaysia ini merupakan *dayn* dalam perundangan Islam. Di sinilah timbul isu *bay' al-dayn*, dan apabila *receivables* ini dijual dengan harga diskaun, ia menjadi semakin kontroversi, iaitu isu *da' wa ta'ajjal*. Walaupun ia masih lagi menjadi kontroversi, terutamanya bagi pelabur Timur Tengah, MPS SC telah bersetuju untuk menerima prinsip *bay' al-dayn* iaitu jual hutang dengan harga diskaun sebagai salah satu prinsip yang digunakan dalam membangunkan instrumen pasaran modal Islam. Ini bersandarkan kepada pendapat sebahagian daripada ulama fiqh yang membenarkan konsep ini dengan beberapa syarat. Salah satu syaratnya agar tidak berlaku *gharar*, dan ia boleh dipenuhi apabila terdapatnya sistem pengawal seliaan yang telus, yang boleh memelihara *maslahah* (kepentingan umum) peserta pasaran dan mengelakkan daripada berlaku *gharar*. Tambahan pula, terimaan tersebut adalah *dayn* dalam perundangan Islam dan ia mempunyai ciri-ciri *haq maliy 'ayni*, oleh itu, ia tidak tertakluk lagi di bawah jual beli matawang dan boleh dijual beli mengikut harga pasaran.

Kontrak jual beli kemudiannya berlaku antara Musyarakah One dengan para pelabur. Para pelabur akan menyumbangkan modal untuk mem-beli sekuriti-sekuriti ini dengan menggunakan prinsip musyarakah. Ini bermaksud sekuriti-sekuriti diterbitkan adalah dengan mengaplikasikan prinsip *musyarakah* untuk membiayai pembelian *receivables* daripada TSI. Sukuk *Musyarakah* ini memenuhi kriteria syirkah inan di mana pembahagian keuntungan dan kerugian adalah berdasarkan modal yang disumbangkan oleh pelabur. Di samping itu, modal dan kadar keuntungan serta kerugian diketahui oleh semua rakan kongsi memandangkan ia dinyatakan oleh pihak yang menguruskannya. Syarikat ini juga tidak terlalu mengikat kerana ahli syarikat boleh berbeza kadar modal dan penglibatan dalam pengurusan syarikat.<sup>71</sup>

Berdasarkan garis panduan yang dikeluarkan oleh SC, terdapat beberapa kriteria yang harus dipenuhi. Antaranya adalah kriteria *true sale*. TSI harus memindahkan semua hak dan kepentingannya ke atas *receivables* yang diterima daripada Kerajaan Malaysia kepada Musyarakah One, yang bertindak sebagai SPV. Oleh itu, para pelabur yang membeli Sukuk Musyarakah tidak boleh membuat sebarang tuntutan kepada TSI jika berlaku sebarang kemungkiran pembayaran daripada pihak Musyarakah One. Musyarakah One juga tidak boleh memulangkan semula aset tersebut kepada TSI (*no recourse*) jika berlaku sebarang kemungkiran pembayaran oleh Kerajaan Malaysia. Walau bagaimanapun, dalam kes ini risiko kemungkiran adalah tipis atau tiada kerana pembayaran dilakukan oleh pihak Kerajaan. Malah penarafan Sukuk Musyarakah tersebut juga adalah berdasarkan kepada kualiti aset pendasar, tidak lagi kepada TSI. TSI juga tidak boleh mempunyai sebarang kepentingan dalam Musyarakah One. Pematuhan Garis Panduan SC ini melayakkan Sukuk Musyarakah One ini mendapat beberapa keistimewaan dari segi cukai dan sebagainya.

**Beberapa saranan adalah seperti berikut:**

- i. Hanya terdapat beberapa produk ABS Islam dalam pasaran Malaysia. Keadaan ini pada pandangan penulis boleh diatasi dengan memberikan maklumat-maklumat mengenai penerbitan ABS Islam kepada institusi kewangan dan pelabur-pelabur agar mereka lebih terdedah dengan garis panduan dan prinsip-prinsip syariah yang perlu dipatuhi. SC sebagai badan penyeliaan pasaran modal seharusnya menggiatkan lagi usaha mempromosikan ABS Islam ini.
- ii. Perselisihan pendapat harus dijadikan sebagai pendorong kepada para sarjana tempatan untuk sentiasa mencari alternatif yang lebih baik agar penggunaannya boleh diterima di peringkat antarabangsa, khususnya di Timur Tengah. Dengan ini skop pelaburan akan lebih meluas dan pasaran modal Islam boleh dibangunkan di peringkat antarabangsa.
- iii. Di samping itu, jika terdapat alternatif lain yang dipersetujui oleh majoriti ulama Timur Tengah, maka ia haruslah diberi perhatian dan dipertimbangkan penggunaannya. Contohnya seperti prinsip

*al-tawarruq*. *Al-tawarruq* adalah prinsip yang dipersetujui oleh majoriti ulama semasa berbanding dengan prinsip *bay' al-'inah*. Terdapat sekuriti Islam di Malaysia yang tidak diterima oleh pelabur Timur Tengah seperti sekuriti BBA kerana menggunakan prinsip *bay' al-'inah*. Justeru, pemakaian prinsip *al-tawarruq* boleh menjadi jalan keluar kepada isu ini.

- iv. Selain daripada itu, penulis ingin mencadangkan alternatif lain kepada isu pendiskaunan hutang. Penolakan ulama Timur Tengah terjadi kerana aset yang menjadi sandaran terdiri daripada aset cair atau hutang. Namun, jika ia disandarkan kepada aset nyata dengan penggunaan prinsip *ijarah*, ia diterima oleh ulama Timur Tengah kerana jualan aset tersebut memenuhi kriteria harta. Majoriti ulama Timur Tengah membenarkan aset nyata sebagai sandaran sekuriti. Campuran aset nyata dan aset kewangan juga dibenarkan dengan syarat aset kewangan tidak boleh melebihi 49% daripada nilai muka sesuatu sekuriti dan selebihnya disokong oleh aset nyata seperti kontrak *ijarah*, iaitu gabungan hutang BBA dan hutang daripada *ijarah* juga diterima oleh pelabur Timur Tengah. Islamic Development Bank misalnya, telah menerbitkan *sukuk al-istithmar* yang mempunyai sandaran aset nyata, iaitu aset *ijarah* dan aset berdasarkan hutang, iaitu *murabahah* dan *al-istisna*.<sup>72</sup> Sukuk tersebut telah dipasarkan pada peringkat global. Oleh yang demikian, pada pendapat penulis, *sukuk al-istithmar* boleh dijadikan titik pertemuan di antara para pelabur tempatan dan Timur Tengah, seterusnya mengurangkan lagi jurang perbezaan pendapat di kalangan para pelabur.

## Penutup

Prinsip-prinsip syariah yang digunakan dalam penstrukturan sekuriti ABS dilihat sebagai alternatif kepada instrumen-instrumen pasaran modal yang lain. Prinsip-prinsip inilah yang membezakan antara ABS Islam dan ABS konvensional. Sekuriti-sekuriti Islam dibezakan dengan adanya akad jual beli yang sah untuk memperolehi keuntungan. Ini kerana tujuan jual beli dalam perniagaan adalah sebagai cara yang diharuskan oleh syarak untuk memperolehi balasan atau harta.

Sehingga kini, hanya terdapat lima produk ABS Islam di pasaran tempatan dan penstrukturan sekuriti ABS Islam tersebut dilihat selari dengan prinsip-prinsip syariah yang dinyatakan sebelum ini.

Walaupun terdapat perselisihan pendapat di kalangan sarjana tempatan dan Timur Tengah berhubung dengan beberapa prinsip yang digunapakai dalam sekuriti-sekuriti yang diterbitkan di Malaysia, Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti (MPS SC) sepakat mengharuskan penggunaannya lantaran tiada nas yang kukuh yang boleh dijadikan sandaran untuk mengharamkan penggunaan prinsip-prinsip yang diperselisihkan. Perselisihan pendapat tersebut juga jangan dijadikan sebagai kekangan atau halangan bagi pelabur Malaysia untuk terus memajukan instrumen ini. Sebaliknya ia harus dijadikan sebagai pendorong kepada para sarjana tempatan untuk sentiasa mencari alternatif yang lebih baik agar penggunaannya boleh diterima di peringkat antarabangsa, khususnya di Timur Tengah. Dengan ini skop pelaburan akan lebih meluas dan pasaran modal Islam boleh dibangunkan di peringkat antarabangsa.

Kesimpulannya, sekuriti ABS Islam memainkan peranan yang amat penting dalam menggerakkan ekonomi negara. Ia juga bukan sekadar untuk menyaingi atau sebagai alternatif kepada ABS konvensional, bahkan ia mampu menggerakkan dan seterusnya memajukan lagi pasaran modal Islam.

## **Nota Hujung (Endnotes)**

- 1 Jawatankuasa Perundingan Penssekuritian Bersandarkan Aset (ASCC), *Report on asset securitisation in Malaysia: the way forward for the Malaysian market*, (atas talian) <http://www.sc.com.my> (1 Januari 2005).
- 2 *Kamus Ekonomi*, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1993, hlm 240.
- 3 Lam May Lim, *The private debt securities (IPDS) / asset backed securities (ABS) regulatory framework: the way forward*, kertas kerja Islamic private debt securities (IPDS), Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur, 24-25 September 2001, hlm 28
- 4 Cagamas Berhad, *Laporan Tahunan 2003 Cagamas Berhad*, Cagamas Berhad, Kuala Lumpur, 2003, hlm 38.
- 5 Malaysia, *Bajet Malaysia 2004*, (atas talian) <http://www.hasilnet.org.my/cP/upload/Budget/LampBajet2004>, 2003, (2 Januari 2005).
- 6 Ibid
- 7 Laporan Tahunan 2003 Cagamas Berhad, Cagamas Berhad, Kuala Lumpur, 2004, hlm 38- 39. Lihat juga Report on asset securitisation in Malaysia: the way forward for the Malaysian market, hlm 7-8.
- 8 Smallman, J.D. & Selby M. J.P., *Asset-backed securitisation*, dlm *Securisation*, Butterworths, Kuala Lumpur, 1990, hlm 246.
- 9 Cheah Kooi Guan & Loke Ying Jia, *Sistem perbankan dan kewangan Malaysia*, Addison Wesley Longman Sdn.Bhd, Petaling Jaya, 2000, hlm 208: Chay, Sam, *Guide to asset securitisation in Malaysia*, Pelanduk Publications, Selangor, 2002, hlm 2.
- 10 Chay, Sam, *Guide to asset securitisation in Malaysia*, hlm 105: Chong Kwee Siong, *The Malaysian asset-backed securities market backed securities market*, kertas kerja Asian Bond Market Study Committee The Malaysian Asset, Kementerian Kewangan Jepun, Tokyo, 7 Jun 2004, <http://www.mof.go>. (8 Oktober 2005).
- 11 *Guideliness on the offering of asset-backed securities* (atas talian) <http://www.sc.com.my> (1 Januari 2005)
- 12 Engku Rabbiah Adawiah binti Engku Ali, *Securitization in Islamic contract*, Kertas kerja Kolokium Bon Islam. Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur, 24 Jun 2004, hlm 5.
- 13 Sijil hutang yang boleh ditebus seperti *bill of exchange*, *ibid*
- 14 Sijil hutang atau kupon yang menunjukkan nilai makanan, *ibid*.
- 15 En. Mohd. Fadly b. Mohd Yusof & Prof. Madya Dr. Shamsiah Mohamad, *temu bual*, 7 Oktober 2005.

- 16 Fathelrahman A.M.Salih, *Securitization under Islamic philosophy: An innovative industry in a global dynamic market*, (atas talian) <http://www.vinodkothari.com/Islamisecuritization2>, hlm 3. (12 Januari 2005)
- 17 Terdapat juga beberapa prinsip syariah lain yang boleh digunapakai, namun ia belum lagi diaplikasikan dalam penerbitan sekuriti ABS Islam seperti prinsip *bay al-salam* dan *al-istisna'*. Walau bagaimanapun, dalam penerbitan sekuriti IPDS, ia sudahpun digunakan
- 18 Wan Abdul Rahim Wan Kamil, *Islamic Asset backed Securities: the experience of ABRAR*, kertas kerja workshop on Islamic bonds, sukuk & securitisation, Centre for Research and Training (CERT), 29-30 Jun 2005, hlm 51.
- 19 Ia berbeza dengan sekuriti IPDS dimana sijil hutang boleh dijual di pasaran sekunder kerana penerbitan sekuriti ini tidak melibatkan proses penjualan hutang di peringkat pertama penerbitan sekuriti ABS. Oleh itu, ia tidak melibatkan *bay' al-kali bi al-kali*.
- 20 Akad *bay' al-'inah* juga boleh berlaku pada peringkat ini, namun ia hanya berlaku apabila pihak penerbit memerlukan modal untuk membeli aliran tunai daripada institusi kewangan. Sila lihat contoh aplikasi *bay' al-'inah* dalam sekuriti Ambang Sentosa dalam *Ambang Sentosa Sdn.Bhd. Revised principal terms and conditions of the RM986.0 million al Bai Bithaman Ajil Islamic Debt Securities*. (atas talian) <http://www.sc.com.my>
- 21 *Guideliness on the offering of asset-backed securities*, (atas talian) <http://www.sc.com.my> (1 Januari 2005).
- 22 Ibid
- 23 Ibid
- 24 En. Mohd. Fadly b. Mohd Yusof & Prof. Madya Dr. Shamsiah Mohamad, temu bual, 7 Oktober 2005
- 25 Memandangkan prinsip-prinsip tersebut telah disepakati, maka penulis akan membincangkan prinsip-prinsip syariah yang tidak disepakati oleh para ulama sahaja.
- 26 Azizi Che Seman, *Peranan bay' al-'inah dalam sekuriti hutang swasta Islam di Malaysia*, kertas kerja bengkel ekonomi Islam, Universiti Malaya, 22 Jun 2002, hlm 10
- 27 Muhammad Yūsuf Musa, *Al-Amwal wa nazariah al-aqd fi al-fiqh al-Islamiy ma'a madkhal li dirasati al-fiqh wa falsafah*, Dar al-Kutub al-Arabi, Mesir, 1956, hlm 301
- 28 Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Sa'di Abu Jayb, *al-Qamus al-fiqhiyyah lughatan wa istilahan*, Dar-al Fikr, Dimasq, 1998M/ 1419H, hlm 670
- 29 Dalam Mazhab Maliki, bentuk jual beli ini dinamakan *bay' 'ajal*. *Bay' al-'inah* pula berlaku apabila seseorang berkata kepada seorang yang lain: belikan saya barang dengan harga tunai dan saya akan membeli daripada

- kamu dengan harga tangguh yang lebih tinggi. Sila lihat al-Zuhayli, Wahbah, *Al-Fiqh al-Islamiy wa adillatub*, j.4, Dar al-Fikr, Beirut, 1996M/1417H, hlm 466-467: Mahmud Abdul Rahman Abdul al-Munim, *Mu'jam al-muamalat wa alfaz al-fiqhiyyah*, j.2, Dar al-Fadilah, Kaherah, 1999, hlm 561: Nazih Samad, *Mu'jam al-muamalah al-iqtisadiyyah fi al-lughah al-fuqaha*, Dar al-'Alamiyah li al-Kitab al-Islami, Riyadh, 1990/1315H, hlm 254.
- 30 A-Misri, Rafiq Yunus, *al-jami' fi usul al-riba*, Dar al-Qalam, Dimasq, 2001, hlm 172.
- 31 Menggunakan perbuatan yang dibenarkan untuk mencapai sesuatu yang dilarang.
- 32 Ibn Hazm, Abū Muhammad Ali bin Ahmad bin Sai'd, *al-Muhalla*, j. 8, Dar al-Afaq al-Jadidah, t.th, hlm 47-49
- 33 *Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Kuala Lumpur, Suruhanjaya Sekuriti 2002, hlm 20
- 34 al-Mun'im, *Mu'jam al-muamalat wa alfaz al-fiqhiyyah*, j.2, hlm 561.
- 35 Wizarah al-awqaf wa al-shu'un al-Islamiyyah, *Mawsu'ah al-fiqhiyyah*, Wizarah al-awqaf wa al-shu'un al-Islamiyyah, j.18, Kuwait, 1990/1410H, hlm 4041.
- 36 Hutang yang tetap boleh diperjual beli, sila rujuk perbincangan mengenai *bay' al-dayn*.
- 37 Hak bererti sesuatu yang diiktiraf oleh syarak kepada seseorang, sama ada bermanfaat secara material atau moral, manfaat tersebut berkaitan dengan harta ataupun yang berkaitan dengan diri. Umpamanya hak penjagaan, hak berdakwah, menjaga kepentingan agama dan berijtihad. Lihat al-Zuhayli, j.4, hlm 8-10
- 38 Al-Zuhayli, hlm 18: *Mawsu'ah al-fiqhiyyah*, hlm 40: Muhammad Yusuf Musa, *al-fiqh al-Islamiy: madkhal li dirasah wa al-nizam al-muamalat fi*, Misr, Dar al-Kutub al-Arabi, 1956, hlm 211: al-Khafif, Ali, *Al-Milkiyah fi al-shariah al-Islamiyyah maca muqaranatuha bi al-qawaiin al-arabiyyah*, Dar al-Nahdah al-Arabiyah, Beirut, 1990, hlm 15-18: Ahmad Yusif, *Al-mal fi al-syari'ah al-Islamiyah baina al-kasab al-intifaq wa al-tauris*, Dar al-Thaqafah, Kaherah, 1991, hlm 18-19.
- 39 Muhammad Uthman Shubayr, Muhammad Uthman Shubayr, *Al-Madkhal ila fiqh al-muamalat al-maliyah*, Dar al-Nafais, Beirut, 2004/1423H, hlm 77.
- 40 al-Khafif, Ali, *Al-Milkiyah fi al-shari'ah al-Islamiyah maca muqaranatuha bi al-qawaiin al-'arabiyyah*, hlm 11
- 41 Muhammad Uthman Shubayr, hlm 76



- 42 Ibid: al-Khafif, hlm 19 & 72: al-Zuhayli, j.4, hlm 19
- 43 Engku Rabiah Adawiah binti Engku Ali, *Securitization in Islamic contract*, hlm 25.
- 44 Untuk penjelasan yang lebih lanjut, sila rujuk al-Khafif, hlm 73
- 45 Dipetik dari Suhaimi Mohd Yusuf, *Bai' al-dayn: Keputusan Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti*, Kertas kerja Muzakarah Bay al-Dayn, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur, 4 Julai 2002, hlm 17-18
- 46 Untuk penjaslan yang lebih terperinci, sila rujuk: al-Zarqa', Muhammad Mustafa, *Al-Madkhal ila nahariah al-iltizam al-ummah fi al-fiqh al-Islamiy*, Dar al-Qalam, Dimasq, 1999M/1420H, hlm 193.
- 47 Muhammad Uthman Shubayr, hlm 77.
- 48 al-Dusuqi, Shamsuddin al-Syeikh Muhammad, *Hashiah al-Dusuqi 'ala al-sharh al-kabir*, j.3, Dar Ihya' al-Kutub al-'Arabiyah, Kaherah, t.th, hlm 231.
- 49 Ahmad Yusif, hlm 19
- 50 Ia juga dikeluarkan oleh al-Dāruqatnī, al-Baihaqī, Ishaq, Bazzar dan al-Hakim. Al-Hakim mengatakan hadith ini sahih dengan mengikut syarat Muslim, manakala Ahmad pula berpendapat hadith ini tidak sahih, tetapi ijmak ulama mengatakan tidak harus jual hutang dengan hutang. Lihat al-Syawkani, Muhammad Ali ibn Muhammad, *Nayl al-Awtar sharh muntaqa al-akhbar*, Kitab al-buyu', (2186), j.5, Dar al-Khair, Beirut, hlm 177.
- 51 Ibid
- 52 *Keputusan Majlis Penasihat Syariah*, Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur, 2002, hlm 52
- 53 Mohd Daud Bakar, *Islamic Private Debt Securities (IPDS)*. Kertas kerja Workshop on Islamic Capital Market. Centre Research and Training, Kuala Lumpur, 20-21 Ogos 2001, hlm 13.
- 54 *Haq maliy* telah diterima oleh para ulama sebagai harta atau *mal*
- 55 *Keputusan Majlis Penasihat Syariah*, , hlm 52.
- 56 al-Ramlī, Shams al-Din Muhammad bin Abi al-'Abbās Ahmad bin Hamzah, *Nihayah al-muhtaj 'ala syarhi al-minhaj*, j.3, Mustafa al-Babi al-Halabi wa awladih, Kaherah, hlm 130: al-Sidiy, Husayn Ali, *Al-Khilafat al-maliyah wa turuq dallaha fi al-fiqh Islami*, Dar al-Nafais, Beirut, 2003/1423H, hlm 19.
- 57 Muctamar majmac al-Fiqh al-Islamiy, *Majallah majmac al-fiqh al-Islamiy*, pusingan ke-3, kali ke-4, t.pt, Jeddah, 1988, hlm 30.
- 58 M.A. Mohaimin Chowdhury, Financing real assets the sukuk way, *Islamic Banker*, Mac 2004, hlm 9.
- 59 Muctamar majmac al-Fiqh al-Islamiy, *Majallah Majma' al-Fiqh al-Islamiy*, OIC, Mekah, 2002, bil 16.

- 60 Jumhur ulama yang terdiri daripada Ibn 'Umar, Imam Abu Hanifah, Imam Malik, al-Thuri dan sebahagian besar ulama semasa. Sila lihat al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariyya Yahya bin Syaraf, *Al-Majmu' sharh al-muhadhab*, j.4, Dar al-Fikr, Beirut, 1996M/1417H, hlm 196: al-Ramli, Shams al-Din Muhammad bin Abi al-Abbas Ahmad bin Hamzah, *Nihayah al-muhtaj ila sharh al-minhaj*, j. 4, Mustafa al-Babi al-Halabi wa awladih, Kaherah, 1938, hlm 374: Ibn Rushd, Abu al-Walid Muhammad bin Ahmad bin Muhammad bin Ahmad al-Qurtubi al-Andalusi, *Bidayatul al-mujtahid wa nihayatu al-muqtasid*, j.3, Dar Ibn Hazim, Beirut, 1995/1416H, hlm 1190.
- 61 Ibn Qayyim, Shamsuddin Abu Abdullah bin Ahmad bin Muhammad bin Abi Bakr, *I'lam al-muwaq'i'in 'an rabb al-'alamin*, j.3, al-Maktabah al-Taufiqiyyah, Cairo, hlm 371: al-Kasani, Alauddin Abi Bakar Mas'ud, *Badai' al-sanai' fi tartib al-syarai'*, j.7, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, 1997/1418H, hlm 3505.
- 62 Ibn Abbas berpendapat, *da' wa ta'ajjal* adalah diharuskan kerana termasuk dalam perkara mengambil sebahagian daripada haknya dan melepaskan sebahagian yang lain. Sila lihat Ibn Qudamah, Abu Muhammad Abdullah bin Muhammad bin Muhammad, *al-Mughni*, Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, Beirut, t.th, j.4, hlm 165.
- 63 Ibid: Ibn Rusd, j.3, hlm 1190: Ibn Qayyim, j.3, hlm 371
- 64 Ibid
- 65 Diriwayatkan juga oleh al-Tabrani dan mengatakan hadith ini daif. Al-Hakim sebaliknya menyatakan sanadnya sahih. Lihat al-Baihaqi, Kitab al-buyu', j.6, hlm 28.
- 66 Mu'tamar majma' al-Fiqh al-Islamiy, *Majallah majma' al-fiqh al-Islamiy*, bil 7, j.2, t.pt, Jeddah, 1992, hlm 217-218.
- 67 Aznan Hasan, *Mitigating the jurist objection to the sale of receivables*, kerta kerja Kolokium bon Islam, Suruhanjaya Sekuriti, 24 Jun 2004, hlm 13-14.
- 68 Suruhanjaya Sekuriti, (atas talian) <http://www.sc.com.my>. ( 15 November 2005)
- 69 Empat lagi sekuriti ABS Islam adalah diterbitkan oleh Sukuk Musyarakah Cagamas MBS Bhd, Sekuriti Ambang Sentosa, Sukuk Ijarah Golden Crop dan ABS Plantation Assets Berhad. Sekuriti-sekuriti ini menggunakan prinsip *musyarakah*, *ijarah* dan *bay' bithaman ajil*. *Proses penerbitan sekuriti-sekuriti ini agak berbeza di antara satu sama lain. Ia adalah berdasarkan prinsip-prinsip syariah yang digunakan. Sila lihat* (atas talian) <http://www.sc.my>.
- 70 Rujukan dibuat berdasarkan, Musyarakah One Capital Berhad, *asset-backed*

*sukuk musyarakah issuance programme of up to nominal value RM2,500 milion: principal terms and conditions*, <http://www.sc.my>, 2005, (23 Oktober 2005); MARC, <http://www.marc.my>, (23 Oktober 2005); Prof. Madya. Dr. Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, *temu bual*, 20 Oktober 2005. (Beliau adalah Prof. Madya Fakulti Undang-Undang di IIUM dan salah seorang penasihat syariah bagi CIMB Berhad.)

- 71 Ia menepati pendapat oleh ulama Syafii'yyah dan Malikiyyah.
- 72 Engku Rabiah Adawiah Engku Ali, *Securitization in Islamic contract*, Kertas kerja Kolokium Bon Islam. Suruhanjaya Sekuriti, Kuala Lumpur, 24 Jun 2004, hlm 44.

## **Audit Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam Di Malaysia**

**Mohd Zamerey bin Abdul Razak<sup>1</sup> & Nurmaezah binti Omar<sup>2</sup>**

### **Abstract**

*This article highlights on the implementation of Shariah Audit in Malaysia whilst recommending few enhancements to ensure the prescribed Shariah principles being effectively executed by Islamic financial institutions in Malaysia.*

### **Pendahuluan**

Kepesatan perkembangan industri kewangan islam dewasa ini amatlah dibanggakan. Ini bererti kesedaran pengguna dan pelabur tentang kewajipan melaksanakan Muamalat Islam adalah suatu keperluan dalam usaha mencapai kestabilan kewangan khasnya dan ekonomi amnya.

Persoalannya, apakah terdapat mekanisme tertentu untuk memastikan keputusan Majlis Pengawasan Syariah yang berasaskan Muamalat Islam dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya? Bagaimanakah pemantauan terhadap pelaksanaan kontrak-kontrak, syarat-syarat dan operasi yang dilaksanakan oleh pihak institusi kewangan Islam?

Di sini perlunya Audit Syariah yang berperanan memastikan setiap keputusan Majlis Pengawasan Syariah dilaksanakan dengan tepat dan betul oleh institusi kewangan terbabit.

Jika melihat kepada keperluan ini, timbul persoalan kemampuan pakar-pakar syariah untuk memikul tugas ini dengan sempurna. Apakah mereka bersedia? Terdapatkah institusi tertentu yang melatih graduan syariah memahirkan diri mereka untuk menggalas amanah ini? Tulisan ini cuba menyingkap kepentingan, kaedah, skop dan permasalahan dalam melaksanakan peranan audit syariah di institusi kewangan Islam di Malaysia.

### **Pengawasan Syariah Dalam Institusi Kewangan Islam**

Lazimnya inisiatif membangunkan produk kewangan Islam dilakukan oleh pihak institusi kewangan dengan pelbagai langkah, bermula dari perbincangan di peringkat Jawatankuasa Pembangunan Produk, Jawatankuasa Risiko, seterusnya membentangkannya kepada Majlis Pengawasan Syariah dan Lembaga Pengarah masing-masing untuk mendapatkan pandangan dan kelulusan. Setelah diluluskan, cadangan produk tersebut akan dikemukakan kepada pihak Bank Negara Malaysia atau Suruhanjaya Sekuriti berdasarkan bidang pengawasan masing-masing.

Sememangnya wujud arahan dan garis panduan daripada Bank Negara Malaysia agar setiap produk yang dibangunkan dan isu-isu yang melibatkan persoalan syariah perlulah mendapat kelulusan daripada Majlis Pengawasan Syariah institusi masing-masing. Namun begitu, pelaksanaan dan penguatkuasaan ke atas keputusan Majlis Pengawasan Syariah adalah di bawah bidangkuasa institusi terbabit. Buat masa ini masih tidak terdapat arahan dari pihak-pihak berwajib kepada institusi kewangan Islam menyediakan laporan audit syariah. Sewajarnya Audit Syariah dijadikan perkara utama dan penting agar sistem kewangan Islam di Malaysia dihormati.

### **Ciri-Ciri Majlis Pengawasan Syariah**

Majlis Pengawasan Syariah merupakan satu badan bebas yang memainkan peranan penting dalam sesebuah institusi kewangan Islam, ini kerana mereka berperanan sebagai tempat rujukan. Badan ini mestilah mempunyai kemampuan untuk memahami realiti isu-isu muamalat kontemporari dengan jelas. Mereka perlu sentiasa melakukan kajian-kajian secara berterusan untuk memastikan setiap keputusan bertepatan

dengan prinsip syariah. Antara keperluan dan syarat-syarat utama yang perlu dikuasai ahli Majlis Pengawasan Syariah ialah:<sup>3</sup>

- a) Menguasai ilmu al-Quran.
- b) Menguasai ilmu Sunnah.
- c) Menguasai ilmu Ijma'.
- d) Menguasai ilmu Bahasa Arab.
- e) Menguasai ilmu *fiqh al-muqaran*.
- f) Menguasai ilmu Usul Fiqh.
- g) Menguasai ilmu Maqasid Syariah.

Memahami ilmu syariah sahaja tidak memadai untuk membolehkan seseorang ahli Majlis Pengawasan Syariah mahir dalam menentukan sesuatu produk menepati prinsip-prinsip Islam atau sebaliknya. Oleh sebab itu ahli Majlis Pengawasan Syariah mesti mempunyai kemahiran yang tinggi dalam amalan kewangan kontemporari. Oleh yang demikian, adalah menjadi suatu kemestian mereka mempunyai ciri-ciri tambahan berikut:

- a) Menguasai ilmu Fiqh Muamalat Islam
- b) Menguasai realiti halangan dan pelaksanaan kewangan Islam.
- c) Menguasai realiti dan kehendak semasa kewangan kontemporari.

Penggabungan kepakaran antara ilmuan syariah dengan kewangan kontemporari amatlah diperlukan bertujuan menjamin kesinambungan dan kejayaan pelaksanaan sistem kewangan Islam.

### **Definisi Audit dan Audit Syariah**

Audit didefinisikan sebagai pemeriksaan dan pengesahan kira-kira manakala Syariah ialah Hukum Islam.<sup>4</sup>

Pengauditan adalah proses di mana individu yang kompeten, bebas mengumpul dan menilai segala bukti mengenai maklumat yang berhubung rapat dengan entiti ekonomi yang spesifik. Ia bertujuan mengenal pasti dan seterusnya melaporkan tahap pertalian antara maklumat yang dikenal pasti dan kriteria yang telah ditetapkan.<sup>5</sup>

*Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah lil Istismar* mendefinisikan audit syariah sebagai “Pihak yang memastikan sejauh mana sesebuah

institusi kewangan Islam mematuhi syariah Islam berdasarkan keputusan yang dibuat oleh Majlis Pengawasan Syariah institusi terbabit.”<sup>6</sup>

Audit Syariah dapat disimpulkan sebagai pemeriksaan dan pengesahan urus tadbir sesuatu organisasi bagi memastikan organisasi tersebut dikendalikan mengikut prinsip-prinsip yang digariskan oleh Islam. Ia merupakan salah satu mekanisme yang dilaksanakan untuk memastikan sektor kewangan Islam mematuhi dan menjaga prinsip-prinsip syariah yang telah digariskan oleh Islam.

### **Kepentingan Audit Syariah**

Melihat kepada senario hari ini, audit syariah dilihat begitu penting untuk dilaksanakan oleh setiap organisasi umumnya dan sektor kewangan Islam khususnya. Baru-baru ini, satu pendedahan telah dibuat oleh Presiden Majlis Am bagi bank dan institusi kewangan Islam, Sheikh Saleh A Kameel yang menyatakan bahawa berdasarkan pemantauan yang telah dibuat oleh pihaknya, didapati 350 bank yang menawarkan skim perbankan Islam 75 negara di seluruh dunia menggunakan kaedah kerja yang tidak selaras dengan hukum syarak. Lebih membimbangkan lagi, daripada 350 bank tersebut, 120 daripadanya beroperasi di Negara Pertubuhan Persidangan Islam (OIC).<sup>7</sup>

Selain itu, Gabenor Bank Negara Malaysia (BNM), Tan Sri Dato’ Sri Dr. Zeti Akhtar Aziz, semasa berucap di Doha, Qatar telah menekankan mengenai perkara yang sedang dititikberatkan oleh BNM sekarang, ianya untuk memperkuatkan mekanisme yang ada untuk menterjemahkan nilai-nilai Islam dalam operasi perniagaan dan urus tadbir organisasi. Di antara mekanisme yang digunakan ialah dengan menjalankan proses pengauditan. Proses ini dilihat mampu untuk menyakinkan massa akan prinsip ketelusan, hak-hak mereka yang seharusnya dipelihara dan tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh sektor kewangan Islam.<sup>8</sup> Justeru kepentingan audit syariah tidak dapat dinafikan kerana ianya berperanan memastikan kesahihan dan ketelusan sesuatu urusan muamalat dari perspektif syariah dilaksana dan dikuatkuasakan.<sup>9</sup>

Oleh yang demikian, audit syariah yang dicadangkan ini diharapkan sedikit sebanyak mampu mengelakkan berlakunya kes-kes yang dijelaskan oleh Sheikh Saleh A Kameel khususnya di negara kita.

Di antara kepentingan-kepentingan dilaksanakan audit syariah ini ialah:-

- i) Untuk memastikan urus tadbir organisasi mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh hukum syarak.
- ii) Untuk memastikan tiada sebarang pelanggaran terhadap illah *maqasid al-syariah* dan illah-illah syarak yang menepati kaedah usul fiqh.
- iii) Untuk mengesyorkan langkah-langkah bagi memperbaiki kecekapan dan keberkesanan proses pentadbiran serta mencadangkan penambahbaikan dalam bidang berkaitan selari dengan kehendak Islam.
- iv) Untuk memastikan segala keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Pengawasan Syariah dipatuhi dan dilaksanakan oleh setiap warga organisasi sama ada menyentuh perkara-perkara teknikal, modus operandi atau perkara-perkara dasar organisasi tersebut.

### **Tanggapan Silap Tentang Audit**

Sesetengah pihak melihat audit yang dijalankan oleh juruaudit-juruaudit hanya untuk mencari kesilapan mereka dan penilaian audit menjurus kepada bidang perakaunan dan kewangan sahaja. Selain itu tugas mereka disalahertikan dengan mengatakan bahawa mereka hanya “bertindak dan menyerang yang tercedera selepas pertempuran berlaku”.<sup>10</sup> Sedangkan fungsi audit sebenarnya lebih luas daripada itu dan tidak tertakluk kepada ruang lingkup yang sempit seperti yang diwar-warkan.

### **Ciri-Ciri Juruaudit Syariah**

Juruaudit Syariah merupakan ejen penghubung antara institusi kewangan Islam dan Majlis Pengawasan Syariah. Ianya bertindak sebagai pemantau ke atas pelaksanaan seterusnya agar mencadangkan kepada pihak pengurusan untuk menambahbaik pelaksanaan bersandarkan keputusan yang telah dibuat oleh Majlis Pengawasan Syariah.

Bagi menjayakan tujuan ini juruaudit syariah mestilah mempunyai ciri-ciri berikut:<sup>11</sup>



- a) Bersifat ikhtiyad (cermat dan berhati-hati)
- b) Sopan, beradab, berakhlak mulia dan personaliti positif dan sentiasa proaktif kerana beliau adalah individu yang sering berhubung dengan pihak lain.
- c) Memahami dan berpengalaman dalam amalan kewangan Islam.
- d) Menguasai prinsip Muamalat Islam seperti hukum halal dan haram, rukun-rukun, syarat-syarat, kaedah-kaedah kontrak dan asas-asasnya.
- e) Mempunyai kesungguhan untuk mengembangkan kecekapan dan keberkesanan melaksanakan tugas.
- f) Tegas dalam memelihara beberapa prinsip dasar tanpa berkompromi dengan pihak-pihak tertentu semata-mata kerana motif keuntungan.
- g) Mestilah objektif, iaitu memastikan setiap operasi institusi terbabit melaksana dan mematuhi setiap keputusan Majlis Pengawasan Syariah.
- h) Tugas mestilah dilakukan secara menyeluruh, bukan sahaja menumpukan soal riba tetapi juga muamalat yang diharamkan termasuklah urusan pelaburan, aktiviti, pemasaran dan seumpamanya.

### **Skop dan Bidang Tugas Audit Syariah**

Disebabkan tiada garis panduan khusus mengenai skop atau bidang tugas audit syariah, justeru, adalah dicadangkan beberapa skop untuk dipertimbangkan :

- a) Menyediakan perancangan audit syariah tahunan supaya tugas pengauditan dapat dilaksanakan mengikut keutamaan, tersusun dan merangkumi keseluruhan ruang lingkup organisasi.
- b) Memastikan bidang penilaian yang lebih luas tidak setakat fungsi-fungsi kewangan sahaja malah merangkumi seluruh bahagian termasuk berkaitan perkara-perkara teknikal, operasi dan pengurusan.
- c) Memberikan bantuan dan nasihat kepada organisasi secara komprehensif dalam pelbagai isu berkaitan syariah.

- d) Memberikan penilaian yang sewajarnya kepada aspek yang berisiko tinggi, jaminan kawalan, melaporkan penemuan yang signifikan dan mengesyorkan cadangan yang memberi impak kepada organisasi dengan berpandukan kepada asas syariah.
- e) Menilai keberkesanan, kekukuhan dan kecukupan struktur kawalan dalaman. Kualiti dan pembaikan berterusan ditekankan dalam proses kawalan organisasi.
- f) Mengkaji kepatuhan terhadap polisi, perancangan, prosedur-prosedur, undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah dan pihak terlibat.
- g) Menyemak kebolehpercayaan dan kesahihan maklumat kewangan dan data operasi dengan menilai keseluruhan kawalan dan prosedur keselamatan komputer dalam pemprosesan data.
- h) Memastikan segala urusan bebas daripada unsur-unsur yang bertentangan dengan syariah seperti penipuan, pecah amanah, kecurian dan pembaziran serta mencadangkan kawalan-kawalan untuk menghalang dan mengesan sebarang kejadian tersebut.
- i) Menentukan sejauh mana objektif dan sasaran yang ditetapkan untuk operasi atau program tercapai dengan cara yang efektif, efisien dan ekonomikal dalam kekangan kos efektif dan sejajar dengan undang-undang dan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Islam.

### **Peranan Juruaudit Syariah**

Dalam usaha untuk melaksanakan audit syariah di dalam sesebuah organisasi, sudah semestinya ia menuntut kepada juruaudit syariah yang memahami peranan yang perlu dimainkan. Keperluan untuk mempunyai lebih banyak juruaudit syariah dalam sistem kewangan Islam semakin meningkat kerana negara sedang bergerak ke arah matlamatnya untuk dikenali sebagai pusat kewangan Islam serantau.

Encik Ab Manan Mansor, salah seorang daripada ahli panel Seminar Pertama Audit Syariah Malaysia 2006 menyatakan bahawa setakat ini, tidak terdapat pengauditan yang mematuhi syariah dilakukan di sebarang

institusi kewangan di Malaysia.<sup>12</sup> Ini menjelaskan betapa industri ini memerlukan kepakaran ini untuk menjamin ketelusan amalan kewangan berasaskan Islam.

Juruaudit syariah perlulah menyediakan perkhidmatan yang boleh memberi nilai tambah kepada organisasi. Antara peranan tersebut ialah :

- a) Mempersiapkan diri dengan segala kepakaran yang berkaitan dan kemahiran yang diperlukan untuk melaksanakan tugas ini.
- b) Mencapai akauntabiliti dan integriti, menambah baik operasi dengan memberi cadangan mengenai pengurusan risiko organisasi, etika bekerja menurut Islam, tadbir urus organisasi dan menerap keyakinan di kalangan massa dan pemegang saham organisasi.
- c) Mengetahui apa yang diperlukan oleh organisasi bagi menghasilkan perkhidmatan yang berkualiti dengan memasukkan elemen-elemen syariah di dalamnya.
- d) Sentiasa kreatif dan inovatif dalam melaksanakan tugas, sama ada daripada segi penilaian atau pertemuan-pertemuan yang diatur selagi mana ia tidak bertentangan dengan hukum syarak.

Pihak institusi juga perlu mempunyai peranan yang besar dalam menjayakan audit syariah, antaranya ialah:

- a) Memberi sokongan dan kerjasama yang jitu kepada Jawatankuasa Audit Syariah yang ditubuhkan.
- b) Menyokong tanggungjawab tadbir urus iaitu *oversight*,<sup>13</sup> *insight*<sup>14</sup> dan *foresight*.<sup>15</sup>

### **Audit Syariah di Syarikat *al-Rajhi Al-Masrafiyyah Lil Istitmar* (Arab Saudi)**<sup>16</sup>

Unit Audit Syariah di Syarikat Al-Rajhi telah ditubuhkan pada 30hb. Mei 1993. Unit ini akan menjalankan audit syariah di ibu pejabat dan cawangan-cawangan syarikat berpandukan dokumen-dokumen dan prosedur-prosedur tertentu yang menepati prinsip-prinsip syariah dan

audit. Di peringkat akhir unit ini akan menyediakan laporan, komentar serta cadangan ke atas hasil audit syariah tersebut.

Antara tugas utama unit ini ialah:

- a) Memastikan setiap aktiviti, produk, perkhidmatan dan kontrak dipatuhi seperti yang diluluskan oleh *hai'ah syar'iyah*.<sup>17</sup>
- b) Menyemak contoh-contoh kontrak, perjanjian dan prosedur manual (*standard operating procedure*) sebelum pelaksanaannya bertujuan memastikan ianya selaras dengan keputusan *hai'ah syar'iyah*.
- c) Memastikan setiap cawangan mematuhi dan melaksanakan keputusan *hai'ah syar'iyah*.
- d) Memastikan syarikat mematuhi matlamat penubuhannya berasaskan *al-siasah al-syar'iyah*.
- e) Melakukan audit syariah secara berkala sama ada di ibu pejabat atau cawangan.
- f) Menyediakan laporan audit syariah secara berkala, membuat beberapa peringatan, kritikan atau cadangan penambahbaikan berkaitan perkara-perkara berikut:
  - Hal-hal yang tidak dibenarkan oleh *hai'ah syar'iyah*.
  - Pengesahan *sighah*<sup>18</sup> atau kontrak yang disediakan sebelum ianya dilaksanakan.
  - Keadaan, hal atau perkara yang menyalahi fatwa atau keputusan *hai'ah syar'iyah*.
  - Manual-manual syarikat.
  - Polisi *siasah syar'iyah* syarikat.

Mereka juga menjawab persoalan-persoalan yang diajukan oleh warga kerja syarikat. Membuat tindakan susulan bagi memastikan pelaksanaan yang betul berasaskan prinsip-prinsip syariah Islam di ibu pejabat dan cawangan.

## **Audit Syariah di Malaysia**

Berikut adalah beberapa contoh amalan audit syariah di beberapa buah institusi kewangan Islam di Malaysia:

### **Syarikat Takaful Malaysia Berhad<sup>19</sup>**

Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah menyediakan Manual Pematuhan Syariah dan menjalankan Audit Syariah Dalaman (*Internal Shariah Audit*) pada tahun 2007. Aktiviti ini dilakukan oleh Pegawai dari Jabatan Syariah.<sup>20</sup>

### **Takaful IKHLAS Sdn Bhd<sup>21</sup>**

Takaful IKHLAS telah mewujudkan Manual Syariah sebagai panduan utama untuk memastikan syarikat beroperasi selaras dengan tuntutan syariat Islam. Berpandukan Manual Syariah ini pihak Pematuhan Syariah telah menyediakan senarai semakan syariah (*Shariah Checklist*) untuk urusan audit syariah.

Pada tahun kewangan 2006/2007 yang lalu, Takaful IKHLAS telah melantik *Islamic Banking and Finance Institute Malaysia* (IBFIM) sebagai juruaudit syariah luar (*External Shariah Audit*) dengan penglibatan pegawai dari Jabatan Pematuhan Syariah, Bahagian Kewangan, Jabatan Perancangan Korporat dan Jabatan Audit Dalaman. Laporan audit syariah ini telah dibentangkan kepada Majlis Pengawasan Syariah dan Lembaga Pengarah untuk tindakan seterusnya. Hampir keseluruhan laporan tersebut menyatakan Takaful IKHLAS telah mematuhi prinsip-prinsip syariah, polisi, peraturan dan manual syariah yang telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah.

### **Bank Islam Malaysia Berhad<sup>22</sup>**

Pihak Bank Islam telah memulakan usaha memastikan pematuhan-an Prinsip Syariah dengan mewujudkan "*Internal Syariah Audit*". Unit ini bertindak mengaudit operasi bank bertujuan untuk memastikan ianya selaras dengan garis panduan (*guidelines*), keputusan dan resolusi yang diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah.

## **Permasalahan dan Cabaran di Malaysia**

Apabila dicadangkan mengenai audit syariah ini, terdapat beberapa permasalahan yang timbul dan perlu diselesaikan dengan segera iaitu:

- a) Jawatankuasa Audit Syariah di peringkat nasional masih belum ditubuhkan (untuk menyelaraskan dan memantau perjalanan organisasi secara berkala dan berpusat).
- b) Tidak ada Juruaudit Syariah yang berpengalaman dan betul-betul menguasai bidang audit syariah.
- c) Garis panduan audit syariah masih belum diusaha dan diperkenalkan lagi.
- d) Tidak terdapat badan tertentu yang melatih Juruaudit Syariah secara menyeluruh dan berkesan.

## **Cadangan dan Ulasan**

Demi menjamin kesucian Muamalat Islam amatlah wajar audit syariah dilaksanakan dan dikuatkuasakan, ianya bertujuan memantau dan memastikan setiap keputusan Majlis Pengawasan Syariah dipatuhi oleh institusi kewangan Islam.

Jika diperhatikan dalam amalan Institusi Kewangan Islam Antarabangsa seperti *Kuwait Finance House* atau *al-Rajhi* di Arab Saudi, menggambarkan bahawa, pematuhan dan penguatkuasaan syariah merupakan agenda utama mereka. Hal ini dapat dilihat apabila "*majmu'ah syari'yyah*"<sup>23</sup> dalam carta organisasi *al-Rajhi* (Arab Saudi) dibahagikan kepada tiga unit:

- a) Majlis Pengawasan Syariah (أمانة الهيئة الشرعية).
- b) Jabatan Audit Syariah (إدارة الرقابة الشرعية).
- c) Sekretariat dan Informasi (قسم التنسيق والمعلومات).

Jabatan Audit Syariah dan Jabatan Sekretariat dan Informasi diketuai oleh seorang Pengurus Besar, carta organisasi ini menggambarkan kesungguhan pihak syarikat menggubal dasar atau peraturan berasaskan

syariah Islam, menguatkuasakan dan berkongsi keputusan dengan masyarakat.

Bagi memastikan kesinambungan serta kecemerlangan institusi kewangan Islam dalam usaha mereka memartabatkan Muamalat Islam, diutarakan beberapa cadangan yang sewajarnya diambilkira oleh pihak terbabit untuk mengatasi masalah-masalah yang telah disebutkan sebelum daripada ini:

- a) Mewujudkan Jawatankuasa Audit Syariah di peringkat nasional atau sekurang-kurangnya di antara institusi-institusi kewangan Islam.
- b) Melatih calon-calon yang berkelayakan sebagai Juruaudit Syariah dengan memastikan latar belakang dan penglibatan mereka sesuai atau berkait dengan syariah serta memberi pendedahan kepada teknik dan kaedah pengauditan yang betul dan sistematik.
- c) Memperbanyakkan kursus-kursus dan juruaudit-juruaudit syariah yang bertauliah.
- d) Menyediakan garis panduan atau peraturan-peraturan berkaitan audit syariah sebagai panduan pelaksanaan.
- e) Juruaudit Syariah tersebut mestilah kompeten, mempunyai pengetahuan, latihan yang mencukupi dan berkualiti.
- f) Memastikan juruaudit-juruaudit syariah yang dilantik benar-benar memahami keseluruhan perjalanan organisasi.

Perlu diingatkan bahawa Majlis Pengawasan Syariah sahaja tidak memadai untuk memantau pelaksanaan dan mengaudit. Maka dalam keadaan ini teramat wajar unit audit syariah diwujudkan bagi memastikan keputusan Majlis Pengawasan Syariah dipatuhi dan dilaksanakan sepenuhnya oleh institusi terbabit.

### **Cadangan Kaedah Pelaksanaan Audit Syariah di Institusi Kewangan Islam**

Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan audit syariah, perkara-perkara berikut perlu diberi perhatian:

- a) Menyediakan rangkakerja Audit Syariah secara tahunan.
- b) Menjalankan kajian bebas dan objektif terhadap operasi dan prosedur bahagian atau unit dengan analisis, penilaian, cadangan dan komen-komen yang bersangkutan-paut dengan aktiviti yang dikaji.
- c) Memastikan setiap kontrak, prosedur, produk dan operasi selari dengan prinsip syariah yang diputuskan oleh Majlis Pengawasan Syariah.
- d) Menyatakan sebarang pelanggaran kepada prinsip syariah dan cadangan penambahbaikan.
- e) Memantau setiap operasi bagi memastikan ia menepati syariah tanpa mendatangkan sebarang gangguan atau penangguhan kepada operasi tersebut.
- f) Menyediakan laporan audit syariah kepada Majlis Pengawasan Syariah secara berkala. Laporan ini mestilah mengandungi perkara-perkara berikut:
  - Ulasan (*Review*)
  - Kesan (*Impact*)
  - Cadangan penambahbaikan (*Recommendation*)
  - Pelan Tindakan Pengurusan (*Management Action Plan*)

## **Kesimpulan**

Melihat kepada tuntutan semasa, Audit Syariah ini dilihat mampu untuk mempertingkatkan tadbir urus dalam sesebuah organisasi terutamanya berkaitan aspek syariah. Dengan adanya Audit Syariah di setiap institusi, potensi untuk memperbaiki urus tadbir organisasi supaya selaras dengan prinsip syariah semakin menjadi kenyataan dan dengan ini dapat mengukur tahap pencapaian serta dapat menjadi asas penambahbaikan kepada organisasi itu sendiri.

Apa yang ingin ditekankan, bukan setakat urus tadbir organisasi sahaja yang perlu menepati kehendak syariah, akan tetapi tenaga kerjanya juga perlu mempunyai sikap dan tingkah laku yang selaras dengan kehendak syarak.



Pengalaman audit syariah pihak luar negara seperti *Syarikah al-Rajhi al-Masrafiyyah lils Istismar* di Arab Saudi, *Kuwait Finance House* di Kuwait dan lain-lain lagi boleh dijadikan panduan. Perkongsian idea dan pengalaman adalah cara terbaik untuk mencapai matlamat audit syariah ini berkesan dan berjaya.

Keputusan Majlis Pengawasan Syariah yang tidak dipatuhi oleh institusi kewangan Islam merupakan sesuatu yang amat mendukacitakan. Bagi mengelak tanggapan ini maka sewajarnya amalan Audit Syariah ini menjadi rutin dan agenda utama demi mencapai matlamat Malaysia sebagai pusat kewangan Islam.

Usaha meningkatkan kefahaman dan kesedaran tentang kewangan Islam perlu dipertingkatkan. Berikut adalah saranan dan cadangan:

- a) Seminar, forum atau bicara ilmiah tentang produk kewangan Islam dari perspektif syariah.
- b) Membukukan resolusi dan keputusan Majlis Pengawasan Syariah.
- c) Menyediakan capaian melalui laman web institusi berkaitan fatwa, resolusi atau isu syariah.
- d) Menjadikan produk kewangan Islam sebagai sukatan subjek pelajaran yang wajib dipelajari oleh pelajar jurusan Syariah, Undang-Undang dan Ekonomi.
- e) Mewujudkan praktikal kurikulum tambahan iaitu praktikal dan latihan industri di institusi-institusi kewangan Islam.

Ini merupakan satu tanggungjawab sosial oleh institusi terbabit bertujuan meningkatkan kefahaman dan kesedaran orang ramai terhadap Muamalat Islam. Semoga kertas kerja ini memberi manfaat kepada semua dan diambil berat akan pelaksanaannya oleh pihak yang berwajib supaya agenda memperkasakan syariah disetiap organisasi dapat dilaksanakan.

## **Nota Hujung** **(Endnotes)**

- 1 Mohd Zamerey bin Abdul Razak merupakan Penolong Naib Presiden, Syariah, Asian Finance Bank Bhd.
- 2 Nurmaezah binti Omar merupakan Eksekutif, Pematuhan Syariah, Takaful Ikhlas Sdn.Bhd.
- 3 Hamzah Abdul Karim Muhammad Hammad, al-Raqabah al-Syar'iyah fi al-masorif al-Islamiyyah,, Dar al-Nafais, Amman, 2006, hal: 43-51.
- 4 Kamus Dewan terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- 5 <http://www.cidb.gov.my/cidbweb/corporate/organisation/audit/faq-my.html>, Dirujuk pada 1/11/2007.
- 6 <http://www.alrajhibank.com.sa/AR/SideNav/Shariah+Group/Shariah+Control+Dept/Shariah+Control+Dept.htm>, Dirujuk pada1/11/2007.
- 7 Artikel “Menilai semula perbankan Islam: 350 institusi kewangan di 75 negara gagal patuhi piawaian hukum syarak”, ruangan Agama, Berita Harian, 23 Oktober 2007, ms. 11.
- 8 2nd IFSB Summit: The Rise and Effectiveness of Corporate Governance in the Islamic Financial Services Industry.
- 9 [http://www.kfh.com/Fatawa/Display\\_n.asp?f=reqaba00004.htm](http://www.kfh.com/Fatawa/Display_n.asp?f=reqaba00004.htm) Dirujuk pada: 1/11/2007.
- 10 <http://www.cidb.gov.my/cidbweb/corporate/organisation/audit/faq-my.html>
- 11 Hamzah Abdul Karim Hammad, al-Raqabah al-Syar'iyah fi al-Masorif al-Islamiy yah, hal: 52-54.
- 12 Artikel Bernama : ” Lebih Banyak Juruaudit Syariah Diperlukan ”10 Julai 2006.
- 13 Oversight: Melaksanakan apa yang patut dilaksanakan, mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dan mengesan atau mencegah berlakunya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.
- 14 Insight: Membantu pembuat keputusan dengan memberi penilaian bebas terhadap polisi, program, operasi dan impak aktiviti yang dijalankan.
- 15 Foresight: Mengenal pasti trend dan cabaran baru.
- 16 <http://www.alrajhibank.com.sa/AR/SideNav/Shariah+Group/intro.htm>, <http://www.alrajhibank.com.sa/AR/SideNav/Shariah+Group/Shariah+Control+Dept/Shariah+Control+Dept.htm>, Dirujuk pada1/11/2007, al-Raqabah al-Syar'iyah fi al-Masorif al-Islamiyyah, hal: 137-138.
- 17 Majlis Pengawasan Syariah.
- 18 Sighah: Pemilihan dan penyusunan kata, lihat Kamus Dwi Bahasa Oxford edisi ketiga, Fajar Bakti Sdn Bhd, 2001.

- 19 Manual Pematuhan Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah pada mesyuarat ke 80, pada 8/2/2007.
- 20 Temubual bersama: Wan Jemizan Wan Deraman, Pemangku Ketua Jabatan Syariah, Syarikat Takaful Malaysia Berhad pada 2/11/2007.
- 21 Manual Syariah telah diluluskan oleh Majlis Pengawasan Syariah Takaful IKHLAS Sdn Bhd pada mesyuarat ke 17, pada 16/8/2006.
- 22 Temubual bersama: Mohd Nazri Chik, Timbalan Pengurus, Pematuhan Syariah, Bahagian Pengurusan Risiko, Bank Islam Malaysia Berhad, pada 2/11/2007.
- 23 <http://www.alrajhibank.com.sa/AR/SideNav/Shariah+Group/Shariah+Control+Dept/Shariah+Control+Dept.htm>, Dirujuk pada 1/11/2007, al-Raqabah al-Syar'iyah fi al-Masorif al-Islamiyyah, hal: 135-140.

## **Pendekatan Membuat Keputusan Syariah Dalam Kewangan Islam**

**Suhaimi Mohd Yusof & Ahmad Hazim Alias  
Bank Negara Malaysia**

*The Shariah principles enshrined in al-Quran and al-Sunnah are the main sources for human beings in fulfilling the ever changing needs in daily transactions or muamalah. Instead of being narrow in this issue, Shariah has come up with a flexible means to problem solving by the way of ijtihad. The combination of revelation and human's intellectual exertion in ijtihad makes Shariah as a dynamic, flexible and expansive source to provide solution for newly emerging problems in different time and places. To ensure Shariah compliance, the supervision over the Islamic finance industry has been carried out both at industrial and central levels. Supervision is done by the in-house Shariah committee in each Islamic financial institution, while the latter is done by the Shariah Advisory Council of Bank Negara Malaysia.*

### **Pendahuluan**

Urusan muamalat merupakan sebahagian daripada tuntutan agama Islam dalam mengatur kehidupan umat. Oleh itu, asas-asas syariah yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah menjadi sandaran utama dalam mentafsirkan kehendak dan keperluan manusia yang sering berubah dari semasa ke semasa. Syariah sama sekali tidak bersifat sempit dalam meraikan kehendak dan amalan semasa berhubung dengan muamalat

dengan hanya membataskan rujukan kepada al-Quran dan al-Sunnah. Ijtihad para ulama juga amat penting dalam situasi apabila kedua-dua sumber utama tersebut tidak memberikan gambaran yang jelas tentang sesuatu perkara. Ruang lingkup ijtihad para ulama sudah pastinya berasaskan sumber utama dengan melihat realiti kehidupan yang lebih praktikal sejajar dengan kehendak syariah.

Memahami kehendak syariah atau *maqasid syar`iyyah* merupakan teras kemajuan umat Islam dalam semua aspek kehidupan, lebih-lebih lagi dalam aspek muamalat. Berhubung dengan perkara ini, Syariah telah menggariskan asas yang kukuh berdasarkan kaedah fiqh (الأصل في الأشياء الإباحة) yang bermaksud: “Pada asalnya setiap sesuatu perkara itu adalah harus.” Ini bererti urusan muamalat atau aktiviti kewangan pada asalnya diharuskan oleh Islam tetapi disebabkan oleh beberapa elemen haram yang dicampur adukkan dalam aktiviti tersebut, maka hukum asalnya telah berubah.

Proses mengenal pasti keharusan atau kepatuhan sesuatu instrumen kewangan terhadap hukum syarak, memerlukan kemampuan para ulama memahami instrumen tersebut dari segi konsep dan pelaksanaan. Hakikat ini ditegaskan dalam kaedah fiqh yang menyebut (الحكم على شيء فرع عن تصوره) yang bermaksud: “Sesuatu hukum (yang diputuskan) bergantung pada kefahaman (terhadap isu yang dibincangkan).” Justeru, gandingan kukuh antara pengamal pasaran dengan para ulama perlu menjadi asas utama dalam menilai kepatuhan sesuatu instrumen terhadap prinsip Syariah.

### **Memahami Prinsip Syariah Dalam Konteks Muamalat**

Secara umumnya, syariah bermaksud perundangan Islam. Ia merujuk kepada segala hukum-hakam yang disyariatkan oleh Allah SWT berdasarkan dalil-dalil utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Bagi tujuan aplikasi hukum berasaskan dalil-dalil utama, para ulama fiqh berijtihad untuk mengeluarkan hukum-hukum berasaskan ilmu dan kefahaman mereka terhadap dalil-dalil utama dengan dibantu oleh dalil-dalil sokongan hasil daripada ijtihad seperti *qiyas, masalahah, istihsan, istishab, sadd zari`ah, `urf, maqasid syar`iyyah, siyasah syar`iyyah* dan lain-lain lagi.

Pemahaman ulama fiqh ini dikenali sebagai ilmu fiqh Islam iaitu “hasil usaha daripada para *mujtahid* dalam merumuskan sesuatu hukum

dan nilai kepada sesuatu persoalan yang tidak diterangkan secara jelas sama ada di dalam al-Quran atau al-Sunnah”.

Bagi tujuan penulisan ini, syariah dan fiqh Islam mempunyai maksud yang sama, meskipun dari sudut akademik terdapat beberapa perbezaan antara kedua-duanya. Walau bagaimanapun, kedua-duanya terkandung dalam satu disiplin ilmu yang sama iaitu perbincangan undang-undang yang merangkumi peraturan dan garis panduan Allah SWT dalam hal-hal berkaitan ibadat, kekeluargaan, kewangan, jenayah, pentadbiran negara, hubungan antarabangsa dan lain-lain lagi.<sup>1</sup>

Memandangkan asas kepada hukum fiqh juga merupakan al-Quran dan al-Sunnah, hukum yang terhasil daripada *ijtihad* ulama juga dianggap sebagai hukum syariah kerana *ijtihad* tersebut dibuat berpandukan sumber yang sama. Oleh itu, ulama fiqh memberikan pengertian ilmu fiqh sebagai “ilmu yang menerangkan hukum-hukum syariat Islam yang diambil daripada dalil-dalilnya yang terperinci”. Ini bermakna hukum-hukum yang diputuskan dan dipersetujui oleh ulama merupakan sebahagian daripada hukum syarak.

Oleh sebab hukum-hukum syarak yang dinyatakan di dalam Al-Quran dan Al-Sunnah secara jelas adalah terhad, *ijtihad* para ulama amat penting dan diperlukan khususnya dalam konteks *mu'amalat maliyyah* (transaksi kewangan Islam).

## Sumber Syariah

Sumber Syariah terbahagi kepada dua iaitu sumber utama dan sumber sokongan.

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan sumber utama syariah. Ini berdasarkan firman Allah SWT yang menggesa umat Islam merujuk kepada kedua-dua sumber tersebut bagi menyelesaikan masalah yang timbul dalam urusan harian sebagaimana firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا أَطِيعُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا الرَّسُولَ وَأُولِي الْأَمْرِ مِنْكُمْ  
فَإِنْ نَزَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
وَالْيَوْمِ الْآخِرِ ذَلِكَ خَيْرٌ وَأَحْسَنُ تَأْوِيلًا ﴿٥٩﴾

Maksudnya:

“Wahai orang beriman, taatilah Allah SWT dan taatilah Rasul(Nya) dan ulil amri (pemimpin) dalam kalangan kamu. Sekiranya kamu berselisih pendapat tentang sesuatu perkara, maka rujuklah kepada Allah SWT (al-Quran) dan Rasul (al-Sunnah).”

Surah al-Nisa': 59

Allah SWT juga berfirman:

دَوْلَةٌ بَيْنَ الْأَعْيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا عَلَيْكُمْ الرَّسُولُ فَاخْذُوهُ وَمَا  
نَهَكُمْ عَنْهُ فَأَنْهَوْا وَأَتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ ﴿٧﴾

Maksudnya: “Dan apa jua perintah yang dibawa oleh Rasulullah SAW kepada kamu maka terimalah serta amalkan dan apa jua yang dilarang kamu melakukannya, maka patuhilah larangan-Nya.” (Surah al-Hasyr: 7)

## Sumber Sokongan

Selain dua sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah, ijtihad atau interpretasi ulama fiqh terhadap isu-isu yang timbul dalam kehidupan manusia berasaskan garis panduan umum yang dinyatakan oleh kedua-dua sumber utama tersebut, menjadi sumber hukum dalam syariah dan ia diklasifikasikan sebagai sumber sokongan syariah. Sumber sokongan ini antaranya ialah *ijma*, *qiyas*, *maslahah*, *istihsan*, *istishab*, *sadd zari'ah*, *urf*, *maqasid syar'iyah*, *siyasah syar'iyah*, *takwil*, *istiqra'*, *tafiiq* dan lain-lain yang telah diterima pakai dalam perundangan Islam.

Pemakaian sumber sokongan ini bersandarkan hadis Rasulullah SAW ketika Baginda melantik Muaz untuk menjadi qadi di Yaman. Rasulullah telah bertanya kepada Muaz tentang beberapa prinsip penting. Sabda Nabi SAW: “Wahai Muaz, apakah rujukan kamu dalam memutuskan sesuatu keputusan?” Muaz menjawab bahawa beliau akan merujuk kepada Al-Quran. Kemudian Rasulullah SAW menyoal lagi: Bagaimanakah jika perkara yang dihukum tidak terdapat dalam al-Quran?” Muaz menjawab bahawa beliau akan merujuk kepada sebarang

keputusan yang pernah diputuskan oleh Rasulullah SAW. Kemudian Rasulullah SAW bertanya lagi: “Bagaimanakah sekiranya perkara tersebut tidak pernah aku putuskan?”. Lalu Muaz menjawab bahawa beliau akan berijtihad menggunakan pemikiran dan kebijaksanaannya untuk membuat keputusan. Cara Muaz menangani segala persoalan yang memerlukan keputusan hukum telah direstui oleh Rasulullah dengan sabda Baginda: “Segala puji bagi Allah SWT yang telah memberikan petunjuk kepada Rasulullah dan utusan Rasulullah (Muaz).”<sup>2</sup>

Berikut ialah huraian ringkas bagi beberapa sumber sokongan dalam pembentukan hukum syarak.

### ***Ijma'*** (الإجماع)

*Ijma'* bermaksud persepakatan para *mujtahid* di kalangan umat Islam terhadap sesuatu hukum syarak pada sesuatu zaman selepas kewafatan Rasulullah SAW.<sup>3</sup> Namun begitu, adalah sukar untuk menentukan kebenaran dakwaan sesuatu hukum itu merupakan suatu *ijma'* oleh para ulama kerana luasnya wilayah Islam dan wujudnya pelbagai aliran pemikiran di kalangan umat Islam.

Oleh itu, sebahagian besar ulama fiqh berpandangan *ijma'* yang sebenar hanya berlaku pada zaman sahabat Rasulullah SAW sebelum mereka keluar berpindah ke wilayah lain dan dakwaan *ijma'* selepas zaman tersebut ialah sesuatu yang sukar diterima.<sup>4</sup>

### ***Qiyas*** (القياس)

*Qiyas* merujuk kepada menyamakan hukum asal yang mempunyai nas dengan perkara baharu yang tiada nas tetapi mempunyai *'illah* yang sama. Justeru, Imam Syafii telah menganggap *qiyas* sebagai asas kepada ijtihad.<sup>5</sup> Ia dianggap sebagai sumber perundangan yang banyak memberikan sumbangan dalam menyelesaikan isu-isu baharu yang belum dibahaskan.<sup>6</sup>

### ***Maslahah*** (المصلحة)

*Maslahah* bermaksud memutuskan sesuatu hukum berasaskan prinsip kebaikan am pada perkara yang tidak terdapat nas sama ada daripada al-Quran atau al-Sunnah secara jelas.<sup>7</sup> Secara umumnya perundangan Islam meletakkan *maslahah* dalam pelaksanaan sesuatu



hukum. Justeru, bagi perkara yang mendatangkan kebaikan dan keperluan kepada masyarakat, kebiasaannya dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah yang berkaitan didapati dalam bentuk perintah. Tetapi jika sesuatu perkara itu mendatangkan kemudaratan, dalil-dalil yang berkaitan daripada sumber utama hukum syarak didapati dalam bentuk larangan serta tegahan daripada melakukannya.<sup>8</sup>

***Istihsan*** (الإستحسان)

*Istihsan* merujuk kepada mengetepikan sesuatu hukum yang mempunyai dalil berhubung dengan suatu perkara dengan mengambil hukum lain yang lebih kukuh dan lebih kuat daripada hukum pertama, berasaskan dalil hukum syarak yang membolehkan tindakan sedemikian.<sup>9</sup>

***Istishab*** (الإستصحاب)

*Istishab* merujuk kepada pengekaln hukum yang terdahulu selagi belum terdapat dalil lain yang boleh mengubah hukum tersebut.<sup>10</sup>

***Sadd Zari`ah*** (سد الذريعة)

*Sadd zari`ah* merujuk kepada pendekatan untuk menyekat perkara yang boleh membawa seseorang terjebak ke dalam perkara yang diharamkan. Ia dianggap sebagai langkah pencegahan awal untuk mengelakkan seseorang Islam daripada melakukan sesuatu yang dilarang oleh Allah SWT.<sup>11</sup>

***`Urf*** (العرف)

*`Urf* merujuk kepada sesuatu kebiasaan yang diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat sama ada dalam bentuk percakapan atau perbuatan.<sup>12</sup> Ia merupakan *`adat jama`iyyah* (amalan kebiasaan yang diterima pakai secara kolektif) dan boleh diterima pakai sebagai asas hukum selagi tidak bercanggah dengan hukum syarak.<sup>13</sup> Dalam konteks pasaran modal Islam, *`urf tijari* (perkara yang menjadi amalan kebiasaan dalam perniagaan) akan diambil kira sebagai asas sesuatu panduan dan hukum.

***Maqasid Syar'iyah*** (المقاصد الشرعية)

*Maqasid syar'iyah* merujuk kepada objektif yang ingin dicapai oleh Syariah ketika menetapkan sesuatu hukum yang bertujuan menjaga kemaslahatan manusia.<sup>14</sup> Objektif ini merupakan sudut utama yang dianggap penting dalam kehidupan manusia. Ia dikenali sebagai *daruriyyat al-khams* yang merangkumi agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.<sup>15</sup>

***Takwil*** (تأويل)

*Takwil* bermaksud usaha untuk menerangkan kehendak hukum syarak daripada sesuatu lafaz (dalil) tanpa terikat kepada pengertian zahir dalil tersebut. Sebaliknya maksud lain yang tersirat akan diterima pakai sekiranya disokong kuat oleh dalil lain yang menjelaskan bahawa hukum syarak menghendaki maksud tersebut.<sup>16</sup> Ini penting kerana ia menyentuh tentang jangkauan maksud sesuatu dalil dan memahami kehendak hukum syarak bagi sesuatu dalil tersebut, kerana kadangkala sesuatu dalil bukan menghendaki makna zahirnya. Dalam hal ini, ia memerlukan bukti bahawa dalil tertentu mempunyai maksud yang lain daripada zahirnya.

***Istiqra'*** (الإستقراء)

*Istiqra'* bermaksud penelitian secara menyeluruh terhadap sesuatu perkara sebelum memberikan suatu kesimpulan hukum terhadap perkara tersebut. *Manhaj* (kaedah) ini dilaksanakan dengan membuat penelitian terhadap aplikasi dalil am atas hukum cabang yang berkaitan dan seterusnya mengeluarkan beberapa pengecualian jika ada.<sup>17</sup>

***Siyasah Syar'iyah*** (السياسة الشرعية)

*Siyasah Syar'iyah* merupakan suatu bidang dalam perundangan Islam yang membicarakan hukum berhubung kait dengan dasar dan pendekatan yang diambil untuk menyusun struktur pentadbiran negara dan urusan rakyat, selaras dengan ruh syariah. Ia meliputi soal pemerintahan pusat dan wilayah, ekonomi, kehakiman, keamanan, hubungan antarabangsa dan seumpamanya.<sup>18</sup>

## Aplikasi Syariah Dalam Membangunkan Kewangan Islam

Pendekatan yang diambil sebagaimana yang diterangkan di atas jelas menunjukkan bahawa instrumen kewangan Islam dibangunkan berasaskan pemahaman dan pentafsiran terhadap sumber utama iaitu al-Quran dan al-Sunnah. Pemahaman dan pentafsiran ini dikenali sebagai proses ijtihad ulama fiqh.

Dalam proses ini, sekiranya terdapat amalan dalam sistem kewangan moden yang ingin dikembangkan ke dalam sistem kewangan Islam, maka pendekatan utama yang harus diambil ialah pertama sekali merujuk kepada sumber utama. Sekiranya tidak terdapat dalam kedua-dua sumber utama tersebut sama ada secara jelas atau secara tidak langsung, maka proses ijtihad memainkan peranannya.

Sebagai contoh, kontrak gadaian ialah kontrak yang telah dinyatakan dalam al-Quran dan dikenali sebagai *al-rahn*. Firman Allah SWT yang bermaksud: “Jika kamu berada dalam musafir dan kamu tidak menemui pencatat (untuk mencatatkan hutang) maka berilah barang gadaian yang boleh dipegang”.<sup>19</sup>

❁ وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَىٰ سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهْنَ مَقْبُوضَةٌ ۗ

Contoh kontrak yang tidak dinyatakan secara khusus dalam al-Quran ialah kontrak mudarabah. Walau bagaimanapun, keharusannya diperoleh daripada keterangan al-Sunnah sepertimana diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbas r.a. katanya: “Abbas bin Abdul Muttalib apabila dia menyerahkan wang untuk mudarabah, dia mensyaratkan kepada pengusaha supaya jangan mengharungi lautan, melintasi cerun bukit dan membeli binatang yang sakit. Jika ia melakukan itu semua, ia akan dikenakan ganti rugi. Maka beliau memberitahu Rasulullah SAW tentang syaratnya itu. Namun Rasulullah SAW mengharuskannya”.<sup>20</sup>

Contoh kontrak yang tidak terdapat sama ada dalam al-Quran atau al-Sunnah ialah kontrak *bay‘ wafa’* (jual beli bersyarat). *Bay‘ wafa’* merupakan *‘aqd tauthiqiy* (akad jaminan) yang dilaksanakan dalam bentuk jual beli. Dalam akad ini, kedua-dua pihak yang berakad mempunyai hak menuntut untuk memperoleh kembali tukaran masing-masing.<sup>21</sup>

Maksudnya, apabila jual beli *wafa'* berlaku, penjual mempunyai hak untuk menuntut kembali barangan yang dijualnya dengan membayar semula harga barang tersebut sepenuhnya kepada pembeli.<sup>22</sup>

Dengan keharusan *bay' wafa'*, ia bukan sahaja menonjolkan kreativiti ulama fiqh dalam menyelesaikan keperluan masyarakat peniaga pada ketika itu, tetapi juga memperlihatkan pentingnya peranan ulama fiqh dalam menangani isu-isu semasa berlandaskan proses ijtihad. Dalam konteks ijtihad, perkara yang tidak dapat dielakkan ialah munculnya percanggahan pendapat. Jika dirujuk kepada hukum *bay' wafa'*, terdapat pelbagai pandangan mazhab mengenainya. mazhab Maliki, Hanbali dan *mutaqaddimun* (generasi awal) mazhab Hanafi dan Syafi'i berpandangan *bay' wafa'* tidak diharuskan kerana jual beli bukanlah menjadi maksud utama dalam akad *bay' wafa'*. Sebaliknya, tujuan utama adalah sebagai helah menghalalkan riba yang dilarang.<sup>23</sup>

Generasi *mutaakhhirin* (terkemudian) mazhab Hanafi dan Syafi'i telah mengharuskan *bay' wafa'* dengan alasan ia merupakan usaha untuk mengelakkan diri daripada terjebak dengan riba. Mereka mengharuskannya kerana keperluan masyarakat yang mendesak dan telah menjadi *'urf* masyarakat pada kebanyakan tempat.<sup>24</sup>

### **Aspek Pematuhan Syariah**

Bagi memastikan keputusan syariah dilaksanakan secara tepat dan berkesan, peranan pihak-pihak tertentu dalam menyelaraskan dan mentadbir isu-isu syariah adalah perlu. Ini adalah bagi memastikan pembangunan instrumen kewangan Islam berjalan dengan lancar dan tersusun.

Antara institusi penting yang dilihat sebagai peneraju pembangunan kewangan Islam ialah badan pengawal selia kewangan. Badan ini lazimnya terdiri daripada bank pusat sesebuah negara atau institusi pengawal selia pasaran modal. Peranan yang dimainkan oleh pihak pengawal selia adalah amat penting bukan sahaja dari sudut perundangan tetapi juga dari sudut pembangunan instrumen kewangan Islam. Dari sudut perundangan, pihak pengawal selia perlu memastikan perjalanan sistem kewangan Islam akan sentiasa terpelihara dan terjamin. Dari sudut

pembangunan produk pula, pihak pengawal selia perlu membekalkan panduan yang jelas tentang sesuatu produk yang hendak dibangunkan.

Selain badan pengawal selia, peranan yang dimainkan oleh penasihat syariah juga amat penting. Ini adalah kerana hubungan antara kewangan Islam dengan para ulama dan mereka yang ahli dalam bidang kewangan moden tidak dapat dipisahkan, ibarat isi dengan kuku. Justeru, gandingan kedua-dua pihak yang ahli dalam bidang masing-masing khususnya ahli ekonomi dan ahli syariah merupakan satu keperluan. Oleh itu, penasihat syariah akan dilantik oleh mana-mana institusi yang menjadikan kewangan Islam sebagai aktiviti mereka.

Peranan yang dimainkan oleh penasihat syariah amat penting terutama dalam memastikan setiap instrumen yang diperkenalkan mematuhi pada prinsip syariah. Begitu juga dalam memastikan pembangunan kewangan Islam dari segi perencanaan dasar dan pembangunan produk berjalan dengan lancar dan selaras dengan prinsip Syariah.

Dalam melaksanakan tugas dan fungsi penasihat syariah, pihak institusi harus menyediakan pasukan petugas atau sekretariat bagi membantu urusan-urusan pentadbiran dan penyelidikan. Pihak sekretariat juga berperanan untuk menjalankan penyelidikan awal dari aspek syariah terhadap isu yang dibangkitkan supaya pihak penasihat syariah dapat melihat sesuatu perkara secara lebih menyeluruh sebelum membuat sebarang keputusan. Penyelidikan yang dijalankan oleh sekretariat akan membuka ruang perbincangan yang lebih luas kepada penasihat syariah kerana isu-isu yang dibangkitkan disokong oleh hujah syariah.

Dalam konteks perbankan Islam dan takaful, keputusan yang dibuat oleh Majlis Penasihat Syariah (MPS) Bank Negara Malaysia, yang dianggotai oleh mereka yang berkelayakan dalam syariah, ekonomi, undang-undang dan kewangan dianggap sebagai satu ijtihad secara kolektif dan merupakan salah satu sumber hukum yang menjadi panduan umum terhadap status hukum Syarak bagi sesuatu transaksi kewangan semasa. Menerusi pindaan terhadap Akta Bank Negara Malaysia 1958 pada tahun 2003, Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia telah diperakui sebagai badan yang berkuasa berhubung isu-isu syariah dalam perbankan Islam, takaful dan kewangan Islam. Kuasa MPS merangkumi kesemua institusi kewangan di bawah pengawal seliaan Bank Negara Malaysia.

Selain daripada itu, garis panduan bagi mengukuhkan jawatankuasa syariah di institusi kewangan Islam telah dikuatkuasakan pada 1 April 2005 dengan menggariskan peraturan, pengawalan dan tatacara penubuhan Jawatankuasa Syariah, peranan, skop tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa itu serta hubungan dan aturan kerja antara Jawatankuasa berkenaan dengan MPS Bank Negara Malaysia. Semua institusi kewangan yang menawarkan kemudahan kewangan Islam diwajibkan menubuhkan Jawatankuasa Syariah.

Antara tugas dan tanggungjawab Jawatankuasa tersebut ialah menasihati lembaga pengarah mengenai hal-hal syariah dan memastikan operasi perniagaan bank berkenaan mematuhi prinsip Syariah pada setiap masa, mengesahkan Manual Pematuhan Syariah dan meluluskan serta mengesahkan dokumentasi berkaitan. Jawatankuasa juga dikehendaki memberikan ulasan atau keputusan Syariah secara bertulis bagi tujuan rekod dan rujukan.

Bagi memastikan tugas Jawatankuasa Syariah ini berjalan lancar, setiap institusi kewangan Islam bertanggungjawab membantu Jawatankuasa ini dalam pelaksanaan tugasnya. Institusi kewangan Islam dikehendaki merujuk semua isu syariah kepada jawatankuasa ini bagi mendapatkan nasihat dan seterusnya mengguna pakai nasihat yang berkaitan. Institusi kewangan Islam juga dikehendaki memastikan dokumentasi produk yang mengandungi isu syariah dilulus dan disahkan oleh Jawatankuasa Syariah, membenarkan jawatankuasa meneliti semua rekod yang berkaitan, urus niaga, buku panduan atau maklumat lain yang berkaitan supaya ahli jawatankuasa Syariah dapat menjalankan tugas mereka dengan berkesan.

Dalam menangani isu-isu semasa muamalat, ulama fiqh mengambil kira secara serius perkara pokok dalam tradisi *istinbat al-ahkam* (kaedah perumusan hukum) seperti soal halal dan haram, *riba*, *gharar*, *maslahah*, dan *maqasid syar'iyah*. Namun begitu, dalam menjalankan tanggungjawab ini, ulama sentiasa mengambil pendekatan seimbang antara aspek teori dengan amalan dan antara pematuhan prinsip Syariah dengan *'urf al-iqtisadiyyah* (amalan kebiasaan aktiviti ekonomi).

Dalam konteks ini, ulama fiqh lazimnya mengaplikasikan prinsip perubahan yang memerlukan juga perubahan hukum berdasarkan

petunjuk al-Quran dan al-Sunnah. Allah berfirman dalam Al-Quran bermaksud: “Allah tidak mahu menyulitkan kam”.<sup>25</sup> Nabi Muhammad SAW bersabda yang bermaksud: “Permudahkanlah dan jangan menyukarkan”.<sup>26</sup> Terdapat juga kaedah fiqh yang masyhur maksudnya: “Tidak boleh dinafi atau diingkar perubahan sesuatu hukum kerana perubahan masa”.<sup>27</sup>

Mustafa al-Zarqa’ menegaskan bahawa kaedah ini membawa mesej jelas betapa hukum akan berubah dengan perubahan budaya dan cara hidup manusia. Dalam bidang perniagaan, kaedah perniagaan juga akan terus berubah bersama-sama dengan kemajuan zaman dan tamadun manusia itu sendiri.<sup>28</sup> Kaedah fiqh menyatakan “perkara yang menjadi amalan di kalangan peniaga merupakan pengikat antara mereka”.<sup>29</sup>

Ibn al-Qayyim pula menyatakan bahawa kegagalan memberikan respon yang tepat terhadap perubahan ini akan menyebabkan berlakunya ketidakadilan. Sobhi Mahmassani menukilkan kata-kata Ibn al-Qayyim yang berbunyi: “Interpretasi undang-undang sewajarnya berubah dengan perubahan masa, tempat, keadaan dan adat. Pengabaian fakta ini mengakibatkan ketidakadilan kepada syariah dan menyebabkan banyak kesukaran dan kepayahan. Sungguhpun begitu, memang diketahui bahawa syariah yang mulia lagi memelihara kepentingan tertinggi manusia tidak akan membenarkan natijah sedemikian”.<sup>30</sup>

## **Penutup**

Berasaskan penerangan di atas, gabungan antara wahyu dengan akal menjadikan Syariah bersifat dinamik, anjal, berkembang dan mampu menangani setiap persoalan kehidupan manusia setiap masa dan zaman. Namun begitu, kefahaman dan ijtihad akal manusia perlu selaras dengan kehendak wahyu secara umum dan tidak boleh bertindak bebas melampaui garis panduan umum yang ditetapkan.

## **Nota Hujung**

### **(Endnotes)**

- 1 Yusuf al-Qaradhawi, *Madkhal li Dirasah al-Syariah al-Islamiyyah*, Kaherah, Maktabah Wahbah, 1997, h. 7, 9, 21-23 ; Ali al-Khafif, *Ahkam al-Muamalat al-Syar`iyyah*, Dar al-Fikr al-`Arabi, Kaherah, 1996, h.3-4
- 2 Hadis riwayat Abu Daud dan Tirmizi.
- 3 Abu Zuhrah, *Usul al-Fiqh*, Dar al-Fikr, Kaherah, t.t., h. 185
- 4 Ibid h. 188-189.
- 5 Ibid. h. 204.
- 6 Al-Zarqa', *Al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, Dar al-Fikr, Beirut, 1968,j.1, h. 68.
- 7 Ibid. h. 90.
- 8 Izzuddin b. Abd. Salam, *Qawaid al-Ahkam*, Dar al-Makrifah, Beirut, t.t., j. 1. h. 2-4.
- 9 Al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, Dar al-Fikr, Damsyik, 1986, j. 2, h. 738, Abu Zuhrah, *Usul al-Fiqh*, h. 245, Abdul Wahab Khallaf, *Masadir al-Tasyrik al-Islami fi ma la Nassa fihi*, Dar al-Qalam, Kuwait,1982, h. 71.
- 10 Abu Zuhrah, *Usul al-Fiqh*, h. 276.
- 11 Ibid. h. 268.
- 12 Al-Zarqa', *Al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, j. 1, h. 131.
- 13 Al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh*, j. 2, h. 828.
- 14 Ahmad al-Raisuni, *Nazariyyah al-Maqasid 'inda al-Imam al-Syatibi* , The International Institute of Islamic Thought, Herndon, 1992, h. 7.
- 15 Mustafa al-Zarqa', *al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, Dar al-Qalam, Damsyik, 1998, j. 1, h. 102
- 16 Al-Duraini, *Al-Manahij al-Usuliyah*, Muassasah al-Risalah, Damsyik, t.t., h. 189.
- 17 Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah, j. 4, h. 77, Al-Zuhaili, *Usul al-Fiqh al-Islami*, j. 2, h. 916.
- 18 Wizarah al-Auqaf wa al-Syu'un al-Islamiyyah, *Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*, Kuwait, 1990, j. 25, h. 294-310, Ahmad al- Husary, *Al-Siyasah al-Iqtisodiyah wa al-Nuzum al-Maliyyah fi al-Fiqh al-Islami*, Maktabah al-Kulliyat al-Azhariyyah, Kaherah, t.t, h. 12.
- 19 Surah Al-Baqarah : 283
- 20 Hadis riwayat al-Tabari
- 21 Mustafa al-Zarqa', *Al-Madkhal al-Fiqhi al-Am*, j. 1, h. 544.
- 22 Nazih Hammad, *Mukjam al-Mustalahat al-Iqtisodiyah*, h. 86.
- 23 Yusuf Kamal, *Fiqh Iqtisad al-Suq*, Dar al-Wafa', Kaherah, 1996, h. 195, 'Ali al-Khafif, *Ahkam al- Muamalat*, h. 399.



- 24 Ba'alawi, Bughyahal-Mustarsyidin, Daral-Ma'rifah, t.t., h. 133, Ibnu Nujaim, Al-Bahru al-Ra'iq, j. 6, h. 8-9.
- 25 Surah Al-Maa'idah : Ayat 6
- 26 Hadis Riwayat Bukhari dan Muslim
- 27 Artikel 39, Undang-Undang Sivil Islam, Terjemahan DBP, 1990
- 28 Mustafa Al-Zarqa', Al-Madkhal al-Fiqhi al-'Am, Dar al-Fikr, Beirut, 1968, j.2, h.923
- 29 Wahbah al-Zuhaili, al-Nazoriyat al-Fiqhiyyah, Dar al-Qalam, Damsyik, 2005, h.191
- 30 S.Mahmassani, The Philosophy Of Jurisprudence In Islam, Terjemahan Farhat Ziadeh, Hizbi, 1987, h.107

JURNAL MUAMALAT diterbitkan sekali setahun. Surat menyurat dan sumbangan artikel hendaklah dihantar kepada:

Ketua Editor

**JURNAL MUAMALAT**

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia,  
Bahagian Penyelidikan, Aras 6, Blok D7, Kompleks D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya  
Tel: 03-88864000 Fax: 03-88891993